

***NILAI - NILAI KEPERIBADIAN WANITA DALAM SYAIR
PUTERI AKAL SEBAGAI TERAS NILAI BUDAYA TINGGI
DALAM DASAR KEBUDAYAAN NEGARA (DAKEN)***

RABI'ATUL ADAWIYAH BINTI MOHD ZUKI

C22A0498

UNIVERSITI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

***NILAI - NILAI KEPERIBADIAN WANITA DALAM SYAIR
PUTERI AKAL SEBAGAI TERAS NILAI BUDAYA TINGGI
DALAM DASAR KEBUDAYAAN NEGARA
(DAKEN)***

RABI'ATUL ADAWIYAH BINTI MOHD ZUKI

C22A0498

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan Kepujian
(Kesusasteraan Warisan)**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan**

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini menghasilkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana university atau institusi.

- ☒ **TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- ☐ **SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah dari tarikh..... sehingga
- ☐ **SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- ☐ **TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan
Rabi'atul Adawiyah
binti Mohd Zuki
C22A0498

Tarikh: 4/1/2025



Tandatangan Penyelia
Dr. Nordiana binti
Ab Jabar

Tarikh: 4/1/2025

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Penyayang dan Maha Pemurah

Terlebih dahulu , bersyukur ke atas hadrai Ilahi kerana dengan limpahan dan kurnia-Nya yang dianugerahkan kepada kami untuk menyiapkan tugas kerja kursus ini dengan penuh jayanya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan terima kasih kepada pensyarah kursus subjek CFT4134 Projek Penyelidikan 1 dan 2 iaitu Dr. Nordiana binti Ab Jabar kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Bimbingan dari beliau merupakan tunjang kepada kejayaan saya menyiapkan kajian ini. Saya amat menghargai kesabaran, dedikasi dan semangat beliau sebagai pembimbing, bukan hanya sebagai seorang pendidik, tetapi sebagai mentor yang memberi inspirasi untuk menghasilkan laporan yang berkualiti tinggi.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak berkorban masa dan tenaga dalam memberi sokongan dan dorongan serta doa yang tidak putus untuk saya, tanpa doa mereka saya tidak akan mampu menghadapi segala dugaan sepanjang perjalanan saya dalam menghabiskan pengajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi motivasi dan sentiasa berkongsi pandangan sepanjang perjalanan ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada para pensyarah dan pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kerana menyediakan pelbagai sumber dan peluang untuk saya melengkapkan kajian ini.

Akhir sekali, penghargaan ini saya dedikasikan kepada diri saya sendiri kerana tetap teguh berdiri walaupun diuji dengan pelbagai kesukaran termasuk cabaran dari segi kesihatan yang saya alami sepanjang menjalankan tesis ini. Semoga hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua yang membacanya dan menjadi sumbangan kecil saya kepada dunia akademik.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	
SENARAI RAJAH	iv
ABSTRAK	
<i>ABSTRACT</i>	
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.2.1 Definisi Konsep	7
1.2.1.1 Keperibadian Wanita	7
1.2.1.2 Nilai Budaya Tinggi	8
1.2.1.3 Syair Puteri Akal	9
1.2.1.4 Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021	10
1.3 Permasalahan Kajian	11
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Skop dan Batasan Kajian	15
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.7.1 Individu	17
1.7.2 Masyarakat	18
1.7.3 Negara	18
1.8 Kesimpulan	19

BAB 2 KAJIAN LEPAS

2.1	Pengenalan	20
2.2	Kajian Lepas Mengenai Keperibadian Wanita	28
2.2.1	Tesis	21
2.3.2	Buku	32
2.2.2	Artikel Jurnal	25
2.3	Kajian Lepas Mengenai Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN)	28
2.3.1	Tesis	28
2.3.3	Artikel Jurnal	36
2.4	Kajian Lepas Mengenai Syair Melayu	41
2.4.1	Artikel Jurnal	41
2.5	Kesimpulan Bab 2	47

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	48
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.2.1	Dokumentasi	49
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	51
3.3.1	Kaedah Kepustakaan	51
3.3.2	Analisis Dokumen	53
	i. Analisis Teks	53
	ii. Artikel Jurnal dan Buku	55
	iii. Internet	56
3.3.3	Analisis Tematik	57

3.1.1	Penerapan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN)	59
3.6	Kerangka Teori (DAKEN) 2021	64
3.7	Kesimpulan	65
 BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN		
4.1	Pengenalan	68
4.2	Ciri Keperibadian Wanita Dalam Syair Puteri Akal Berdasarkan Nilai Budaya Tinggi Melayu	70
4.2.1	Tatasusila	72
4.2.1.1	Kesopanan dan Kesantunan	77
4.2.1.2	Adab Seorang Wanita sebagai Isteri	82
4.2.1.3	Kesabaran Wanita sebagai Isteri	87
4.2.1.4	Menjaga Maruah Diri	92
4.2.2	Tatacara	98
4.2.2.1	Adat dan Budaya	102
4.2.2.3	Pakaian dan Penampilan	107
4.2.2.4	Upacara dan Protokol	112
4.3	Nilai Budaya Tinggi Yang Terkandung Dalam Syair Puteri Akal Seajar Dengan Prinsip-Prinsip Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021.	122
4.3.1	Kemuliaan Ilmu	123
4.3.2	Nilai Kesetiaan	127
4.3.3	Nilai Keharmonian	130
4.3.4	Nilai Kejujuran/Tulus Ikhlas	136
4.3.5	Nilai Budi	137
4.3.6	Nilai Muafakat	138

4.4 Peranan Keperibadian Wanita Dalam <i>Syair Puteri Akal</i> Sebagai Cerminan Kekuatan Bangsa	140
4.4.1 Wanita Sebagai Penjaga Nilai Budaya Dan Tradisi	142
4.4.2 Wanita Sebagai Pemimpin	146
4.4.3 Wanita Sebagai Teladan Akhlak dan Kesopanan	149
4.4.4 Wanita Sebagai Penyemai Kebijaksanaan	152
 BAB 5 RUMUSAN	
5.1 Pengenalan	155
5.2 Rumusan	156
5.3 Implikasi Kajian	158
5.4 Cadangan Kajian	161
5.5 Kesimpulan	164
 RUJUKAN	 165

SENARAI JADUAL

3.6	Kerangka Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021	64
-----	---	----

SENARAI RAJAH

	Gambar Rajah 3.3 : <i>Syair Puteri Akal</i>	56
--	---	----

**NILAI - NILAI KEPERIBADIAN WANITA DALAM SYAIR PUTERI AKAL
SEBAGAI LAMBANG BUDAYA TINGGI BERDASARKAN
DASAR KEBUDAYAAN NEGARA (DAKEN)**

ABSTRAK

Syair merupakan salah satu genre sastra tradisional Melayu yang berfungsi sebagai medium penyampaian nilai, pemikiran dan panduan kehidupan masyarakat. *Syair Puteri Akal* memaparkan keperibadian wanita yang sarat dengan nilai keperibadian unggul dan budaya tinggi. Kajian ini dijalankan untuk meneliti nilai-nilai keperibadian wanita dalam *Syair Puteri Akal* sebagai lambang budaya tinggi berdasarkan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri keperibadian wanita dalam *Syair Puteri Akal* berdasarkan nilai budaya tinggi Melayu, menganalisis nilai budaya tinggi yang terkandung dalam *Syair Puteri Akal* sejajar dengan prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Negara DAKEN 2021 serta menilai peranan keperibadian wanita dalam *Syair Puteri Akal* sebagai cerminan kekuatan bangsa. Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif menerusi analisis teks secara deskriptif dan interpretatif terhadap kandungan *Syair Puteri Akal*. Data kajian dianalisis dengan menumpukan kepada aspek nilai keperibadian seperti kebijaksanaan akal, kesantunan budi, keteguhan prinsip dan peranan wanita dalam kehidupan sosial dan budaya. Hasil kajian mendapati bahawa *Syair Puteri Akal* menggambarkan wanita sebagai insan berakhlak dan berwibawa serta berfungsi sebagai medium pendidikan budaya yang menzahirkan nilai budaya tinggi selaras dengan DAKEN 2021. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa warisan sastra klasik berpotensi dijadikan rujukan penting dalam pembinaan jati diri, pemerdayaan wanita dan pemeliharaan warisan budaya Melayu dalam konteks masyarakat kontemporari.

Kata kunci: *Syair Puteri Akal*, nilai keperibadian wanita, budaya tinggi, Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021, sastra Melayu.

***VALUES OF WOMEN'S PERSONALITY IN SYAIR PUTERI AKAL AS A
SYMBOL OF HIGH CULTURAL IDEALS BASED ON THE
NATIONAL CULTURAL POLICY (DAKEN)***

ABSTRACT

Syair is one of the traditional Malay literary genres that functions as a medium for conveying values, ideas, and guidance for communal life. *Syair Puteri Akal* portrays women's personalities imbued with noble personal values and high cultural ideals. This study aims to examine the values of women's personality in *Syair Puteri Akal* as a symbol of high culture based on the National Cultural Policy (Dasar Kebudayaan Negara, DAKEN) 2021. The objectives of this study are to identify the characteristics of women's personality in *Syair Puteri Akal* based on Malay high cultural values, to analyze the high cultural values embedded in *Syair Puteri Akal* in alignment with the principles of DAKEN 2021, and to evaluate the role of women's personality in *Syair Puteri Akal* as a reflection of national strength. This study employs a qualitative approach through descriptive and interpretative textual analysis of *Syair Puteri Akal*. The data are analyzed by focusing on aspects of personality values such as wisdom, refined manners, steadfast principles, and women's roles in social and cultural life. The findings indicate that *Syair Puteri Akal* portrays women as morally upright and authoritative individuals and functions as a medium of cultural education that embodies high cultural values in accordance with DAKEN 2021. The implications of this study suggest that classical literary heritage has significant potential as an important reference in identity formation, women's empowerment, and the preservation of Malay cultural heritage in contemporary society.

Keywords: *Syair Puteri Akal*, women's personality values, high culture, National Cultural Policy (DAKEN) 2021, Malay literature.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan Melayu merujuk kepada warisan sastra yang ditulis dalam Bahasa Melayu. Ia meliputi pelbagai genre seperti syair, pantun gurindam, hikayat dan novel moden. Karya-karya ini mempunyai pengaruh besar dalam budaya Melayu dan telah membentuk identiti kebudayaan serantau di Asia Tenggara. Selain daripada itu, ia memaparkan nilai-nilai, kepercayaan dan tradisi masyarakat Melayu melalui karya-karya yang kaya dengan elemen-elemen keindahan bahasa dan peribadi yang unik. Menurut pandangan Sarjana Ismail Hussein (1998), kesusasteraan merangkumi semua aspek yang menggunakan kata-kata atau bahasa yang bersifat kreatif.

Seterusnya, sastra juga dapat dikatakan sebagai seni bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana sastra adalah ungkapan spontan daripada perasaan yang mendalam, malah sastra juga merupakan ekspresi fikiran melalui medium bahasa. Tambahan pula, sastra ini adalah satu istilah yang dipanggil poetic license yang bermaksud penulis adalah kebebasan berkarya tanpa terlalu terikat dengan hukum tatabahasa. Fokusnya, lebih kepada keindahan bahasa, maksud tersirat dan

nilai seni dalam sesebuah karya. Kementerian Pelajaran Malaysia (2003), mentakrifkan kesusasteraan sebagai karya bahasa yang menyatakan pengalaman dan perasaan manusia secara kreatif. Kesusasteraan ini telah menghimpunkan gambar masyarakat dan nilai-nilai hidup. Kementerian Pelajaran Malaysia juga mentakrifkan bahawa kesusasteraan merupakan karya asal yang ditulis dalam bahasa Melayu termasuk karya jenis bertulis mahupun karya jenis lisan yang direkodkan dan karya yang berfungsi sebagai alat pendidikan untuk mengimbangi perkembangan intelek, emosi, rohani dan jasmani.

Puisi tradisional Melayu merupakan warisan Melayu yang sangat menarik dan unik. Puisi tradisional Melayu telah muncul sebelum bermulanya sistem tulisan lagi. Menurut Abdul Halim (2004), puisi bukan hanya sebatih dalam jiwa masyarakat sebagai satu hasil seni malah merupakan satu bentuk wadah pemeliharaan adat pembina sahsiah diri, pengajar agama, pertahanan, hiburan dan juga kepercayaan. Menurut Mohd Rosli (2000), jenis dan bentuk puisi yang terdapat dalam puisi tradisional Melayu adalah seperti syair, pantun, seloka, teromba dan lain-lain lagi. Antara genre sastera yang menjadi medium penyampaian falsafah hidup dan panduan moral adalah syair. Hal ini dikatakan demikian kerana puisi ini berbentuk puisi naratif berangkap empat baris yang digunakan untuk mengisahkan cerita, memberikan nasihat dan memperjuangkan nilai-nilai tertentu. Pada zaman lampau, pantun jarang-jarang dikumpulkan menjadi suatu rujukan lebih-lebih lagi dihimpunkan menjadi suatu dokumentasi seperti syair. Menurut Ghazali Lateh dalam Kumpulan Syair Negara Tercinta (2013), “dalam konteks kesusasteraan Melayu, syair sangat dominan kerana digunakan untuk menceritakan riwayat dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam sejarah”. Petikan tersebut membuktikan

bahawa syair menelusuri perkembangan, dirakam dalam bentuk tulisan kerana syair meriwayatkan peristiwa penting untuk tatapan anak bangsa.

Syair Puteri Akal adalah salah satu karya yang menonjol dalam menyampaikan mesej yang mendalam berkaitan keperibadian wanita dan nilai budaya Melayu. Karya *Syair Puteri Akal* mengisahkan tentang seorang puteri yang memiliki kebijaksanaan dan budi pekerti yang tinggi. Watak Puteri Akal digambarkan sebagai lambang wanita unggul yang menjadikan akal dan hikmah sebagai senjata utama dalam menghadapi cabaran. Karya ini bukan sekadar menyajikan kisah fantasi atau hiburan semata-mata, tetapi sebaliknya menyelitkan pelbagai nilai budaya tinggi dalam membentuk keperibadian seorang wanita dalam konteks budaya Melayu tradisional. Secara tidak langsung, syair ini dengan halusny menyampaikan mesej dalam memperkukuhkan jati diri wanita dan membentuk pemahaman tentang peranan wanita dalam masyarakat.

Dalam konteks kajian ini, nilai budaya tinggi merujuk kepada prinsip-prinsip dan amalan budaya yang dianggap luhur, bermaruah dan membina masyarakat beradab. Nilai-nilai ini merangkumi aspek kejujuran, kesopanan, kebijaksanaan, kesetiaan, harga diri, tolak ansur dan penghormatan kepada orang lain. Nilai-nilai ini menjadi asas pembentukan jati diri individu malah mencerminkan kehalusan budi dan ketinggian tamadun sesuatu bangsa. Dalam kesusasteraan, nilai budaya tinggi digambarkan melalui watak, perwatakan, dialog dan tindakan yang mengangkat martabat kemanusiaan.

Selain daripada itu, keperibadian wanita merujuk kepada ciri-ciri dalaman yang membentuk sikap dan akhlak. Dalam tradisi Melayu, wanita bukan sahaja dilihat sebagai pelengkap kepada lelaki, tetapi juga sebagai penjaga maruah keluarga dan pendidik generasi. Keperibadian wanita yang luhur akan memancarkan kemuliaan akal budi, kekuatan jiwa dan kematangan dalam membuat keputusan. Justeru, wanita berperibadi mulia bukan sekadar dihargai kerana kecantikan fizikal semata-mata, tetapi lebih penting kerana akal dan budi yang dimilikinya.

Melalui kajian terhadap *Syair Puteri Akal*, karya ini memperlihatkan nilai-nilai budaya tinggi yang membentuk keperibadian wanita ideal. Kajian ini penting kerana ia bukan sahaja memperlihatkan keindahan bahasa dan estetik sastera Melayu, tetapi memartabatkan pemikiran tinggi yang mendidik masyarakat khususnya dalam mengangkat martabat wanita. Dalam dunia moden yang semakin mencabar ini, nilai-nilai tradisional seperti syair ini menjadi bukti bahawa kesusasteraan klasik Melayu masih relevan dalam membentuk jati diri dan keperibadian insan yang seimbang antara jasmani dan rohani, akal dan emosi serta adat dan agama.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kesusasteraan Melayu tradisional tidak hanya berperanan sebagai wadah hiburan tetapi juga menjadi medium penting dalam menyampaikan nilai, pemikiran dan falsafah hidup masyarakat. Seterusnya, karya-karya yang dihasilkan sarat dengan unsur pengajaran dan nilai moral dalam kehidupan yang ingin dicapai oleh sesuatu bangsa. Antara nilai yang paling ketara dan konsisten dalam kesusasteraan Melayu ialah nilai budaya tinggi yang membentuk keperibadian dan jati diri masyarakat, khususnya wanita. Dalam banyak karya tradisional, watak wanita sering dijadikan simbol kepada kesetiaan, kelembutan, kecerdikan serta kekuatan dalaman yang tinggi.

Selanjutnya, karya *Syair Puteri Akal* ini merupakan sebuah karya sastra Melayu klasik yang mengetengahkan watak wanita sebagai tokoh utama dan teras cerita. Watak Puteri Akal digambarkan sebagai wanita yang memiliki kecantikan rupa paras, akal yang cerdas, budi pekerti yang luhur, berani dan bijak membuat keputusan dalam situasi yang mencabar. Syair ini secara tersirat menekankan nilai-nilai budaya tinggi seperti kebijaksanaan, ketabahan, kesopanan, kesetiaan dan integriti diri yang menjadi tunjang kepada keperibadian wanita ideal dalam masyarakat Melayu tradisional.

Namun begitu, dalam konteks masyarakat moden hari ini, peranan dan nilai wanita sering kali disalah tafsir atau dikaburkan oleh pengaruh budaya luar dan arus globalisasi. Nilai-nilai murni yang pernah menjadi asas pembentukan jati diri wanita Melayu kini semakin terhakis, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, kajian terhadap karya *Syair Puteri Akal* menjadi penting untuk meneliti tentang kesusasteraan tradisional dalam memberikan panduan dan contoh teladan dalam pembentukan keperibadian wanita berlandaskan nilai budaya tinggi.

Selain memberikan kefahaman tentang kedudukan wanita dalam sastera, kajian ini juga membuka ruang untuk memahami sistem nilai masyarakat Melayu yang diangkat dalam kesusasteraan lama. Nilai-nilai ini bukan sahaja relevan dalam konteks sejarah, tetapi juga mampu dijadikan asas dalam mendidik dan membentuk jati diri wanita masa kini yang seimbang antara tuntutan tradisi dan cabaran kontemporari. Oleh itu, *Syair Puteri Akal* dipilih sebagai teks kajian kerana kekuatannya dalam mengetengahkan mesej-mesej nilai dan keperibadian yang signifikan untuk dianalisis secara lebih mendalam.

1.2.1 Definisi Konsep

1.2.1.1 Keperibadian Wanita

Keperibadian wanita merujuk kepada keseluruhan ciri-ciri peribadi yang membentuk identiti dan jati diri seorang wanita. Ia mencakupi aspek akhlak, tingkah laku, sikap, pegangan hidup serta cara seseorang wanita berfikir dan bertindak dalam kehidupan seharian. Secara literalnya, peribadi diinterpretasi sebagai suatu sifat, kelakuan, sikap dan watak seseorang yang sudah sehati dengan dirinya sendiri atau manusia sebagai diri sendiri. Hamka (2014:4), mempersonifikasikan peribadi sebagai kumpulan sifat dan kelebihan diri yang menunjukkan kelebihan seseorang daripada orang lain sehingga ada manusia yang diangkat sebagai manusia besar ataupun sebaliknya sebagai manusia kecil. Apabila merujuk kepada nilai peribadi dan keperibadian wanita berdarah keturunan Melayu diinterpretasi Ibu Zain (2019), berasaskan dua pertimbangan. Pertamanya ialah peribadi yang terbentuk daripada kewajiban mereka untuk memperkuat akidah jika beragama Islam. Keduanya ialah elemen kebijaksanaan mereka dalam mempertahankan budaya dan adat Timur yang menjadi darah daging mereka dari generasi demi ke generasi. Dalam masyarakat Melayu tradisional, keperibadian wanita yang ideal adalah yang berpegang kepada nilai agama dan adat. Sebagai contoh, bersikap lemah lembut tetapi tegas, menjaga kehormatan diri, berbudi pekerti mulia dan memainkan peranan penting dalam institusi keluarga dan masyarakat. Watak Puteri Akal dalam syair ini memperlihatkan contoh keperibadian wanita yang tinggi bukan hanya cantik secara fizikal tetapi juga memiliki kekuatan intelektual.

1.2.1.2 Nilai Budaya Tinggi

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), nilai budaya tinggi merujuk kepada prinsip, amalan dan sikap yang dijunjung oleh sesebuah masyarakat sebagai lambang tamadun dan keluhuran budi. Dalam konteks budaya Melayu, nilai ini merangkumi kejujuran, kesopanan, kebijaksanaan, keberanian, kesetiaan, hormat-menghormati dan pegangan teguh terhadap agama dan adat. Nilai-nilai ini ditanam sejak kecil melalui institusi kekeluargaan, pendidikan dan karya-karya sastera sebagai satu cara mendidik masyarakat menjadi insan beradab dan berakhlak mulia. Dalam *Syair Puteri Akal*, nilai budaya tinggi ini di zahirkan melalui watak Puteri Akal yang sentiasa bertindak menggunakan akal, menjaga maruah, bersifat sabar dan bijaksana dalam membuat keputusan. Sifat semula jadi wanita adalah suatu nilai budaya. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai-nilai yang dimaksudkan mempunyai erti tersendiri iaitu kepercayaan tentang perilaku ideal dan tujuan yang diberi oleh anggota sebuah budaya. Dalam sebuah nilai budaya, gagasan tentang peranan dan kedudukan wanita dilihat secara berperingkat dari sisi harapan, nilai dan keadaan sosialnya. Selain itu, sifat semula jadi wanita digunakan untuk menetapkan peranan dan tempat wanita dalam masyarakat dan ini juga telah mempengaruhi cara orang memandang wanita. Dengan itu, peranan semula jadi wanita yang dianggap sebagai nilai budaya adalah yang mempunyai kuasa.

1.2.1.3 *Syair Puteri Akal*

Syair Puteri Akal merupakan salah satu karya puisi tradisional Melayu yang mengangkat kisah seorang puteri yang bijaksana dan tabah dalam menghadapi cabaran hidup. Syair ini bersifat naratif yang berbentuk romantis dan mengandungi pelbagai pengajaran moral dan nilai yang ditujukan kepada pembaca terutamanya tentang kedudukan wanita yang luhur dalam masyarakat. Watak Puteri Akal menjadi simbol wanita Melayu yang bukan sahaja jelita tetapi juga bijak dan berprinsip. Karya ini sesuai untuk dianalisis dari sudut nilai budaya tinggi dan keperibadian wanita. *Syair Puteri Akal* dikenali sebagai Puteri Handelan yang merupakan naskah yang berasal dari Riau. Menurut En. Rusdi bin Abd Rahman iaitu Perancang Bahasa, Bahagian Penyelidikan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka, beliau menyatakan bahawa Siri Warisan Sastera Klasik ini yang bertajuk *Syair Puteri Akal* mempunyai jalinan 570 rangkap syair dan di simpan di Perpustakaan Nasional Republik Indonesia, Jakarta Indonesia. Syair ini menggunakan tulisan jawi dan terdapat istilah pinjaman bahasa Arab.

1.2.1.4 Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021

Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) menetapkan hala tuju untuk menjadi Malaysia sebagai Negara Maju Rakyat Berbudaya berdasarkan pendekatan budaya nilai tinggi yang ditunjangi tiga (3) elemen utama iaitu tatasusila, tatacara dan tahap keintelektualan serta amalan nilai-nilai murni. Dasar ini digubal sebagai punca kuasa dan rujukan kepada hal ehwal seni, budaya dan warisan. Dasar ini juga memberi penekanan kepada usaha pengukuhan jati diri dan pembinaan negara bangsa. Secara umumnya, DAKEN ini akan menjadi panduan dan rujukan bagi memperkasa serta meningkatkan pemahaman, penghayatan, kecintaan dan pengamalan budaya dalam aspek kehidupan. Dasar ini perlu dimiliki, dihayati dan didukung oleh semua pihak supaya aspek seni, budaya dan warisan negara terus terpelihara, disanjung dan lestari lebih-lebih lagi dalam kajian tentang nilai budaya tinggi dalam Syair Puteri Akal ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.3 Permasalahan Kajian

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan, didapati bahawa kebanyakan penyelidikan di lakukan di negara Indonesia. Hal ini kerana *Syair Puteri Akal* merupakan manuskrip yang berasal dari Riau bertulisan jawi lama yang sukar dibaca. Melalui penelitian, manuskrip *Syair Puteri Akal* tersimpan di beberapa buah institusi. Antara institusi tersebut adalah Perpustakaan Nasional Republik Indonesia, Jakarta. Namun begitu, Dewan Bahasa dan Pustaka di Malaysia telah mengambil langkah yang proaktif dalam melaksanakan pelbagai kajian manuskrip Melayu lama dan sastera rakyat di bawah subfungsi Kajian Karya Agung/Naskah Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah melatih kakitangannya dalam bidang tersebut dan kini Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mempunyai pakar membaca tulisan Jawi lama, transliterasi dan mengkaji manuskrip Melayu lama termasuk *Syair Puteri Akal* ini.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa kajian lepas yang di lakukan oleh penyelidikan di negara Malaysia tentang keperibadian seorang wanita dan peranan wanita. Antaranya adalah kajian lepas berkenaan tentang peranan wanita dalam institusi kekeluargaan yang dilakukan oleh Siti Nur Husna Abd Rahman (2017), menyatakan bahawa peranan wanita dalam rumahtangga telah berlaku perubahan seiring dengan zaman kemodenan ini. Menurut Suriati (2002), antara peranan wanita dalam institusi kekeluargaan adalah sebagai pengurus rumah tangga. Kerja mengurus rumah tangga adalah sinonim dengan wanita tidak kira sudah berkahwin ataupun belum. Tanggungjawab menjaga ahli keluarga yang sakit, tidak berupaya

dan uzur adalah terletak dibawah tanggungjawab wanita.

Oleh disebabkan lahirnya zaman moden kini maka timbul cara hidup baru yang menyebabkan berlaku perubahan tertentu yang boleh meluaskan lagi peranan wanita. Namun begitu, Colonius Atang, Dg Norizah Ag Kiflee @ Dzulkifli (2014) pula telah mengangkat martabat wanita. Ini adalah kerana dalam kebanyakan budaya masyarakat Asia meletakkan wanita sebagai pembantu atau penyokong lelaki yang dianggap lebih dominan. Penyelidikan lepas juga menyatakan bahawa wanita juga mempunyai tanggungjawab yang besar dalam pembentukan dan pembangunan keluarga dan masyarakat. Tunjang kepada keharmonian keluarga adalah insan bernama wanita kerana peranan wanita itu sendiri yang bersifat dinamik iaitu boleh berperanan sebagai pengurus rumahtangga. Ini dapat dilihat dalam *Syair Puteri Akal* juga yang di mana dalam syair tersebut juga menyatakan bahawa tentang pengurusan dan kepimpinan wanita.

Selain daripada itu, terdapat beberapa konflik yang berlaku dalam watak syair tersebut yang boleh dikaitkan dengan era globalisasi ini. Antaranya ialah Puteri Akal dilayan dengan buruk oleh suaminya, namun dia tetap bersabar dan menerima layanan tersebut. Terdapat pelbagai isu yang dialami oleh golongan wanita terutamanya dalam aspek sosial yang sering kali lebih berpihak kepada lelaki. Masalah sosial ini boleh berlaku dalam semua lapisan masyarakat tanpa mengira status ekonomi dan melibatkan ketidakadilan serta penindasan terhadap hak wanita. Sebagai contoh, baru-baru ini timbulnya isu rumah tangga yang turut melibatkan selebriti tempatan iaitu Edika Yusof. Bekas isteri iaitu Nor Hidayah Yusri mengatakan bahawa sudah lebih 20 tahun jadi mangsa keganasan rumah

tangga. Pendedahan ini menyorot satu isu penting berkaitan hak wanita dalam institusi perkahwinan iaitu hak untuk hidup dalam persekitaran yang selamat dan bebas daripada penderaan fizikal, emosi mahupun mental.

Dengan ini, isu tersebut telah mencerminkan bahawa masih ramai wanita yang terperangkap dalam perkahwinan yang toksik tetapi memilih untuk berdiam diri atas faktor tekanan sosial atau kekangan ekonomi. Ia juga menunjukkan bahawa keganasan rumah tangga bukan sahaja berlaku dalam golongan masyarakat biasa tetapi juga melibatkan tokoh awam atau selebriti sama seperti berlaku kepada watak Puteri Akal dalam syair tersebut.

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang timbul dalam kajian ini.

- 1.4.1 Apakah ciri-ciri keperibadian wanita yang dipaparkan dalam *Syair Puteri Akal* ?
- 1.4.2 Bagaimanakah nilai budaya tinggi yang terkandung dalam *Syair Puteri Akal* sejajar dengan prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021.
- 1.4.3 Sejauh manakah peranan nilai-nilai keperibadian wanita dalam *Syair Puteri Akal* dapat berfungsi sebagai cerminan kekuatan bangsa ?

1.5 Objektif Kajian

Melalui kajian ini, terdapat beberapa objektif penting yang telah di kenalpasti bagi mendapatkan maklumat yang lengkap. Melalui objektif ini, pengkaji akan menghuraikan tentang permasalahan yang timbul semasa melakukan kajian ini.

- 1.5.1 Meneliti ciri-ciri keperibadian wanita dalam *Syair Puteri Akal* berdasarkan nilai budaya tinggi Melayu.
- 1.5.2 Menganalisis nilai budaya tinggi yang terkandung dalam *Syair Puteri Akal* sejajar dengan prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DAKEN) 2021.
- 1.5.3 Menilai peranan nilai-nilai keperibadian wanita dalam *Syair Puteri Akal* sebagai cerminan kekuatan bangsa.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada penganalisan karya *Syair Puteri Akal* dari sudut nilai keperibadian wanita sebagai teras nilai budaya tinggi. Skop kajian ini tertumpu kepada watak-watak wanita dalam syair iaitu Puteri Akal yang menjadi simbol wanita berakhlak tinggi, bijaksana dan berpegang teguh pada nilai-nilai murni budaya Melayu. Kajian ini meneliti nilai-nilai tersebut dizahirkan melalui tindakan, pemikiran dan dialog watak serta nilai itu difahami dalam konteks budaya dan sastera Melayu tradisional.

Kajian ini juga dihadkan kepada analisis teks secara kualitatif dan tidak melibatkan kajian lapangan, temu bual atau soal selidik. Bahan yang dikaji adalah terhad kepada teks syair yang telah diterbitkan dan dianalisis dari sudut naratif, tema dan perwatakan. Batasan lain termasuk kekangan sumber sekunder yang membincangkan secara langsung mengenai *Syair Puteri Akal* memandangkan karya ini kurang dibicarakan secara meluas dalam wacana akademik berbanding karya-karya tradisional yang lain.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini tidak membincangkan semua perkara atau tema yang ada dalam syair, sebahagian watak-watak wanita sahaja yang dikaji. Namun begitu, kajian ini menumpukan kepada keperibadian wanita yang berasaskan nilai budaya tinggi. Ini telah membantu dalam memberi gambaran atau menjelaskan bagaimana wanita digambarkan (citra wanita) dalam karya-karya sastera Melayu.

Kajian ini boleh dijadikan asas atau titik permulaan untuk kajian- kajian akan datang yang lebih mendalam dan menggunakan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) sebagai panduan teori atau rangka fikir. Terdapat sepuluh (10) nilai bersama yang menjadi pendukung kepada kepada Budaya Nilai Tinggi iaitu kerohanian, budi, muafakat, kemuliaan ilmu, kesaksamaan, kesejahteraan, kesetiaan, kejujuran, keindahan dan kebersihan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneliti nilai keperibadian wanita dalam *Syair Puteri Akal* sebagai teras nilai budaya tinggi dengan memberi tumpuan terhadap sumbangan karya ini dalam membentuk jati diri wanita secara keseluruhan. Kepentingan kajian ini dapat dilihat dari tiga aspek utama iaitu individu, masyarakat dan negara.

1.7.1 Individu

Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada individu, lebih-lebih lagi golongan wanita. Seorang wanita dapat mempelajari tentang nilai-nilai budaya tinggi yang membentuk peribadi mulia seperti kesopanan, kebijaksanaan, keberanian dan harga diri. Watak-watak wanita terutamanya Puteri Akal akan menjadi teladan kepada golongan wanita dalam membina kekuatan dalaman, mempertahankan prinsip dan mengurus cabaran kehidupan dengan bijaksana. Kajian ini juga membantu individu menilai semula peranan dan identiti diri dalam konteks budaya tempatan bukan hanya bergantung kepada pengaruh luar yang mungkin bertentangan dengan nilai asal.

1.7.2 Masyarakat

Melalui kajian ini, masyarakat dapat menyedari betapa pentingnya kesusasteraan tradisional sebagai medium pendidikan dan penyebaran nilai murni. *Syair Puteri Akal* memperlihatkan nilai budaya tinggi membentuk struktur sosial yang harmoni, terutama dari segi peranan wanita sebagai pendidik dan penjaga nilai keluarga. Kajian ini juga menggalakkan masyarakat untuk menghargai serta menghidupkan kembali karya-karya lama yang sarat dengan falsafah dan panduan hidup yang sesuai diterapkan dalam kehidupan moden.

1.7.3 Negara

Pada peringkat negara, kajian ini menyumbang kepada usaha pemeliharaan dan pemartabatan khazanah kesusasteraan Melayu tradisional. Ia memperkukuhkan identiti kebangsaan yang berpaksikan nilai budaya tinggi serta memperlihatkan peranan wanita sebagai aset penting dalam pembangunan bangsa. Dengan mengangkat tokoh wanita bijaksana seperti Puteri Akal, kajian ini mendukung aspirasi kebangsaan dengan memartabatkan kesusasteraan tradisional dan nilai-nilai budaya tinggi yang terkandung dalam peranan wanita Melayu. Selain itu, ia dapat digunakan sebagai bahan rujukan dalam pendidikan, penyelidikan dan pembangunan dasar kebudayaan negara.

1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Bab 1 telah membincangkan asas kajian yang merangkumi pengenalan kepada tajuk, latar belakang kajian, definisi konsep, objektif, persoalan kajian, skop dan batasan serta kepentingan kajian. Kajian ini memfokuskan kepada penganalisan *Syair Puteri Akal* sebagai teks sastra yang kaya dengan unsur nilai budaya tinggi serta penggambaran keperibadian wanita Melayu yang unggul. Nilai-nilai yang ditonjolkan seperti kebijaksanaan, kesabaran, keberanian dan akhlak mulia untuk memperlihatkan kehalusan budaya Melayu dan menjadi panduan dalam membentuk peranan wanita dalam masyarakat.

Akhir sekali, kajian ini juga bertujuan untuk menilai sejauh mana nilai-nilai kewanitaan yang dipaparkan dalam karya ini masih relevan dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan wanita moden. Di samping memperkasa ilmu kesusasteraan tradisional, kajian ini turut memberikan kesedaran kepada pembaca tentang pentingnya memahami identiti budaya melalui karya sastra lama yang kaya dengan pengajaran dan makna tersirat.

Dengan itu, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada khazanah ilmu dalam bidang sastra dan budaya, selain menjadi medium refleksi diri terhadap jati diri wanita Melayu yang berteraskan nilai dan adab. Bab-bab seterusnya akan mengupas dengan lebih mendalam dapatan berkaitan nilai-nilai budaya tinggi serta perwatakan Puteri Akal sebagai cerminan wanita yang berperibadi luhur.

BAB 2

KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu berkaitan nilai budaya tinggi dalam konteks Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021, keperibadian wanita dan syair-syair Melayu. Perbincangan ini memberi tumpuan kepada hasil penyelidikan terdahulu yang menjelaskan tentang nilai budaya seperti kesopanan, budi bahasa, tanggungjawab dan maruah wanita yang diketengahkan dalam masyarakat melalui pelbagai pendekatan termasuk teks, penulisan, akademik dan pandangan tokoh budaya dan ilmuwan. Pengkaji juga turut merujuk kepada dokumen dan kajian yang memperincikan peranan wanita sebagai agen pemelihara budaya bangsa yang seiring dengan matlamat DAKEN yang menekankan identiti nasional, integrasi budaya serta perkembangan jati diri melalui kebudayaan. Selain itu, perbincangan ini akan melibatkan kajian-kajian lepas yang relevan daripada sumber seperti tesis, artikel jurnal, buku ilmiah dan dasar rasmi kerajaan. Bahan-bahan tersebut juga turut diakses melalui laman

sesawang untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh berkaitan nilai budaya tinggi wanita dalam konteks Dasar Kebudayaan Negara.

Selain daripada itu, kajian lepas amat penting dan berguna dalam pelaksanaan sesuatu kajian. Tujuan utama kajian lepas adalah untuk menilai tahap kefahaman pengkaji terhadap kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan. Di samping itu, kajian lepas berfungsi untuk memberikan gambaran awal tentang kajian serta membantu pengkaji membuat perbandingan antara kajian-kajian sedia ada. Melalui kajian lepas yang disenaraikan dan dianalisis, pengkaji dapat mengenal pasti aspek-aspek yang bersesuaian dan relevan untuk dimasukkan ke dalam penyelidikan semasa. Secara tidak langsung, hal ini membolehkan pengkaji melihat jurang atau ruang yang masih belum diterokai.

2.2 Kajian Lepas Mengenai Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021

2.2.1 Tesis

Beberapa kajian lepas telah meneliti dinamika budaya dan sosial dalam kalangan masyarakat Melayu dari pelbagai sudut, termasuk aspek struktur ekonomi, adat, kesenian dan hubungan etnik. Kajian oleh Yang Fan dan Shafa'atussara Silahudin (2024) menerusi artikel Sorotan Kajian Antropologi Budaya Masyarakat Melayu di Kelantan menganalisis perkembangan penyelidikan antropologi budaya di negeri Kelantan yang kaya dengan tradisi dan nilai budaya tempatan. Kajian ini mengenal pasti empat tema utama yang dibincangkan iaitu struktur sosial dan ekonomi, adat-istiadat, kesenian tradisional serta hubungan antara etnik

Kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Kelantan berupaya menyesuaikan diri dengan cabaran globalisasi sambil mengekalkan amalan budaya tradisional, termasuk dalam aspek peranan wanita, ekonomi kecil-kecilan dan adat perkahwinan. Kajian ini turut menegaskan bahawa Kelantan menjadi tapak penting bagi kajian dasar dan pemahaman terhadap kerencaman budaya serta penyusunan dasar pemeliharaan warisan budaya tempatan. Justeru, kajian ini menjadi sumbangan penting dalam wacana antropologi budaya di Malaysia dan relevan dalam konteks pengukuhan identiti budaya kebangsaan.

Dasar merujuk kepada peraturan atau amalan yang perlu menjadi ikutan masyarakat dalam sesebuah negara. Menurut Yusof Ismail (2007), Dasar Kebudayaan Negara mengambil kira prinsip-prinsip yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang digubal dan ditubuhkan pada tahun 1971 dan mengambil perkembangan kepelbagaian budaya semasa di Malaysia. Antara prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau, unsur kebudayaan yang lain sesuai dan boleh diterima menjadi Kebudayaan Kebangsaan serta agama Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Kewujudan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini dibentuk selari dengan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Dasar Kebudayaan Negara ini juga bagi memastikan keharmonian masyarakat di dalam sesebuah negara sekaligus dapat memelihara keperibadian budaya negara.

Dasar Kebudayaan Negara ini juga mengambil kira peranan penting yang boleh diambil kepada semua pihak. Antaranya semangat perpaduan dan patriotisme dalam kalangan rakyat di dalam sesebuah negara dalam mewujudkan kerhamonian sejagat. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat yang terdiri daripada kepelbagaian etnik perlu memahami serta mewujudkan Dasar Kebudayaan Negara dalam sesebuah negara bagi menjadi lebih kukuh dengan pembentukan negara yang dapat mewujudkan identiti nasional. Dengan penerapan kewujudan identiti nasional dapat mengelakkan daripada berlakunya jurang perbezaan di antara kaum di dalam sesebuah negara yang harmoni. Sekiranya dasar ini tidak diamalkan dan difahami

menjadi tiada unsur persefahaman dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Antaranya adalah seperti peristiwa 13 Mei 1969 yang telah berlaku akibat permasalahan sosial dan kebudayaan yang berlaku dalam kalangan masyarakat sesebuah negara.

Di Malaysia pula, etnik perkauman merupakan aspek penting dengan mewujudkan dari segi kepercayaan terhadap agama, bahasa, ekonomi, politik serta bentuk kediaman. Hal ini dikatakan demikian kerana sesetengah negara telah mengalami amalan diskriminasi yang menyebabkan tercetusnya peperangan akibat daripada perbezaan kaum. Kedudukan Malaysia masih lagi terkawal walaupun dahulu telah berlakunya peristiwa 13 Mei 1969 yang telah mengganggu gugat keamanan negara disebabkan isu sensitif yang menyebabkan berlaku ketidakpuasan hati oleh sesebuah kaum.

Oleh itu, rakyat di Malaysia perlu bersyukur kerana berada di sebuah negara yang aman tanpa sebarang pencetus berlaku di dalam negara. Rakyat dalam sesebuah negara perlu menerapkan nilai-nilai murni seperti hormat – menghormati, bantu-membantu, sikap bertoleransi dan keharmonian dalam masyarakat bagi mengeratkan hubungan silaturahim di antara pelbagai kaum dalam masyarakat majmuk Malaysia. Pelbagai langkah turut dilakukan antaranya seperti mengadakan rumah terbuka pada hari perayaan setiap kaum. Pembangunan perancangan kebudayaan merupakan aspek penting dalam rakyat berbilang kaum seperti di Malaysia bagi pembentukan bangsa yang mempunyai sifat yang terbaik dan mulia. Hal ini dikatakan demikian kerana dapat dilihat sesebuah negara bangsa akan membangun melalui kebudayaan kebangsaan negara yang diwujudkan.

Melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan 16 Ogos 1971 yang telah dirasmikan oleh perdana menteri Malaysia iaitu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak telah menyatakan tentang konsep Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia. Antaranya adalah beliau telah menyatakan tentang konsep yang telah diasaskan oleh nenek moyang terdahulu dengan meninggalkan kebudayaan masyarakat di rantau ini. Melalui Dasar Kebudayaan Negara memperlihatkan juga identiti nasional yang merupakan aspek penting dalam penyatuan masyarakat yang berkongsi jalur keturunan yang sama. Menurut Penyata Razak menekankan penggunaan Bahasa Melayu sebagai amat diperlukan terutamanya dalam sistem pendidikan, komunikasi dan lain-lain lagi. Oleh itu, nilai bersama yang terdapat dalam Dasar Kebudayaan Negara dilihat mampu untuk membentuk sebuah negara yang harmoni dengan penerapan identiti nasional.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.2.2 Artikel Jurnal

Beberapa kajian lepas turut meneliti kefahaman masyarakat terhadap Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 terutamanya dalam konteks kepelbagaian budaya dan perpaduan nasional. Kajian oleh Shahidi A.H., Rahim Aman, Rozmi Ismail dan Muhamad Syahmi Shabri (2022) melalui artikel bertajuk Pola Pemikiran Masyarakat Kepulauan Malaysia Berkaitan Kebudayaan Kebangsaan meneliti tahap kefahaman dan keberkesanan pelaksanaan dasar kebudayaan dalam kalangan masyarakat kepulauan di Malaysia. Berdasarkan tinjauan terhadap 484 responden pelbagai latar kaum, agama dan sosial kajian ini menunjukkan bahawa majoriti masyarakat kepulauan memahami dan menerima Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang diperkenalkan sejak tahun 1971 serta Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021. Dapatan kajian menyerlahkan bahawa kefahaman terhadap dasar tersebut memberi kesan signifikan terhadap aspek ekonomi, jati diri, perpaduan dan nilai moral dalam kalangan rakyat pelbagai etnik.

Kajian ini juga membangunkan satu Model Pola Pemikiran Budaya Masyarakat Kepulauan Malaysia yang memperlihatkan penerimaan terhadap dasar kebudayaan mampu memperkukuh keharmonian, toleransi dan identiti nasional. Hal ini membuktikan keberkesanan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 sebagai landasan membina kesatuan dalam kepelbagaian dalam konteks Malaysia yang majmuk dan multietnik.

Menurut kajian oleh Ruslan Hassan et al. (2020) yang bertajuk Kefahaman Nilai Etika dan Moral Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur, kajian ini merupakan sebuah kajian literatur yang menggunakan kaedah analisis kandungan dan dihuraikan secara deskriptif. Kajian ini memberi tumpuan terhadap kefahaman pelajar terhadap dimensi nilai etika dan moral serta pelaksanaan kaedah penerapan nilai-nilai tersebut dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Hasil kajian ini mendapati bahawa nilai etika dan moral semakin kurang diberi penekanan dan semakin terpinggir dalam kehidupan seharian pelajar. Kajian ini turut menunjukkan bahawa pelajar menghadapi cabaran dari segi kurangnya garis panduan, bahan rujukan serta prasarana dalam pembangunan nilai. Justeru, penemuan kajian ini memberi implikasi penting kepada organisasi pendidikan dalam usaha membentuk sahsiah pelajar yang tinggi dan beretika.

Menurut sarjana iaitu Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Zahir Ahmad (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk "Analisis Nilai Murni dalam Manuskrip 'Hikayat Saerah Dengan Suami', kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya dan dijalankan melalui kaedah kajian kepustakaan. Kajian ini melibatkan transliterasi manuskrip MSS3070 daripada tulisan jawi kepada tulisan rumi, diikuti analisis kandungan terhadap nilai-nilai murni dalam teks. Pendekatan moral digunakan berasaskan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang, bagi menganalisis elemen-elemen nilai murni yang dipaparkan melalui watak-watak dalam cerita. Hasil kajian mendapati lima nilai murni utama yang ditekankan dalam hikayat ini iaitu kasih

sayang, ketaatan, amanah, keizinan suami dan adab berbicara. Kesemua nilai ini digambarkan melalui watak Saerah yang melambangkan sifat seorang isteri solehah, sabar, penyayang dan setia. Kajian ini membuktikan bahawa teks sastra tradisional mampu berfungsi sebagai wahana penyampaian nilai moral kepada pembaca masa kini.

2.3 Kajian Lepas Mengenai Keperibadian Wanita

Kajian mengenai keperibadian wanita telah banyak dilakukan oleh para sarjana yang memfokuskan kepada pelbagai aspek termasuk nilai budaya, peranan sosial, keunggulan moral serta representasi wanita dalam kesusasteraan dan masyarakat. Kajian-kajian ini menekankan bahawa keperibadian wanita bukan sekadar bersifat peribadi, malah mencerminkan nilai-nilai budaya yang diwarisi dan dijunjung oleh masyarakat. Oleh itu, pengkaji telah meluaskan pencarian dengan memfokuskan kepada aspek keperibadian wanita dari penyelidikan yang lain.

2.3.1 Tesis

Menurut sarjana iaitu Deviana Evi Eryani (2012) yang bertajuk Aspek Keperibadian Tokoh Dila dalam novel *Surat Buat Themis* karya Mira W. : Tinjauan Psikologi Sastera. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai asas metodologi dengan memberi penekanan terhadap kaedah analisis deskriptif bagi menghuraikan data secara terperinci. Pendekatan ini digunakan bagi mentafsir dan menggambarkan aspek-aspek penting dalam karya seperti tema, penokohan, alur dan latar. Hasil kajian ini mendapati bahawa elemen- elemen ini mencerminkan keperibadian positif tokoh utama terutamanya sifat wanita yang tabah, gigih berusaha dan sabar dalam menghadapi cabaran.

Selain daripada itu, terdapat kajian terdahulu yang dijalankan oleh Khairiah Mohd Yassin (2019) bertajuk Konsep Keperibadian dan Kesantunan Wanita Melayu menurut perspektif Ibu Zain. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berteraskan metode interpretatif bagi merungkai kerangka pemikiran tokoh Ibu Zain berkaitan hakikat kewujudan wanita yang terangkum dalam elemen keperibadian dan kesantunannya. Pendekatan ini digunakan untuk mentafsir bahasa yang digunakan oleh Ibu Zain dalam setiap penulisannya. Hasil kajian mendapati bahawa keperibadian dan kesantunan wanita Melayu dapat dikenal pasti dengan meneliti setiap bait perkataan, maksud tersirat, gambar, simbol, idea, tema serta mesej yang disampaikan oleh Ibu Zain dalam karya-karyanya termasuk juga sorotan daripada penulisan sarjana lain yang mengupas pemikiran tokoh tersebut.

Beberapa kajian telah dijalankan oleh penyelidik lain yang menumpukan perhatian terhadap golongan wanita. Antaranya ialah tesis oleh Hasindah Mawarni (2019) bertajuk Citra Wanita Tokoh Utama dalam Novel Cerita Tentang Rani Karya Herry Santoso: Kajian Kritik Sastera Feminis. Kajian ini memberi tumpuan terhadap aspek psikologi dan fizikal dalam pembentukan perwatakan wanita. Watak utama, Rani yang digambarkan sebagai seorang wanita yang tegas, penyayang dan patuh kepada suami serta memiliki keperibadian yang baik. Selain itu, beliau turut digambarkan sebagai wanita yang jelita dan telah mendirikan rumah tangga.

Fokus utama kajian ini menjurus kepada aspek sosial yang terkandung dalam novel terutamanya berkaitan dengan kehidupan bermasyarakat dan institusi kekeluargaan. Watak Rani memegang peranan sebagai seorang isteri yang bertanggungjawab dan berusaha mewujudkan suasana rumah tangga yang harmoni. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian ini menekankan pentingnya tanggungjawab wanita dalam memperkukuh institusi kekeluargaan dan membentuk hubungan yang sejahtera dalam masyarakat.

Selain itu, Muhammad Irfan Nyia (2013), menulis dalam tesis beliau yang bertajuk Budaya dalam Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian Teori Sastera Budaya. Kajian yang dilaksanakan adalah untuk mengkaji dan menganalisis aspek budaya yang terdapat di dalam puisi- puisi Sasterawan Negara, Muhammad Haji Salleh. Kajian ini merangkumi puisi-puisi yang terdapat di dalam sebelas antologi puisi ciptaan Muhammad Haji Salleh dari tahun 1974 hingga 2008. Semua antologi puisi ini dipilih kerana puisi-puisi yang terkandung di dalamnya memperlihatkan kreativiti, keilmuan dan imaginasi penyair yang tinggi. Kajian ini menggunakan kaedah penelitian kepustakaan, melibatkan pembacaan dan pengumpulan sumber-sumber yang berkaitan puisi-puisi Muhammad Haji Salleh dan kaedah temu bual tidak berstruktur dengan subjek yang dikaji dan individu-individu yang mengenali beliau.

Teori Sastera Budaya dipilih untuk menganalisis puisi-puisi Muhammad Haji Salleh dan memperlihatkan aspek-aspek budaya yang terkandung di dalam puisi-puisi tersebut. Kajian aspek-aspek budaya di dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh disandarkan kepada tiga tema. Hasil kajian mendapati puisi-puisi Muhammad Haji Salleh mengajak khalayak pembaca mengamalkan ‘budaya perubahan pemikiran’ supaya mampu bersaing di persada dunia dan menggambarkan kekaguman beliau terhadap bangsa barat yang mementingkan budaya ilmu. Menerusi kajian aspek- aspek budaya dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh, khalayak pembaca diketengahkan nilai sejagat dan nilai-nilai murni yang bersangkutan perhubungan manusia dengan manusia, manusia dengan tuhan dan manusia dengan alam.

2.3.2 Buku

Kajian oleh Azizah Yusoff (2017) mengenai novel Salina karya A. Samad Said mengupas secara mendalam keperibadian wanita yang tergambar melalui watak utama Salina. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif dan novel ini menggambarkan seorang wanita yang kuat, tabah dan berdikari meskipun menghadapi pelbagai cabaran sosial dan ekonomi yang getir selepas Perang Dunia Kedua. Azizah menegaskan bahawa watak Salina bukan sahaja mencerminkan ketabahan individu tetapi juga mewakili peranan wanita Melayu yang berani dan gigih dalam mempertahankan maruah diri serta keluarga mereka dalam masyarakat yang sarat dengan kekangan dan norma tradisional yang ketat.

Kajian ini menumpukan perhatian kepada aspek keperibadian Salina yang meliputi semangat juang yang tinggi, keprihatinan sosial terhadap orang sekeliling serta daya tahan mental dalam menghadapi tekanan hidup. Selain itu, kajian ini juga menyoroti keperibadian Salina menjadi simbol kekuatan wanita Melayu yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan zaman tanpa mengorbankan nilai-nilai budaya dan kesopanan yang menjadi asas identiti mereka. Oleh itu, kajian ini memperkukuhkan pemahaman bahawa keperibadian wanita Melayu dalam karya sastra seperti Salina adalah cerminan kekuatan bangsa dan sumber inspirasi yang signifikan dalam memperjuangkan hak dan martabat wanita.

Kajian ini menumpukan perhatian kepada aspek keperibadian Salina yang meliputi semangat juang yang tinggi, keprihatinan sosial terhadap orang sekeliling serta daya tahan mental dalam menghadapi tekanan hidup. Selain itu, kajian ini juga menyoroti keperibadian Salina menjadi simbol kekuatan wanita Melayu yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan zaman tanpa mengorbankan nilai-nilai budaya dan kesopanan yang menjadi asas identiti mereka. Oleh itu, kajian ini memperkukuhkan pemahaman bahawa keperibadian wanita Melayu dalam karya sastera seperti Salina adalah cerminan kekuatan bangsa dan sumber inspirasi yang signifikan dalam memperjuangkan hak dan martabat wanita.

Kajian ini menumpukan perhatian kepada aspek keperibadian Salina yang meliputi semangat juang yang tinggi, keprihatinan sosial terhadap orang sekeliling serta daya tahan mental dalam menghadapi tekanan hidup. Selain itu, kajian ini juga menyoroti keperibadian Salina menjadi simbol kekuatan wanita Melayu yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan zaman tanpa mengorbankan nilai-nilai budaya dan kesopanan yang menjadi asas identiti mereka. Oleh itu, kajian ini memperkukuhkan pemahaman bahawa keperibadian wanita Melayu dalam karya sastera seperti Salina adalah cerminan kekuatan bangsa dan sumber inspirasi yang signifikan dalam memperjuangkan hak dan martabat wanita.

Selain itu, Rosmah Abdul Rahman (2018) telah melakukan kajian mengenai novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad meneliti dengan mendalam keperibadian wanita yang tergambar melalui watak Kak Yah. Novel ini memaparkan Kak Yah sebagai seorang wanita Melayu yang sangat tabah dan cekal dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup yang getir lebih-lebih lagi dalam konteks sosial dan ekonomi masyarakat desa. Penyelidikan tersebut menegaskan bahawa watak Kak Yah mencerminkan keperibadian wanita yang gigih, penyabar dan penuh dengan semangat pengorbanan demi menegakkan dan memperkukuh institusi keluarga.

Kajian ini memberi tumpuan kepada nilai-nilai ketabahan, kesetiaan serta semangat juang yang tinggi yang dimiliki oleh wanita Melayu dalam menghadapi dugaan hidup yang kompleks dan penuh liku. Tambahan pula, kajian Rosmah turut menyoroti peranan wanita seperti Kak Yah adalah penting dalam memelihara keharmonian keluarga dan juga dalam memperkukuh komuniti setempat melalui nilai keperibadian positif yang mereka amalkan. Melalui watak Kak Yah, kajian ini menggariskan bahawa keperibadian wanita Melayu adalah lambang kekuatan dan ketahanan sosial yang memainkan peranan penting dalam memajukan serta mengekalkan kesejahteraan masyarakat desa.

Buku yang disunting oleh Noremy Md Akhir dan rakan-rakan (2021), bertajuk Psikologi Wanita di Malaysia menghimpunkan pelbagai kajian yang meneliti isu, pengalaman dan cabaran wanita dari perspektif psikologi dalam konteks masyarakat Malaysia. Antara tema utama yang diketengahkan adalah kesejahteraan psikologi, peranan sosial serta tekanan dan halangan dalam dunia kerjaya. Dapatan kajian-kajian dalam buku ini menunjukkan bahawa faktor-faktor psikologi seperti tekanan emosi, sokongan sosial dan persekitaran kerja memberi kesan langsung terhadap pembentukan keperibadian dan keseimbangan kehidupan wanita.

Kajian ini turut menekankan kepentingan pendekatan psikologi yang holistik dalam memahami dinamika peranan wanita moden khususnya dalam aspek kesejahteraan mental, keupayaan menyesuaikan diri dan pembentukan identiti sendiri yang sihat dalam pelbagai dimensi kehidupan peribadi dan profesional.

2.3.3 Artikel Jurnal

Di samping itu, dalam kajian jurnal yang dibuat oleh Khoiriyatul Fajriyah, Widyatmike G. Mulawarman, Alfian Rokhmansyah (2017) bertajuk Kepribadian Tokoh Utama Wanita Dalam Novel Alisya Karya Muhammad Makhdlori: Kajian Psikologi Sastra. Kajian ini dijalankan atas dasar mendeskripsikan fakta cerita, struktur keperibadian tokoh utama wanita dan faktor perubahan kepribadian tokoh utama wanita dalam novel Alisya karya Muhammad Makhdlori. Kaedah penelitian yang digunakan adalah penelitian kualitatif dengan metode deskriptif dengan rancangan kajian psikologi sastera. Hasil kajian menunjukkan bahawa fakta cerita dalam novel Alisya terdiri atas alur, tokoh penokohan dan latar. Alur novel ini adalah alur maju. Tokoh dalam novel ini mempunyai peranan sebagai tokoh utama dan tokoh tambahan. Latar dalam novel Alisya berada di Batam, Jakarta dan Singapura.

Seterusnya, Nur Syifaa Atikah binti Nordin dan Che Abdullah Bin Che Ya (2018) menerusi kajian jurnal bertajuk Watak Wanita Dalam Bidadari Dari Perspektif Ginokritik: Penelitian Psikologi dan Budaya. Kajian ini memfokuskan kepada kehidupan yang dilalui oleh golongan wanita melalui pengalaman sebenar kehidupan dalam kalangan masyarakat. Terdapat beberapa perkara yang diketengahkan melalui kajian ini iaitu pembentukan hubungan yang kuat dalam kesatuan wanita yang melibatkan budaya dan perwatakan jiwa wanita.

Tambahan pula, kajian ini boleh disimpulkan menerusi novel Aminah Mokhtar dengan kecermelangan watak wanita yang sentiasa kuat dalam menempuhi segala rintangan dalam kehidupan yang lebih berpihak kepada kaum lelaki pada masa kini. Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim (2015), mereka telah menjalankan kajian jurnal yang bertajuk “Citra Wanita Melayu Dalam Cerita Animasi Kanak-Kanak Upin dan Ipin”. Kajian ini menerangkan tentang suatu bentuk penceritaan animasi kanak-kanak yang melibatkan citra wanita Melayu.

Kajian yang dijalankan oleh Khairiah Mohd Yassin (2024), menggunakan pendekatan kualitatif interpretatif berasaskan teori ontologi dan falsafah keperibadian wanita Melayu menurut perspektif Ibu Zain. Kajian ini bertujuan meneliti dan mengangkat nilai-nilai keperibadian serta kesantunan wanita Melayu yang dianggap sebagai teras kekuatan bangsa. Berdasarkan dapatan, wanita Melayu digambarkan sebagai sosok yang berperibadi luhur, bersopan santun, memiliki etika kerja yang tinggi serta menjunjung perjuangan suci demi pembangunan generasi akan datang. Keperibadian ini bukan sekadar cerminan peribadi tetapi mencerminkan identiti kolektif wanita sebagai agen pembinaan tamadun dan pemangkin kemajuan bangsa. Kajian ini secara tidak langsung telah menegaskan bahawa wanita Melayu bukanlah subjek pasif dalam masyarakat tetapi sebaliknya merupakan tonggak yang menyumbang kepada keseimbangan sosial, budaya dan pendidikan negara.

Menurut kajian Nor Hanani Ismail dan Sartika Amanda (2023), bertajuk Perbandingan Kehidupan Sosial Perempuan Indonesia dan Malaysia dalam Kumpulan Cerpen Perempuan, Cinta dan Kehidupan yang menggunakan pendekatan kualitatif dan teori sastera bandingan untuk meneliti representasi kehidupan sosial wanita di kedua-dua negara. Melalui analisis teks cerpen, kajian ini membandingkan perempuan Indonesia dan Malaysia digambarkan dalam menghadapi realiti kehidupan yang terikat dengan budaya, pola asuh keluarga dan kedudukan lelaki sebagai pihak yang dominan. Kajian ini mendapati bahawa meskipun berbeza dari segi geografi dan latar sosial, perempuan di kedua-dua negara berkongsi pengalaman yang hampir serupa dalam memperjuangkan hak mereka, menghadapi tekanan sosial dan memperkukuh kedudukan diri dalam masyarakat. Watak-watak wanita dalam kumpulan cerpen tersebut digambarkan sebagai individu yang tabah, berani dan aktif dalam mencorak perubahan terhadap peranan dan persepsi terhadap wanita. Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa sastera berperanan penting dalam mencerminkan transformasi keperibadian wanita moden yang semakin sedar akan hak dan keupayaannya diri dalam persekitaran sosial yang mencabar. Menurut Norazimah Abu Seman dan Siti Rahayah Ariffin (2020), bertajuk Imej Wanita Korporat dalam Teks Kesusasteraan Melayu Moden Malaysia: Daripada Lensa Pengarang Wanita meneliti representasi wanita korporat dalam karya-karya sastera moden yang ditulis oleh pengarang wanita.

Penggunaan pendekatan kualitatif dan analisis wacana sastra, kajian ini mendapati bahawa wanita korporat dalam karya-karya tersebut digambarkan sebagai individu yang berdaya saing, berprinsip dan mempunyai peranan penting dalam membentuk dasar serta arah tuju masyarakat. Watak-watak wanita ini bukan sahaja menghadapi cabaran dalam dunia kerjaya yang sering didominasi lelaki, tetapi juga berusaha mengatasi stereotaip tradisional yang menyempitkan peranan wanita dalam masyarakat. Kajian ini turut menekankan pengarang wanita menggunakan medium sastra untuk menampilkan suara dan keperibadian wanita korporat sebagai simbol kekuatan, kepimpinan dan kebijaksanaan. Penemuan ini membuktikan bahawa sastra moden menjadi wadah penting dalam memperjuangkan naratif wanita yang bebas, berwibawa dan dihormati dalam landskap sosial dan profesional di Malaysia.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Zubir dan Ibrahim (2012), dalam Jurnal Peradaban Melayu meneliti watak dan peranan wanita dalam teks klasik Sulalatus Salatin. Kajian ini mendapati bahawa wanita digambarkan sebagai tokoh yang berperanan sebagai pelengkap kepada lelaki dan memiliki kedudukan yang berpengaruh dan bijaksana dalam konteks sosio-politik. Watak wanita dalam teks tersebut memainkan peranan penting dalam bidang diplomasi dan perhubungan antara negeri. Ini menunjukkan bahawa wanita turut menyumbang kepada kestabilan dan keharmonian dalam masyarakat Melayu tradisional.

Selain itu, wanita dalam *Sulalatus Salatin* turut menjadi lambang maruah dan kehormatan serta simbol kestabilan institusi kekeluargaan dan kenegaraan. Kajian ini secara tidak langsung mengangkat nilai budaya tinggi kewanitaan dalam masyarakat tradisional Melayu serta memperlihatkan wanita diposisikan secara signifikan dalam teks kesusasteraan klasik.

2.4 Kajian Lepas Mengenai Syair Melayu

2.4.1 Artikel Jurnal

Terdapat kajian lain iaitu Rahimah Hamdan dan Arba'ie Sujud (2021) meneliti konsep realiti dalam syair berdasarkan perspektif masyarakat Melayu tradisional yang di salah tafsir oleh sarjana kolonial. Mereka membuktikan bahawa syair berperanan penting dalam menggambarkan realiti kehidupan masyarakat bukan sekadar memusat kepada golongan raja tetapi turut melibatkan rakyat jelata serta pelbagai aspek kehidupan sosial, politik dan budaya. Kajian ini mengangkat konsep kesedaran diri sastera (*literary self-awareness*) seperti yang diketengahkan oleh Braginsky (1993, 2004) sebagai asas pemikiran kreatif pengarang dalam mempersembahkan realiti yang bersifat zahir dan batin. Pendekatan ini secara langsung memperkukuhkan bahawa syair mampu merakamkan nilai, pemikiran dan identiti sesuatu bangsa termasuklah nilai-nilai luhur, peranan wanita, dan pandangan dunia yang selaras dengan ajaran Islam.

Justeru, kajian yang dilakukan oleh Rosnani Ibrahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah dan Shaifu Bahri Md. Radzi (2021) dalam jurnal MALIM meneliti aspek kepengarangan dalam dua teks syair diraja kontemporari, iaitu Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat (2009) karya Ibrahim Mohd Said dari Perak dan Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar (2018) karya Maskiah Masrom dari Johor.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dan kaedah kaji banding terhadap dua teks syair yang dijadikan sampel kajian. Pendekatan ini membolehkan pengkaji meneliti pengucapan idea kepengarangan kedua-dua penulis yang berlatar belakangkan masyarakat biasa tanpa hubungan langsung dengan institusi istana. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua penulis mengangkat biografi sultan masing-masing sebagai idea kepengarangan utama, merangkumi aspek kelahiran, perkahwinan, pendidikan, kejayaan, ketokohan, jasa dan sumbangan sultan kepada rakyat. Penulisan ini juga mengambil kira pendekatan biografi tulen selari dengan ciri penulisan yang menjelaskan kehidupan sultan dari kecil hingga dewasa dalam bentuk syair.

Kajian ini turut mengisi kelompondan dalam kajian terdahulu yang lebih banyak memberi fokus kepada syair diraja tradisional abad ke-18 dan ke-19 menjadikan karya ini signifikan dalam mengangkat syair diraja era kontemporari sebagai warisan kesusasteraan Melayu yang masih relevan. Dalam kajian yang seterusnya iaitu Diah Budiani (2023) menganalisis puisi Langit Air Langit Basah karya H. Akhmad T. Bacco dengan pendekatan deskriptif kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah pembacaan dan pencatatan larik-larik puisi bagi mengenal pasti kiasan bahasa, namun tidak memfokuskan kepada kerangka gaya bahasa secara sistematik seperti yang dikemukakan oleh Tarigan.

Kajian oleh Nazri dan Zubir (2013) pula meneliti gaya bahasa simile dalam Syair Siti Zubaidah melalui pendekatan semiotik bagi mengenal pasti makna dan lambang yang terkandung dalam teks. Kajian ini memberi tumpuan kepada salah satu bentuk gaya bahasa perbandingan sahaja dan berbeza dari segi pendekatan serta objek kajian. Kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa tumpuan pengkaji lebih banyak diberikan kepada karya sastera moden, manakala karya tradisional seperti Syair Dagang Adanya oleh Sheikh Hamzah Fansuri masih kurang diberikan perhatian. Justeru, kajian terhadap Syair Dagang Adanya adalah signifikan kerana menggunakan manuskrip tradisional sebagai bahan utama dan memanfaatkan Model Gaya Bahasa Tarigan sebagai kerangka analisis yang lebih sistematik dan dapat mengisi kelompondan dalam penyelidikan

terdahulu serta memperkayakan khazanah ilmu kesusasteraan Melayu.

Justeru, kajian yang dilakukan oleh Rosnani Ibrahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah dan Shaifu Bahri Md. Radzi (2021) dalam jurnal MALIM meneliti aspek kepengarangan dalam dua teks syair diraja kontemporari, iaitu Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat (2009) karya Ibrahim Mohd Said dari Perak dan Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar (2018) karya Maskiah Masrom dari Johor. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dan kaedah kaji banding terhadap dua teks syair yang dijadikan sampel kajian.

Pendekatan ini membolehkan pengkaji meneliti pengucapan idea kepengarangan kedua-dua penulis yang berlatar belakangkan masyarakat biasa tanpa hubungan langsung dengan institusi istana. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua penulis mengangkat biografi sultan masing-masing sebagai idea kepengarangan utama, merangkumi aspek kelahiran, perkahwinan, pendidikan, kejayaan, ketokohan, jasa dan sumbangan sultan kepada rakyat. Penulisan ini juga mengambil kira pendekatan biografi tulen selari dengan ciri penulisan yang menjelaskan kehidupan sultan dari kecil hingga dewasa dalam bentuk syair. Kajian ini turut mengisi kelompangan dalam kajian terdahulu yang lebih banyak memberi fokus kepada syair diraja tradisional abad ke-18 dan ke-19 menjadikan karya ini signifikan dalam mengangkat syair diraja era kontemporari sebagai warisan kesusasteraan Melayu yang masih relevan.

Kajian lepas telah dijalankan oleh Maiyang Resmantia dan Asep Yudha Wirajaya (2022) yang bertajuk "Representasi Perempuan dalam Syair Ardan: Kajian Feminisme". Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif serta teori feminisme liberal sebagai kerangka utama dalam menganalisis teks Syair Ardan. Penelitian ini bertujuan untuk meneliti tokoh wanita iaitu watak Zuhrah yang direpresentasikan dalam konteks budaya patriarki. Berdasarkan dapatan kajian, watak Zuhrah digambarkan sebagai wanita yang berani, bijaksana dan berkemampuan tinggi. Beliau menyamar sebagai lelaki untuk keluar dari istana, menimba ilmu, mempelajari seni bela diri dan akhirnya diangkat sebagai raja.

Namun begitu, identiti sebenar Zuhrah disembunyikan sebagai lelaki telah menggambarkan penerimaan teks yang masih terikat dengan norma patriarki. Kajian ini menunjukkan bahawa meskipun wanita memiliki keupayaan intelektual dan fizikal setara lelaki, masyarakat masih mengekang pengiktirafan terhadap kepimpinan wanita secara terbuka. Justeru, kajian ini menegaskan pentingnya melihat sastera lama sebagai medium yang merefleksikan perjuangan wanita dalam menuntut ruang dan peranan dalam masyarakat.

Kajian oleh Ilhami Rusyda et al. (2024) meneliti aspek pendidikan dalam karya Raja Ali Haji melalui pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap beberapa naskhah syair seperti Gurindam Dua Belas, Syair Siti Sianah dan Syair Suluh Pegawai. Kajian ini menunjukkan bahawa syair-syair Raja Ali Haji mengandungi unsur didaktik yang tinggi, nilai akhlak, keilmuan dan pemikiran Islam yang mendalam. Melalui pendekatan ini, pengkaji berjaya mengenal pasti lima komponen utama dalam kerangka pendidikan Melayu Islam yang diketengahkan oleh Raja Ali Haji, iaitu agama, ilmu, akal, malu dan bahasa sekaligus dapat membuktikan bahawa karya-karya sastra tradisional berperanan penting sebagai medium penyampaian ilmu dan pendidikan yang efektif dalam masyarakat Melayu.

2.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa karya kesusasteraan tradisional seperti Syair Puteri Akal berperanan penting dalam menonjolkan nilai budaya tinggi yang membentuk keperibadian wanita. Kajian-kajian terdahulu menekankan bahawa wanita dalam kesusasteraan Melayu sering digambarkan sebagai berakhlak mulia, bijaksana, berani dan memiliki jati diri yang kuat. Nilai-nilai seperti kesetiaan, kecerdikan, sifat keibuan dan semangat juang merupakan elemen utama yang mencerminkan budaya tinggi masyarakat Melayu. Selain itu, kajian-kajian tersebut juga memperlihatkan bagaimana nilai budaya disampaikan secara halus melalui simbol, watak dan konflik yang membentuk naratif syair. Maka, Syair Puteri Akal menjadi medium hiburan dan pendidikan yang berfungsi sebagai cerminan aspirasi dan harapan masyarakat terhadap peranan wanita dalam konteks budaya dan nilai murni.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi kajian ialah gabungan kaedah dan teknik yang digunakan untuk mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data bagi menghasilkan bukti yang menyokong objektif penyelidikan. Menurut Othman Mohamed (2001), metodologi merupakan langkah yang sistematik yang menggabungkan pendekatan kajian dan analisis data selari dengan peraturan yang ditetapkan sendiri untuk memastikan kelancaran terhadap penyelidikan sekaligus prestasi kajian dapat dicapai secara berkesan dan sempurna. Melalui metodologi kajian ini juga dapat menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Metodologi kajian bertujuan untuk membantu dan memahami dengan lebih luas dan terperinci tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian

tentang proses kajian. Menerusi bab ini, metodologi kajian yang digunakan adalah reka bentuk kajian, kaedah kajian dan penerapan teori bagi membantu proses penganalisisan.

Pada bahagian ini, terdapat beberapa pecahan yang telah disediakan iaitu reka bentuk kajian, kaedah kepustakaan dan teks. Pecahan-pecahan tersebut digunakan bagi memenuhi kemahuan objektif kajian dengan lebih tepat dan terperinci. Dengan demikian, kajian ini akan mengaplikasikan kaedah kajian berikut untuk mencapai objektif kajian. Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan pendekatan kualitatif. Hal ini kerana kajian kualitatif ini melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Kaedah kepustakaan dan teks yang digunakan oleh pengkaji adalah melalui *Syair Puteri Akal* (2024) bagi memudahkan dalam proses pengumpulan data yang sesuai dengan kajian ini. Kemudian pengkaji mengaplikasikan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 dalam kajian yang bertajuk Nilai Budaya Tinggi Keperibadian Wanita dalam *Syair Puteri Akal*.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Rekabentuk kajian ditakrifkan sebagai rancangan atau strategi menyeluruh yang digunakan oleh penyelidik untuk menjalankan sesuatu kajian secara sistematik bagi mencapai objektif penyelidikan. Ia menetapkan data dikumpul, dianalisis dan ditafsir bagi menjawab soalan penyelidikan. Reka bentuk kajian diperlukan bagi memastikan penyelidikan dijalankan secara sistematik dan terancang. Hal ini dikatakan demikian kerana penetapan reka bentuk terhadap sesuatu kajian akan memudahkan proses pengumpulan data dan maklumat serta melancarkan proses penganalisan. Dalam reka bentuk kajian ini juga akan menentukan bagaimana kajian dilakukan dan bagaimana data diperolehi dan lebih jelas. Oleh itu, dalam kajian ini reka bentuk kajian adalah kualitatif telah menjadi asas bagi pengumpulan dan analisis data kajian.

3.2.1 Dokumentasi

Menerusi kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah reka bentuk kualitatif. Reka bentuk kualitatif dipilih oleh pengkaji kerana pengkaji akan menganalisis kandungan teks yang terdapat dalam syair yang dikaji untuk melihat kepengarangan penyair yang berasal dari Riau, namun nama pengarang spesifiknya tidak disebutkan dalam maklumat yang tersedia. Tajuk syair tersebut adalah “*Syair Puteri Akal*” yang mengisahkan kebijaksanaan seorang puteri yang bernama Puteri Akal dari kerajaan Belanta Dura dalam menyelesaikan masalah. Menurut Bogdan dan Taylor (2004), menyatakan bahawa kaedah kualitatif ini dapat ditakrifkan sebagai prosedur dan langkah-langkah penelitian yang menghasilkan data deskriptif dalam bentuk kata-kata lisan atau tulisan sama ada dari orang yang berperilaku dan perilaku yang diperoleh dari keadaan sekelilingnya. Selain itu, di bawah reka bentuk kualitatif ini terdapat beberapa kaedah yang digunakan. Antaranya adalah kaedah pengumpulan data, kaedah perpustakaan, kaedah analisis teks, kaedah internet serta turut menggunakan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) bagi menganalisis Nilai Budaya Tinggi dalam *Syair Puteri Akal*

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data adalah merupakan satu kaedah bagi mengumpul segala data dan maklumat berkaitan topik kajian. Melalui kaedah ini, data boleh diperolehi daripada pelbagai medium seperti teks kajian iaitu Syair Puteri Akal dialih huruf oleh Wahyunah Haji Abd. Ghani dan Salmah Jan Noor Muhammad. Tambahan pula, data turut diperolehi melalui bahan-bahan kepustakaan seperti buku, majalah, jurnal, tesis dan dokumen lain yang berkaitan dengan kajian misalnya dari aspek Nilai Budaya Tinggi yang dikaji dan juga aspek kepengarangan. Di samping itu, data turut diperolehi melalui laman sesawang dengan akses internet.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan merupakan satu kaedah yang memerlukan pencarian data dan maklumat secara kepustakaan iaitu penelitian dan pembacaan terhadap bahan-bahan perpustakaan yang berkaitan dengan kajian. Dalam kajian ini, kaedah kajian kepustakaan dibuat oleh pengkaji dengan merujuk kepada segala bahan-bahan berbentuk buku, majalah, jurnal dan dokumen lain yang berkaitan dengan kajian. Bahan-bahan yang diperolehi adalah dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan serta Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Syair Puteri Akal dialih huruf oleh Wahyunah Haji Abd. Ghani dan Salmah Jan Noor Muhammad.

3.3.2 Analisis Dokumen


Analisis dokumen ini bertujuan untuk menilai, mengenal pasti serta mengkaji maklumat yang terkandung dalam dokumen berkaitan bagi mendapatkan data yang relevan dengan tajuk kajian yang telah dipilih. Melalui analisis ini, pelbagai maklumat yang berkaitan dengan kajian dikenal pasti dan dihipunkan sebagai asas kepada kajian yang dijalankan.

3.3.2.1 Kaedah Analisis Teks

Melalui kaedah kajian analisis teks, pengkaji telah menganalisis Syair Puteri Akal karya penyair yang berasal dari Riau sebagai bahan utama kajian. Hal ini kerana bagi mengenal pasti, menganalisis dan membincangkan aspek kajian pengkaji iaitu Kepengarangan yang berasal dari Riau melalui persepsinya terhadap kebijaksanaan wanita. Syair Puteri Akal ini adalah syair yang di manuskrikan dan diterbitkan di Malaysia pada tahun 2024 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang terdiri daripada jalinan 570 rangkap syair dan 73 halaman ia juga dikenali sebagai genre syair tradisional menjadikannya sebahagian daripada warisan sastera klasik yang penting dalam khazanah kesusasteraan Melayu. Syair Puteri Akal juga dikenali sebagai Syair Puteri Handelan yang berasal daripada manuskrip tradisi Riau dan telah dialih huruf oleh Wahyunah Haji Abd. Ghani dan Salmah Jan Noor Muhammad. Isi kandungan syair ini mengisahkan tentang seorang wanita yang bijaksana dikenali sebagai Puteri Akal yang menghadapi pelbagai ujian dan cabaran serta dikhianati oleh suaminya

sendiri. Namun begitu, kebijaksanaan dan kekuatan dalaman yang dimilikinya membolehkan beliau mengatasi segala dugaan dengan penuh ketabahan dan akal yang tinggi. Namun dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada aspek kepengarangan dengan meneliti nilai budaya tinggi yang terzahir melalui keperibadian wanita dalam Syair Puteri Akal. Penelitian ini memberi tumpuan kepada cara pengarang membentuk watak Puteri Akal sebagai simbol wanita bijaksana yang sarat dengan nilai murni, keteguhan akal dan ketabahan hati. Menerusi 570 rangkap syair yang terkandung dalam teks ini, jelas terpancar kebijaksanaan dan keunggulan pemikiran Puteri Akal dalam menghadapi pelbagai cabaran termasuk pengkhianatan suaminya sendiri. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti bagaimana pengarang menzahirkan nilai-nilai budaya tinggi khususnya yang berkait rapat dengan citra wanita unggul dalam sastera tradisional Melayu.

Berdasarkan syair ini, penganalisan terhadap kajian dilakukan yang mana pengkaji telah menganalisis intipati syair yang menerangkan perihal wanita. Melalui hal ini, pengkaji akan melihat persepsi pengarang yang berasal dari Riau terhadap wanita dari segi penulisan dalam kepengarangannya dengan menerapkan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) iaitu Nilai Budaya Tinggi terhadap analisis tersebut.



Gambar Rajah 3.3 : *Syair Puteri Akal*

3.3.2.2 Kaedah Internet

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah pencarian dalam talian (internet) bagi mengenal pasti dan memperoleh bahan-bahan sokongan kajian yang relevan. Beberapa laman web dan pangkalan data digital telah dikenal pasti dan dirujuk bagi mendapatkan maklumat tambahan berkaitan latar belakang karya, kepengarangan serta kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan Syair Puteri Akal. Penggunaan kaedah ini memudahkan pengkaji untuk mengakses pelbagai sumber ilmiah termasuk artikel jurnal, maklumat terbitan, manuskrip digital dan ulasan sastera daripada institusi akademik dan badan penerbitan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Google Scholar dan perpustakaan digital universiti.

3.3.2.3 Artikel, Jurnal dan Buku

Artikel, jurnal dan buku digunakan dalam kajian ini sebagai sumber rujukan utama bagi memperkukuh asas kajian yang dijalankan. Melalui bahan-bahan ini, pengkaji dapat meneliti pandangan serta dapatan daripada tokoh-tokoh dan sarjana yang lebih berautoriti dalam bidang berkaitan. Di samping itu, pengkaji juga dapat mengumpulkan data dan maklumat berdasarkan kajian- kajian lepas yang relevan bagi membantu mencapai objektif kajian ini.

3.3.3 Analisis Tematik

Analisis tematik merupakan satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif untuk mengenal pasti tema-tema penting yang terkandung dalam sesuatu data. Melalui analisis ini, penyelidik meneliti teks atau dokumen secara mendalam bagi mencari pola berulang, idea utama atau isu yang berkaitan dengan topik kajian. Tema yang dikenal pasti kemudiannya dikategorikan dan dianalisis untuk memahami makna yang tersirat atau tersurat dalam bahan tersebut. Dengan ini, pengkaji menggunakan analisis tematik kerana sesuai dengan penggunaan dan kualitatif. Pengkaji juga mengenal pasti tema seperti kebijaksanaan, kesabaran dan kekuatan dalaman melalui analisis terhadap tindakan dan dialog Puteri Akal. Selain daripada itu, terdapat beberapa proses dalam analisis tematik tersebut. Antaranya adalah proses transkripsi, pengekodan, tema, menyusun semula, laporan dan triangulasi.

3.3.1 Penerapan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021

Kajian ini tidak menggunakan sebarang teori sastera formal, sebaliknya berpegang kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DAKEN) sebagai kerangka rujukan utama dalam menganalisis nilai-nilai budaya yang diketengahkan dalam Syair Puteri Akal. DAKEN yang digubal pada tahun 1971 menekankan pemupukan nilai budaya tinggi berteraskan keperibadian bangsa Malaysia seperti kesopanan, kebijaksanaan, ketabahan dan kehalusan budi pekerti. Pengkaji menggunakan dasar ini bagi meneliti watak Puteri Akal digambarkan dengan keperibadian wanita Melayu yang luhur dan mencerminkan nilai-nilai budaya tinggi sebagaimana digariskan oleh DAKEN. Tumpuan utama adalah pada aspek kebijaksanaan, kekuatan dalaman dan kepemimpinan wanita dalam konteks budaya tempatan yang sarat dengan adab dan tatasusila.

Dengan itu, penggunaan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) ini mampu menghasilkan penerangan kajian yang jelas. Di samping itu, DAKEN ini juga merupakan salah satu asas penting dalam pembentukan sesuatu cabang ilmu pengetahuan.

3.1.1.1 Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021

Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 merupakan gagasan yang menyokong wawasan kemakmuran bersama ke arah pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang maju dan bersatu padu dengan menampilkan identiti dan keperibadian kebangsaan. Dasar ini dibina dengan mengambil kira prinsip dan matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) yang diilhamkan pada tahun 1971 dan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan sebagai ikatan mengharmonikan masyarakat majmuk di Malaysia. Dasar ini juga menjadikan prinsip – prinsip dan objektif Rukun Negara sebagai ideologi untuk menyeragamkan kefahaman semua rakyat sebagai kaum di negara ini bagi memelihara kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan dengan jiwa patriotik. Dasar ini menggariskan empat (4) prinsip dengan tujuh (7) teras utama sebagai fokus dalam merencanakan fungsi kebudayaan ke arah pemangkin pembangunan insan yang kreatif dan berperibadian tinggi, ekonomi berdaya saing dengan persekitaran kondusif. Intipati dalam DAKEN adalah untuk mengarahkan negara menjadi maju dalam semua sektor sama ada sektor sosial, ekonomi, pendidikan, modal insan dan halhal yang menyentuh kepada keharmonian dan kreativiti masyarakat.

Terdapat sepuluh (10) nilai bersama yang menjadi pendukung kepada Budaya Nilai Tinggi:

i. Kerohanian

Kerohanian ialah kesedaran tentang nilai – nilai dalam diri manusia yang mengimbangi kehidupan jasmaniah dan akliah bagi membina sifat – sifat insani yang lebih sempurna.

ii. Budi

Budi mengungkapkan kehalusan, ketertiban dan ketulusan budi bicara, budi pekerti dan akal budi yang menjadi asas perhubungan antara masyarakat;

iii. Muafakat

Muafakat merujuk kepada proses mencapai keputusan, tindakan dan tanggungjawab bersama. Dalam kalangan masyarakat Malaysia, nilai ini terjelma dalam kehidupan kehiranan, kerjasama dan gotong- royong;

iv. Kemuliaan ilmu

Kemuliaan ilmu merupakan sikap memandang tinggi kepada ilmu yang menjadi asas pembinaan peribadi dan masyarakat. Budaya akliah digalak, dibina dan dipupuk, manakala teknologi terkini diambil dari sudut positif bagi memantapkan kemajuan bangsa;

v. Kesaksamaan

Kesaksamaan merujuk kepada keadilan dalam mengimbangi kehidupan sosioekonomi masyarakat;

vi. Kesejahteraan

Kesejahteraan merujuk kepada kebahagiaan dan keamanan berpanjangan yang dinikmati oleh individu, keluarga dan negara yang berkait rapat dengan pembangunan insan. Tiada lagi timbul perselisihan, peperangan dan perbalahan, sebaliknya perlu disulami keperibadian murni yang akan melahirkan masyarakat sejahtera yang maju, proaktif dan berinovatif;

vii. Kesetiaan

Kesetiaan bermaksud sifat taat setia, teguh hati, amanah dan patuh, tidak menyanggah dan melanggar arahan. Kesetiaan tidak hanya tertumpu kepada setiakawan sesama insan, malah kesetiaan juga merupakan sifat berbakti dan cinta akan tanah air tanpa berbelah bagi;

viii.Kejujuran / Tulus Ikhlas

Kejujuran / tulus ikhlas membawa maksud kelurusan hati. Kejujuran dan keikhlasan adalah gambaran suatu yang tulus ikhlas yang dilihat melalui bersih, jujur dan suci hati. Sikap ini akan mengenyampingkan pertimbangan peribadi, menentang kerakusan dan memurnikan amalan untuk tujuan hidup hakiki;

ix. Keindahan

Keindahan bermaksud kesedaran tentang kesempurnaan alam ciptaan Tuhan yang mengilhamkan segala bentuk karya seni, tindakan dan pemikiran manusia. Keindahan menjadi elemen penting dalam merancang pembangunan sosioekonomi secara mengekalkan keaslian, tidak mencemar, merosak dan memusnahkan alam semula jadi;


x. Kebersihan

Kebersihan merujuk kepada amalan murni dan persekitaran yang terjaga, indah, tersusun dan sistematik yang mewujudkan suasana harmoni dan tenang. Kebersihan dari perspektif lebih mendalam ialah berkaitan dengan jiwa bersih, berintegriti dan mengamalkan nilai-nilai murni.

Kajian ini menggunakan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) bagi membantu penganalisisan kajian tentang Nilai Budaya Tinggi Keperibadian Wanita dalam Syair Puteri Akal. DAKEN berperanan sebagai kerangka konseptual dalam mengenal pasti dan menilai unsur-unsur budaya yang membentuk citra wanita ideal menurut pandangan budaya Melayu dan kebangsaan. DAKEN yang digubal pada tahun 1971 menetapkan bahawa kebudayaan kebangsaan mestilah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini dengan menerima unsur budaya lain yang wajar dan sesuai, menjadikan Islam sebagai unsur penting dalam pembentukan kebudayaan. Melalui dasar ini, pengkaji menganalisis bagaimana watak Puteri Akal digambarkan dengan nilai-nilai seperti kebijaksanaan, kesabaran, kesetiaan, ketabahan dan budi pekerti yang luhur, sejajar dengan nilai budaya tinggi yang dianjurkan oleh DAKEN.

Kajian ini juga menekankan bahawa perwatakan Puteri Akal mencerminkan wanita Melayu yang bukan sahaja memiliki kecantikan luaran, tetapi juga kekuatan dalaman, akal fikiran tajam dan keutuhan jati diri. Dengan menggunakan DAKEN sebagai rujukan, analisis terhadap teks syair ini lebih tersusun dan terarah dalam konteks budaya dan identiti kebangsaan, sekaligus menjadikan hasil kajian ini lebih signifikan terhadap pembangunan nilai dan pemikiran dalam kesusasteraan Melayu tradisional.

3.6 Kerangka Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021



3.7 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian terhadap Syair Puteri Akal membuktikan bahawa karya sastera tradisional Melayu bukan sekadar menjadi wadah hiburan tetapi juga mengandungi unsur pendidikan dan pembinaan jati diri dalam mengangkat peranan serta keperibadian wanita berbudaya tinggi. Watak Puteri Akal digambarkan sebagai seorang wanita yang bijaksana, berakhlak mulia dan cekal dalam menghadapi cabaran, termasuk pengkhianatan suami. Citra wanita yang dipaparkan ini selaras dengan prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DAKEN) yang menekankan nilai tatasusila, keintelektualan dan jati diri berteraskan budaya tempatan. Penggunaan DAKEN sebagai kerangka rujukan dalam kajian ini memberikan pendekatan yang lebih berfokus dan kontekstual, kerana ia membolehkan pengkaji melihat sejauh mana nilai-nilai kebangsaan dapat diterapkan dalam karya tradisional. Kajian ini juga memperlihatkan bahawa syair klasik mampu menyampaikan mesej moral dan budaya secara tersirat melalui struktur naratif dan puisi, sekaligus membuktikan relevansi karya lama dalam konteks pembangunan pemikiran dan sahsiah masyarakat masa kini. Dengan itu, kajian ini telah membuka ruang kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap Syair Puteri Akal dan menyerlahkan potensi besar karya-karya tradisional sebagai alat pendidikan nilai dan warisan budaya yang harus terus dipelihara dan dikaji serta diwarisi oleh generasi akan datang.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENGENALAN

Dapatan kajian dalam penyelidikan merujuk kepada hasil atau penemuan yang diperoleh melalui proses penyelidikan atau kajian terhadap sesuatu isu, fenomena atau topik yang sedang dikaji. Pada bahagian ini, aspek yang akan dibincangkan adalah berkaitan dapatan kajian iaitu hasil daripada kajian yang dilakukan terhadap teks yang bertajuk *Syair Puteri Akal* iaitu pengkaryanya yang berasal dari Riau, Indonesia dan teks ini telah di sunting oleh Wahyunah Haji Abd. Gani dan Salmah Jan Noor Muhammad di Malaysia. Menurut Cresswell (2010), dapatan kajian adalah satu laporan kerja kajian yang membincangkan topik penyiasatan atau penorakan masalah, menjawab soalan dan menggabungkan data yang dikumpul dan analisis yang ditafsir oleh penyelidik.

Bagi menghasilkan dapatan kajian, penyelidik akan mengumpulkan data yang relevan dengan objektif kajian dan kemudian menganalisis data tersebut menggunakan kerangka Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) yang telah dirangka pada Bab 2. Bab ini akan menjelaskan secara terperinci mengenai ciri keperibadian wanita dalam *Syair Puteri Akal* berdasarkan nilai budaya tinggi Melayu. Menganalisis nilai budaya tinggi yang terkandung dalam *Syair Puteri Akal* dan bab ini juga akan menerangkan tentang peranan keperibadian wanita dalam *Puteri Syair Akal* sebagai cerminan kekuatan bangsa berdasarkan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN). Analisis data ini akan memberi informasi yang bermakna dan menyokong jawapan kepada soalan – soalan penyelidikan yang telah dirumuskan pada permulaan kajian.

4.2 CIRI KEPERIBADIAN WANITA DALAM SYAIR PUTERI AKAL BERDASARKAN NILAI BUDAYA TINGGI MELAYU.

Secara literal, peribadi ditafsirkan sebagai sifat, kelakuan, sikap dan watak seseorang yang telah sehati dengan dirinya serta mencerminkan jati diri sebenar manusia. Menurut Hamka (2014), peribadi digambarkan sebagai himpunan sifat dan keistimewaan dalam diri seseorang yang membezakan keunggulannya daripada individu lain. Justeru, ada manusia yang diangkat sebagai manusia besar kerana kehebatan dan ketokohnya, manakala ada pula yang dianggap manusia kecil disebabkan kelemahannya.

Ciri keperibadian wanita pula merujuk kepada sifat, nilai dan tingkah laku yang membentuk identiti serta watak seseorang wanita. Keperibadian ini dapat dilihat melalui aspek rohani, emosi, intelektual dan sosial yang mencerminkan cara wanita berfikir, bertindak serta berinteraksi dalam kehidupan seharian. Ciri-ciri tersebut menjadi lambang maruah, kesantunan dan keindahan diri wanita sebagai insan yang berperanan penting dalam keluarga, masyarakat dan pembinaan bangsa. Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum yang terdiri daripada masyarakat Melayu, Cina dan India. Setiap kaum memiliki wanita yang menampilkan keperibadian tersendiri berdasarkan ajaran agama dan nilai budaya masing-masing.

Walaupun bagaimanapun, sifat asas wanita pada umumnya tetap sama iaitu bersifat penyayang, berlemah lembut dan mempunyai semangat ketabahan yang tinggi. Perbezaan antara wanita Islam dan wanita bukan Islam dapat diperhatikan melalui pegangan hidup yang menjadi asas kepada pembentukan akhlak dan peribadi mereka. Wanita Islam berpegang teguh kepada ajaran al-Quran dan sunnah sebagai panduan utama dalam membentuk keperibadian, termasuk aspek berpakaian, pergaulan, tanggungjawab terhadap diri, keluarga dan masyarakat. Dalam membicarakan nilai peribadi dan keperibadian wanita Melayu, Ibu Zain (2019), menafsirkannya berdasarkan dua pertimbangan utama. Pertama, keperibadian wanita Melayu terbentuk melalui tanggungjawab mereka dalam memperkukuh akidah sebagai seorang Islam yang beriman dan beramal. Kedua, kebijaksanaan wanita Melayu terserlah melalui keupayaan mereka mempertahankan budaya dan adat ketimuran yang telah sebatik dalam kehidupan masyarakat sejak turun-temurun. Kedua-dua pertimbangan ini menjadi asas kepada pembentukan keperibadian unggul wanita Melayu yang mencerminkan nilai budaya tinggi bangsa.

4.2.1 Tatasusila

Menurut Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021, tatasusila merujuk kepada sikap dan adab individu yang berteraskan nilai moral, sopan santun dan budi pekerti. Tatasusila berfungsi sebagai asas pembentukan insan berakhlak serta menjadi cerminan identiti bangsa yang berbudaya tinggi. Dalam konteks keperibadian wanita Melayu, tatasusila merupakan elemen penting kerana ia mencerminkan kesepaduan antara nilai moral, akhlak dan adab yang membentuk jati diri seseorang individu. Dalam budaya Melayu, konsep tatasusila tidak terhad kepada perlakuan luaran seperti kesopanan tingkah laku dan pertuturan semata-mata, sebaliknya merangkumi kesedaran dalaman yang berpaksikan nilai agama dan budaya. Prinsip ini telah lama menjadi teras falsafah kehidupan masyarakat Melayu yang menuntut keseimbangan antara akal, hati dan tindakan.

Menurut Syed Hussein Alatas (1977), menyatakan bahawa masyarakat Melayu membina sistem nilai yang mengangkat budi sebagai lambang kehalusan pekerti dan sumber kekuatan moral bangsa. Sehubungan dengan itu, tatasusila dapat difahami sebagai manifestasi budi pekerti yang dizahirkan melalui tingkah laku beradab, pertuturan yang halus serta kepekaan terhadap maruah diri dan orang lain. Hubungan antara tatasusila dan keperibadian wanita Melayu turut diberi penekanan oleh tokoh-tokoh pemikir dan sarjana tempatan. Menurut Ibu Zain (2019), dalam penulisannya yang dimuatkan dalam *Bulan Melayu*, menegaskan bahawa wanita Melayu perlu memelihara maruah diri

serta menghormati adat dan agama kerana adab dan kesopanan merupakan lambang kehormatan bagi wanita yang beriman dan berilmu. Pandangan ini memperlihatkan bahawa tatasusila berfungsi sebagai ukuran luaran yang mencerminkan kekuatan dalaman dan ketakwaan seorang wanita.

Menurut Asmah Haji Omar (2000) pula, dalam Bahasa dan Pemikiran Melayu menjelaskan bahawa kesantunan sebagai cabang tatasusila yang merupakan strategi sosial yang digunakan untuk mengekalkan keharmonian serta rasa hormat dalam komunikasi. Hal ini menunjukkan bahawa tatasusila dizahirkan melalui tingkah laku fizikal dan merangkumi cara berbahasa, berfikir dan berinteraksi dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks wanita Melayu, penghayatan tatasusila dan kesantunan mencerminkan kecerdikan sosial serta ketertiban moral yang tinggi. Pandangan tersebut selari dengan hujah Shamsul Amri Baharuddin (2013) yang menegaskan bahawa tatasusila merupakan elemen penting dalam *cultural governance* atau tadbir urus budaya di Malaysia. Menurut beliau, penghayatan tatasusila dalam kalangan wanita berupaya mengukuhkan kohesi sosial kerana wanita berperanan sebagai penjaga nilai dan norma dalam institusi kekeluargaan Melayu. Oleh itu, keperibadian wanita yang berasaskan tatasusila adalah membentuk jati diri individu serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan kelangsungan identiti bangsa.

Dalam *Syair Puteri Akal*, terdapat beberapa rangkap yang memaparkan nilai tatasusila berasaskan personaliti wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana watak Puteri Akal sendiri menonjolkan pelbagai nilai murni yang boleh dijadikan teladan oleh generasi akan datang. Selain itu, syair ini turut memperlihatkan nilai positif yang menggambarkan keperibadian unggul wanita Melayu. Watak Puteri Akal juga menunjukkan perbezaan yang jelas berbanding watak-watak yang lain dalam syair tersebut. Misalnya, Puteri Akal digambarkan sebagai seorang wanita yang sopan santun, beretika dan berperibadi halus. Nilai tatasusila ini dapat dilihat melalui rangkap syair di bawah :

Putih kuning safa menger[a]na,
Sifatnya lengkap tujuh laksana,
Dipandang manis terlalu bina,
Akalnya tajam amat sempurna.

(Rangkap 12, hlm. 3, *Syair Puteri Akal*)

Empat belas tahun umurnya anakanda,
Terlalu kasih ayahanda dan bonda,
Lengkapkan d[a](e)ngan inang dan kakanda,
Serta dayang yang muda-muda.

(Rangkap 13, hlm.2, *Syair Puteri Akal*)

Adapun puteri muda yang sabar,
Sungguh pun ia mendengar khabar,
Sedikit pun tiadanya ghobar,
Diserahkan kepada Allahuakhbar.

(Rangkap 285, hlm. 31, *Syair Puteri Akal*)

Melalui rangkap syair yang pertama, jelas menggambarkan Puteri Akal seorang wanita yang memiliki keperibadian yang sangat mulia dan sempurna. Hal ini dikatakan demikian kerana rangkap ini menzahirkan beberapa nilai tatasusila yang mencerminkan keperibadian wanita Melayu yang unggul. Antaranya adalah rangkap ini menzahirkan beberapa nilai tatasusila yang mencerminkan keperibadian wanita Melayu yang unggul. Antaranya ialah kesempurnaan akhlak dan budi pekerti yang tergambar melalui baris dua iaitu *“sifatnya lengkap tujuh laksana”* yang merujuk kepada kelengkapan sifat terpuji dalam diri Puteri Akal. Bagi baris terakhir *“akalnya tajam amat sempurna”* pula memperlihatkan nilai kebijaksanaan dan kecerdasan fikiran iaitu elemen penting dalam pembentukan tatasusila wanita Melayu tradisional. Kecantikan Puteri Akal yang digambarkan melalui ungkapan *“dipandang manis terlalu bina”* tidak berdiri secara terasing, sebaliknya dilengkapi dengan keindahan dalaman yang berpaksikan akhlak dan intelektual.

Bagi rangkap kedua syair, nilai tatasusila yang dapat dilihat melalui aspek didikan dan asuhan yang sempurna dalam institusi kekeluargaan dan istana. Hal ini dapat diperhatikan melalui baris dua iaitu *“terlalu kasih ayahanda dan bonda”* yang menggambarkan kasih sayang ibu bapa terhadap Puteri Akal serta mencerminkan persekitaran yang kondusif dalam pembentukan akhlak dan budi pekerti. Selain itu, bagi bairs *“lengkapkan dengan inang dan kakanda, serta dayang yang muda-muda”* menunjukkan bahawa Puteri Akal dibesarkan dengan pengawasan serta bimbingan yang rapi terutamanya dalam mempelajari adab sopan, tata kelakuan dan etika pergaulan

sebagai seorang puteri bangsawan. Keadaan ini membuktikan bahawa tatasusila seseorang wanita Melayu bukan terbentuk secara semula jadi tetapi hasil daripada pendidikan, asuhan dan pengawasan yang berterusan sejak usia muda.

Bagi rangkap syair yang terakhir, nilai tatasusila yang jelas ditonjolkan dalam kesabaran dan ketenangan jiwa dalam diri Puteri Akal. Hal ini dapat dilihat melalui baris pertama “*puteri muda yang sabar*” yang menggambarkan keupayaan beliau mengawal emosi walaupun berhadapan dengan khabar yang menguji perasaan. Bagi baris syair “*sedikit pun tiadanya ghobar*” pula memperlihatkan sikap tidak gelisah, tidak marah dan tidak bertindak melulu dan mencerminkan kehalusan budi serta kematangan rohani yang tinggi. Sikap ini membuktikan bahawa tatasusila Puteri Akal terbentuk melalui didikan dan akal budi serta diperkukuhkan oleh pegangan agama yang kukuh, sejajar dengan nilai tatasusila wanita Melayu Islam yang ideal. Oleh itu, watak Puteri Akal dapat ditafsirkan sebagai lambang wanita Melayu berbudaya tinggi yang selaras dengan prinsip Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021.

4.2.1.1 Kesopanan dan Kesantunan

Secara umum, kesopanan atau kesantunan adalah cerminan kepada kehalusan budi dan akal yang membentuk keperibadian seseorang individu dalam masyarakat, ia bukan sekadar cara bertutur atau berkelakuan secara zahir tetapi melambangkan ketertiban jiwa dan penghormatan terhadap orang lain. Menurut Asmah Haji Omar (2000), kesantunan adalah satu bentuk kawalan sosial yang berpaksikan kepada rasa hormat, empati dan tanggungjawab terhadap keharmonian masyarakat. Dalam budaya Melayu, kesantunan dianggap sebagai simbol maruah diri dan lambang ketinggian peradaban bangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana orang yang berbudi bahasa dan beradab tinggi dipandang mulia serta dipercayai mampu membawa kesejahteraan kepada persekitarannya.

Kesopanan juga menjadi sebahagian daripada nilai tatasusila yang digariskan dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN,) 2021 di bawah teras Pengukuhan Nilai Budaya Tinggi. DAKEN menegaskan bahawa masyarakat berbudaya tinggi menzahirkan kesopanan melalui pertuturan yang berhemah, perlakuan yang tertib dan sikap menghormati sesama insan tanpa mengira latar agama atau kedudukan. Nilai ini amat penting dalam konteks wanita Melayu kerana kesantunan merupakan lambang maruah dan kehormatan diri. Seorang wanita yang santun menunjukkan keindahan akhlak dan kehalusan budi yang bukan

hanya semata-mata untuk memperindahkan dirinya, tetapi juga memuliakan keluarganya.

Menurut Nik Safiah Karim (2004), kesantunan wanita Melayu lahir daripada keseimbangan antara kelembutan perwatakan dan kekuatan prinsip hidup. Walaubagaimanapun, wanita dilihat lembut dalam tutur kata dan gerak tubuh, namun kelembutan itu bukan tanda kelemahan sebaliknya ia mencerminkan kebijaksanaan dalam mengawal emosi dan mengekalkan keharmonian sosial. Justeru, kesopanan adalah etika sosial yang suatu bentuk kebijaksanaan akal budi yang mengangkat martabat wanita sebagai insan berperibadian tinggi. Melalui kajian ini, terdapat pelbagai konflik yang terjadi dan beberapa nilai yang dapat ditonjolkan melalui watak-watak yang ada dalam *Syair Puteri Akal*. Nilai kesantunan ini dizahirkan dengan jelas melalui watak Puteri Akal yang di mana satu peristiwa yang terdapat dalam syair di bawah :

Mendengarkan titah raja mahkota,

Tunduk diam puteri yang pokta,

Sepatah pun tidak menjawab kata,

Belasnya ditaruh di dalam cinta.

(Rangkap 378, hlm. 49, *Syair Puteri Akal*)

Dayang menyembah bersusun jari,

Serta dengan patung baiduri,

Segeralah disambut tuan puteri,

Sukanya tidak lagi terperi,

(Rangkap 157, hlm. 21, *Syair Puteri Akal*)

Melalui rangkap pertama, jelas menzhahirkan nilai kesopanan dan kesantunan dalam komunikasi, terutamanya apabila berhadapan dengan pihak yang lebih tinggi kedudukan seperti raja mahkota. Sikap tunduk diam dan tidak menjawab sepatah kata bukan ditafsirkan sebagai kelemahan sebaliknya melambangkan adab Melayu yang mementingkan penghormatan, kebijaksanaan emosi dan kawalan diri. Dalam konteks budaya Melayu, diam yang beradab dianggap sebagai tanda kesantunan terutama bagi seorang puteri yang memelihara maruah dan tatasusila. Frasa “*belasnya ditaruh di dalam cinta*” pula menunjukkan kelembutan jiwa dan kehalusan budi iaitu teras kepada kesantunan wanita Melayu.

Seterusnya bagi rangkap syair yang kedua pula membawa maksud bahawa sikap sopan santun, tertib dan penghormatan yang ditunjukkan oleh para dayang melalui perbuatan menyembah dengan susunan jari melambangkan adat istiadat istana yang halus dan berlapik seperti dalam baris syair yang pertama “*Dayang menyembah bersusun jari*”. Ciri keperibadian wanita tidak hanya memfokuskan kepada watak Puteri Akal sahaja tetapi watak Dayang juga memperlihatkan ciri-ciri

keperibadian wanita berdasarkan nilai budaya tinggi Melayu. Perbuatan fizikal ini juga telah mencerminkan nilai kesantunan budi dan kepatuhan terhadap hierarki sosial dalam budaya Melayu tradisional. Berdasarkan nilai kesopanan dan kesantunan, rangkap syair tersebut jelas memperlihatkan pengamalan adab yang tinggi dalam interaksi sosial istana. Tindakan ini mencerminkan kesedaran diri golongan bawahan dalam menjaga batas hubungan dengan golongan atasan secara beradab dan tertib, selaras dengan konsep kesopanan dalam budaya Melayu yang menitikberatkan perlakuan yang tidak melampaui batas.

Secara keseluruhannya, kedua-dua rangkap ini sangat sesuai dijadikan bukti tekstual bagi nilai kesopanan dan kesantunan wanita dalam kajian *Syair Puteri Akal*. Nilai tersebut dizahirkan bukan melalui dialog yang panjang tetapi melalui perlakuan, gerak tubuh, sikap diam yang bererti serta pematuhan kepada adat dan hierarki sosial, selari dengan konsep budaya tinggi dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021. Rangkap-rangkap ini mengukuhkan gambaran wanita Melayu sebagai insan berakhlak halus, beradab dan berkeperibadian unggul.

Dalam ajaran Islam, maruah wanita diangkat pada kedudukan yang mulia sebagaimana ditegaskan oleh Imam Al-Ghazali dalam Ihya' Ulumuddin bahawa wanita berakhlak mulia merupakan seindah-indah perhiasan dunia kerana kehormatan dan akhlaknya mencerminkan kesempurnaan iman seseorang. Pandangan ini turut seiring dengan Ibu Zain (2019) yang menegaskan bahawa wanita Melayu perlu mempertahankan adab, kesantunan dan budi bahasa sebagai benteng maruah diri serta lambang kekuatan bangsa. Selaras dengan itu, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1977) turut menjelaskan bahawa kesantunan dan adab merupakan asas pembentukan insan berperibadi tinggi, justeru wanita yang memelihara maruahnyanya adalah cerminan bangsa yang beradab dan berbudaya selaras dengan 10 nilai bersama di bawah Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021.

4.2.1.2 Adab Seorang Wanita Sebagai Isteri

Menurut Kamus Dewan Yang Terkini Edisi Keempat (2015), isteri adalah seorang wanita yang menjadi pasangan hidup kepada seseorang lelaki dan perempuan yang sudah berkahwin. Secara umum, adab bermaksud kelakuan yang baik, sopan dan bertertib yang berpandukan nilai moral, akhlak serta ajaran agama. Dalam bahasa Arab, perkataan adab berasal daripada kata kerja *addaba* yang bererti mendidik, mengajar atau membentuk budi pekerti. Menurut Kamus Dewan Edisi Kelima (2017), adab ditakrifkan sebagai kelakuan yang sopan, tatatertib dan kehalusan budi pekerti dalam berhubung dengan orang lain. Maka, adab bukanlah sekadar etika sosial yang dilihat dari luar, tetapi satu bentuk pendidikan rohani dan akal yang membimbing seseorang bertindak secara berhemah dan berakhlak.

Adab seorang wanita sebagai isteri pula merangkumi sikap, tingkah laku dan nilai moral yang diharapkan dalam perkahwinan yang berasaskan budaya, agama dan norma masyarakat. Nilai utama yang sering ditekankan adalah kesopanan, kesetiaan, kerjasama dan penghormatan terhadap suami serta keluarga. Sehubungan dengan itu, bentuk adab seorang isteri terdapat dalam pelbagai budaya dan agama. Agama yang menjadi keutamaan adalah wanita yang beragama islam. Hal ini dikatakan demikian kerana seorang wanita beragama islam yang

telah berkahwin diwajibkan untuk taat kepada suaminya selagi ketaatan tersebut tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Tanggungjawab ini menggambarkan kehalusan nilai tatasusila dan adab dalam diri seorang wanita yang beriman. Ketaatan bukan semata-mata tanda kepatuhan tetapi lambang kasih sayang, keikhlasan dan rasa hormat terhadap suami sebagai pemimpin keluarga. Nilai ini menunjukkan bahawa wanita yang beradab sentiasa menunaikan tanggungjawabnya dengan penuh kesedaran dan keinsafan tanpa paksaan. Melalui *Syair Puteri Akal*, ketaatan watak Puteri Akal terhadap Putera Bangsawan dapat dilihat dengan jelas apabila beliau tetap berpegang kepada nilai kesopanan dan adab meskipun dikhianati dalam perkahwinan. Putera Bangsawan telah menghina serta mempersoalkan kesetiaan Puteri Akal, namun beliau tidak membalas kata-kata tersebut dengan kemarahan atau perbuatan yang mencabar suaminya. Sebaliknya, Puteri Akal memilih untuk mendiamkan diri dan menerima ujian itu dengan tenang serta berlapang dada.

Sikap ini menggambarkan ketinggian akhlak dan kekuatan jiwa seorang wanita beriman yang memahami erti ketaatan dalam perkahwinan. Kesabarannya bukan tanda kelemahan tetapi lambang kebijaksanaan dalam mengawal emosi dan menjaga kehormatan diri serta maruah keluarga. Tindakan Puteri Akal untuk tidak melawan menunjukkan bahawa beliau mengutamakan kedamaian dan

keharmonian rumah tangga berbanding kepentingan diri. Dalam konteks budaya Melayu, sifat ini mencerminkan nilai tatasusila dan kesantunan wanita yang menjunjung adab serta memelihara maruah walaupun berdepan pengkhianatan. Ini dapat dilihat melalui rangkap di bawah :

Puteri pun tahun akannya hati,
Akan kelakuan muda yang sakti,
Sungguh pun kasih dengan seperti,
Lain di mulut lain di hati.

(Rangkap 239, hlm. 26, *Syair Puteri Akal*)

Sebab pun sudah menjadi hamba,
Terlanjuran kasih sudah berasa,
Meskipun disuruh membawak timba,
Sedikit tidak berhati hiba.

(Rangkap 245, hlm. 33, *Syair Puteri Akal*)

Sungguh pun abang berbuat laku,
Rasanya hati sangat berbuku,
Hati berharap kepada jiwaku,
Kasih dan sayang sudah terpaku.

(Rangkap 499, hlm. 53, *Syair Puteri Akal*)

Melalui rangkap pertama memperlihatkan adab wanita dalam mengawal emosi dan tutur kata. Frasa “*lain di mulut lain di hati*” menggambarkan kebijaksanaan seorang wanita dalam menyembunyikan perasaan sebenar demi menjaga keharmonian hubungan. Dalam konteks adab isteri, sikap ini mencerminkan

kesantunan komunikasi iaitu tidak meluahkan segala rasa secara terbuka sehingga menimbulkan konflik. Wanita digambarkan berfikir secara matang dan menimbang kesan kata-kata sebelum bertindak, selaras dengan prinsip adab Melayu yang mengutamakan kesejahteraan rumah tangga.

Bagi rangkap syair yang kedua pula menzahirkan nilai kesetiaan dan keikhlasan seorang wanita sebagai isteri. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun telah “*menjadi hamba*” dan kasih yang terlanjur dirasa, wanita tersebut tetap menjalankan perintah tanpa rasa hiba atau keluhan. Hal ini bukan menandakan kelemahan tetapi melambangkan adab tanggungjawab dan pengorbanan dalam peranan isteri iaitu kesanggupan memikul amanah dengan sabar serta merendahkan diri demi menjaga hubungan dan kewajipan yang dipikul.

Rangkap terakhir bagi rangkap syair di atas, menekankan keteguhan kasih dan kesetiaan emosi. Hal ini dikatakan kerana walaupun beliau berdepan dengan perlakuan yang menyakitkan hati, wanita tersebut tetap memautkan kasih dan harapan kepada pasangannya. Sikap ini mencerminkan adab isteri yang setia dan berjiwa halus mampu menanggung luka perasaan tanpa merosakkan hubungan secara terburu-buru. Nilai ini selari dengan konsep kesantunan jiwa dalam budaya Melayu yang mengangkat kesabaran dan ketahanan emosi sebagai kekuatan wanita.

Melalui rangkap di atas adalah bukti bahawa nilai tatasusila adab seorang wanita sebagai isteri ditonjolkan melalui watak Puteri Akal sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana ketaatan Puteri Akal kepada Putera Bangsawan yang mengkhianatinya dalam perkahwinan. Rangkap ini memperlihatkan ketaatan Puteri Akal sebagai seorang isteri yang sanggup merendahkan diri demi menunaikan tanggungjawabnya dalam perkahwinan. Sikap mendiamkan diri ini bukanlah gambaran kepasrahan yang negatif, sebaliknya menimbulkan kehalusan adab dan kekuatan dalaman seorang wanita Melayu yang berpegang teguh kepada nilai tatasusila. Rangkap-rangkap ini menggambarkan keadaan Puteri Akal yang telah merendahkan diri sepenuhnya sebagai seorang isteri demi mempertahankan ikatan perkahwinan.

4.2.1.3 Kesabaran Wanita Sebagai Isteri

Secara umum, kesabaran bermaksud kemampuan seseorang untuk menahan diri daripada bertindak secara tergesa-gesa, mengawal emosi serta tetap tenang ketika berhadapan dengan ujian. Kesabaran menunjukkan kekuatan rohani dan kematangan emosi dalam menghadapi pelbagai cabaran kehidupan. Orang yang sabar bukan bererti pasif tetapi mempunyai kekuatan dalaman untuk berfikir dengan waras dan bertindak dengan bijaksana tanpa dipengaruhi oleh kemarahan atau keputusan. Ciri-ciri kesabaran juga adalah sifat moral dan emosi seseorang. Hal ini kerana kesabaran adalah satu kebiasaan untuk bertindak balas secara tenang, baik secara dalaman mahupun luaran dan apabila kemajuan ke arah sesuatu matlamat lebih perlahan daripada yang diinginkan. Ia melibatkan pengawalan emosi seperti marah atau kecewa dan mengekalkan ketenangan dalam situasi yang mencabar.

Dari perspektif falsafah hidup Melayu pula, kesabaran dianggap sebagai lambang kebijaksanaan dan keteguhan hati. Masyarakat Melayu menyanjung tinggi nilai sabar kerana ia mencerminkan kehalusan budi, ketenangan jiwa serta kemampuan mengawal emosi. Pepatah seperti “*biar lambat asal selamat*” dan “*air tenang jangan disangka tiada buaya*” menggambarkan pandangan bahawa orang yang sabar bukan lemah, tetapi memiliki kekuatan yang tersembunyi iaitu kemampuan untuk menahan diri dan bertindak pada masa yang tepat. Dalam kehidupan

wanita, kesabaran merupakan asas keindahan peribadi dan kekuatan moral. Wanita yang sabar akan menghadapi tekanan dan ujian dengan tenang, tidak mudah berputus asa dan sentiasa berusaha memperbaiki keadaan. Kesabaran menjadikan wanita lebih matang dalam membuat keputusan, lebih tabah dalam mengurus tanggungjawab serta lebih berhikmah dalam berhadapan dengan orang lain. Sifat ini juga melatih wanita agar tidak dikuasai emosi, sebaliknya berpandukan akal budi dan keimanan dalam setiap tindakan. Dalam konteks Nilai Budaya Tinggi menurut Dasar Kebudayaan Negara DAKEN 2021, kesabaran dianggap sebagai nilai penting dalam pembentukan keperibadian bangsa berbudaya tinggi. Nilai ini dapat di lihat melalui rangkap syair di bawah

Adapun puteri muda yang sabar,
Sungguh pun ia mendengar khabar,
Sedikit pun tiadanya ghobar,
Diserahkan kepada Allahuakhbar.

(Rangkap 285, hlm. 38, *Syair Puteri Akal*)

Baginda tertawa seraya menyapa,
Sayangnya orang yang baik rupa,
Dahulu Tak Sudi Si Lamat yang papa,
Sekarang bunting d[a](e)ngan siapa?

(Rangkap 376, hlm. 40, *Syair Puteri Akal*)

Sampai sudah bulannya puteri,
 Sembilan bulan sepuluh hari,
 Lalulah bersalin seorang diri,
 Seorang laki-laki manis berseri.

(Rangkap 380, hlm. 40, *Syair Puteri Akal*)

Nilai kesabaran wanita sebagai isteri dapat ditelusuri secara jelas melalui beberapa rangkap dalam *Syair Puteri Akal* yang memaparkan ketabahan emosi, keutuhan iman serta kekuatan jiwa seorang puteri dalam menghadapi ujian hidup. Bagi rangkap syair yang pertama telah memperlihatkan kesabaran puteri muda dalam menerima khabar yang menggugat perasaan tanpa menunjukkan keresahan atau kemarahan. Bagi frasa “*sedikit pun tiadanya ghobar*” menandakan ketenangan jiwa dan keupayaan mengawal emosi walaupun berdepan situasi yang tidak menyenangkan. Sikap “*diserahkan kepada Allahuakhbar*” pula mencerminkan kesabaran yang berteraskan keimanan iaitu wanita sebagai isteri tidak bertindak melulu, sebaliknya menyerahkan takdir kepada ketentuan Ilahi. Hal ini selari dengan pandangan budaya Melayu Islam yang menilai kesabaran sebagai lambang kekuatan dalaman dan kematangan rohani wanita.

Rangkap seterusnya memaparkan ujian kesabaran yang lebih berat apabila puteri menjadi sasaran sindiran dan pertanyaan yang menjatuhkan maruah. Nada pertuturan “*sekarang bunting dengan siapa?*” jelas mengandungi unsur penghinaan dan prejudis. Hal ini dikatakan kerana walaupun berhadapan cemuhan yang mengaibkan, puteri tidak digambarkan membalas atau mempertahankan diri secara emosional. Ketiadaan reaksi agresif ini memperkukuhkan gambaran wanita sebagai isteri yang sabar, berlapang dada dan memelihara maruah diri meskipun berdepan ketidakadilan sosial. Kesabaran di sini berfungsi sebagai mekanisme mempertahankan kehormatan diri dan ketenangan jiwa.

Rangkap terakhir telah melengkapkan gambaran kesabaran wanita sebagai isteri melalui pengalaman penderitaan fizikal dan emosi. Frasa “*lalulah bersalin seorang diri*” memperlihatkan keperitan yang ditanggung tanpa sokongan pasangan atau masyarakat. Namun demikian, penderitaan tersebut tidak diratapi secara berlebihan, sebaliknya diakhiri dengan kelahiran “*seorang laki-laki manis berseri*” yang melambangkan ganjaran kepada kesabaran dan ketabahan. Dalam konteks ini, wanita digambarkan sebagai isteri yang sanggup menanggung derita demi amanah keibuan dan kelangsungan zuriat.

Ketiga-tiga rangkap ini menampilkan kesabaran wanita sebagai isteri bukan sebagai simbol kelemahan tetapi sebagai manifestasi kekuatan moral, keteguhan iman dan keperibadian unggul. Kesabaran tersebut merangkumi dimensi emosi, sosial dan fizikal serta memperlihatkan wanita Melayu sebagai tonggak kestabilan keluarga dan lambang budaya tinggi. Nilai ini selari dengan prinsip Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 yang menekankan pembentukan insan berakhlak, beradab dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kehidupan.

4.2.1.4 Menjaga Maruah Diri

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ke-4 (2017), maruah diri ditakrifkan sebagai harga diri atau air muka seseorang. Dalam konteks keperibadian wanita Melayu, menjaga maruah diri merangkumi lebih daripada sekadar penampilan luaran. Ia melibatkan sikap sopan santun, tingkah laku yang terpelihara dan usaha mempertahankan nama baik keluarga serta komuniti. Maruah diri menjadi neraca yang menentukan sejauh mana seseorang wanita dihargai dalam masyarakat Melayu tradisional mahupun moden.

Dalam tradisi budaya, wanita Melayu sering diasuh agar memahami bahawa maruah diri adalah lambang kehalusan budi dan citra diri yang mulia. Hal ini tercermin melalui pertuturan yang lemah lembut, tingkah laku beradab serta kebijaksanaan dalam bertindak sama ada di ruang sosial mahupun dalam kehidupan peribadi. Menjaga batas pergaulan, memelihara kehormatan diri serta mengelakkan perbuatan yang boleh menjejaskan reputasi merupakan elemen penting dalam menjaga maruah.

Dalam *Syair Puteri Akal*, prinsip menjaga maruah diri dapat dilihat melalui watak-watak yang menonjolkan kesedaran moral, kebijaksanaan akal dan kemampuan mempertahankan nilai diri dalam menghadapi cabaran. Keperibadian wanita berperibadi tinggi digambarkan sebagai individu yang bukan sahaja memelihara kehormatan fizikal tetapi juga integriti rohani iaitu menjaga pemikiran, niat dan tindakan agar sentiasa berada dalam ruang kesantunan dan kebenaran.

Seterusnya, maruah diri juga berkait rapat dengan konsep malu dalam budaya Melayu, iaitu rasa kesedaran sendiri yang membimbing seseorang daripada melakukan perlakuan yang memalukan, merendahkan martabat atau memalukan keluarga. Nilai malu bukanlah sekadar sifat pasif tetapi menjadi mekanisme sosial yang mendorong wanita untuk sentiasa menilai tindakan dan berfikir panjang sebelum membuat keputusan. Dengan itu, wanita yang menjaga maruah diri dianggap sebagai lambang kecemerlangan akhlak dan penegak nilai budaya bangsa. Ini dapat dilihat melalui rangkap-rangkap syair di bawah :

Puteri Akal menjawab kata,

Aku nan belum mengantuknya mata,

Ambillah nyiur kupaslah serta,

Bertanak minyak baiknya kita.

(Rangkap 298, hlm. 39. *Syair Puteri Akal*)

Si Lamat mendengar madahnya puteri,

Ia pun segera bangkit berdiri,

Mengupas nyiur berperi-peri,

Sehingga sampai siangnya hari.

(Rangkap 299, hlm. 39, *Syair Puteri Akal*)

Putera bertitah manis berseri,

Kepada Si Lamat baginda berperi,

Apa khabar semalamnya diri,

Adakah tidur dengannya puteri.

(Rangkap 301, hlm. 40, *Syair Puteri Akal*)

Si Lamat menyembah menjawab firman,

Ampun tuanku muda budiman,

Tiadalah tidur semalam-malaman,

Mengupas nyiur semalam teman.

(Rangkap 302, hlm. 40, *Syair Puteri Akal*)

Suka tertawa bangsawan muda,

Mengilai sambil baginda bersabda,

Malam sekarang janganlah tiada,

Ajaklah tidur puteri syahda.

(Rangkap 303, hlm 40, *Syair Puteri Akal*)

Melalui rangkap pertama dan kedua telah memperlihatkan kebijaksanaan Puteri Akal dalam mengawal situasi yang berpotensi menjejaskan maruah diri. Apabila berada dalam keadaan malam dan berdua dengan Si Lamat, Puteri Akal memilih untuk mengalihkan keadaan tersebut kepada aktiviti yang berfaedah dan terbuka iaitu mengupas nyiur dan bertanak minyak. Frasa “aku nan belum

mengantuknya mata” menandakan kesedaran diri dan kepekaan terhadap batas pergaulan. Tindakan ini mencerminkan strategi halus wanita berakhlak untuk menolak situasi yang boleh menimbulkan fitnah tanpa menyinggung perasaan pihak lain. Si Lamat pula mematuhi arahan tersebut dan bekerja sehingga siang hari serta menzahirkan hubungan yang terkawal dan berlandaskan adab.

Seterusnya, rangkap syair yang ketiga dan keempat, menegaskan aspek kejujuran dan ketelusan sebagai elemen menjaga maruah. Apabila Putera bertanya secara langsung tentang hubungan antara Si Lamat dan Puteri Akal, Si Lamat menjawab dengan penuh tertib dan jujur bahawa mereka tidak tidur bersama, sebaliknya menghabiskan malam dengan kerja mengupas nyiur. Jawapan ini membersihkan nama Puteri Akal daripada sebarang prasangka dan mempertahankan maruah kedua-dua pihak di hadapan golongan istana. Kejujuran ini selari dengan nilai kesantunan Melayu yang menuntut keterbukaan tanpa memperincikan perkara yang boleh mengaibkan.

Namun demikian, rangkap yang terakhir memperlihatkan wujudnya percanggahan nilai apabila bangsawan muda bergurau dan menyarankan agar Puteri Akal diajak tidur. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun disampaikan dalam nada senda gurau, bertentangan dengan prinsip menjaga maruah diri yang telah ditegaskan dalam rangkap sebelumnya. Kontras ini berfungsi sebagai teknik penceritaan

untuk menonjolkan keteguhan maruah Puteri Akal kerana sebelum ini beliau telah membuktikan keupayaan menolak godaan dan fitnah melalui tindakan beradab dan berhemah.

Seperti yang kita tahu bahawa dalam agama Islam juga pengutusan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul terakhir membawa rahmat kepada seluruh alam. Hal ini dikatakan demikian kerana di antara rahmat yang didatangkan melalui syariat yang dibawa oleh baginda SAW ialah mengangkat darjat dan martabat wanita kepada satu kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Islam. Islam telah menetapkan hak-hak wanita dengan sempurna tanpa pengurangan sedikit pun. Dalam Al-Quran sendiri menjelaskan bahawa wanita merupakan salah satu unsur yang turut bergiat seiring kaum lelaki membangunkan masyarakat, menjaga keutuhan dan kesejahteraan ummah.

Seperti pada Q.S. al-Nisa [4]: 34 Allah berfirman:

“Kaum laki-laki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh karena Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan karena mereka (laki-laki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka. Sebab itu maka wanita yang saleh, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada, oleh karena Allah telah memelihara (mereka). Wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusyuznya, maka nasehatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka, kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. “Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha besar” (Alquran surat alNisa’[4]: 34).

Sehubungan dengan itu, tindakan Puteri Akal yang berusaha memelihara kehormatan diri melalui strategi yang bijaksana selari dengan ajaran Islam yang menuntut wanita agar menjaga batas pergaulan, memelihara kehormatan serta mengelakkan diri daripada sebarang situasi yang boleh menjatuhkan maruah. Perilaku Puteri Akal ini telah mencerminkan nilai tatasusila wanita Melayu yang berpegang teguh pada adab dan kesantunan serta mengangkat citra wanita sebagai individu yang memiliki akal budi, kebijaksanaan dan integriti diri yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa maruah diri bagi wanita Melayu bukan sekadar simbol kehormatan peribadi, tetapi lambang jati diri budaya dan nilai agama yang menjadi asas pembentukan peribadi unggul.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2.2 Tatacara

Menurut Teras 1: Budaya Nilai Tinggi dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021, tatacara merujuk kepada cara perlakuan yang berlandaskan nilai sopan santun, tertib sosial dan kesantunan berbahasa yang mencerminkan jati diri serta identiti bangsa. Menurut Kamus Dewan yang terkini iaitu Edisi Keempat (2015), tatacara ditakrifkan sebagai kaedah atau aturan yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Definisi ini menunjukkan bahawa tatacara berfungsi sebagai panduan perilaku yang mengawal tindakan individu agar selaras dengan norma budaya dan nilai masyarakat. Dari perspektif budaya Melayu, tatacara tidak terhad kepada perlakuan fizikal semata-mata, malah merangkumi aspek pertuturan, pemikiran dan sikap dalaman.

Menurut Awang Sariyan (2007), menegaskan bahawa tatacara berbahasa dan bertindak mencerminkan akal budi serta kehalusan peribadi seseorang individu. Dalam konteks ini, tatacara menjadi indikator penting kepada pembentukan keperibadian unggul, khususnya dalam kalangan wanita Melayu yang dilihat sebagai lambang kesantunan dan keseimbangan sosial. Menurut Mana Sikana (2013), menyatakan bahawa karya sastra tradisional berfungsi sebagai wahana pendidikan budaya yang menanamkan nilai tatacara melalui naratif dan simbolisme. Pematuhan terhadap tatacara dalam syair ini turut berfungsi sebagai mekanisme pemeliharaan maruah diri.

Kajian oleh Khairiah Mohd Yassin (2024), mendapati bahawa keperibadian wanita Melayu sering dikaitkan dengan pematuhan terhadap tatacara yang mencerminkan kekuatan dalaman, bukannya kelemahan. Tatacara dilihat sebagai manifestasi kebijaksanaan dan kematangan emosi yang membolehkan wanita memainkan peranan penting dalam membina keluarga dan bangsa. Berdasarkan *Syair Puteri Akal*, tatacara dapat difahami sebagai cara susunan langkah hidup dan perilaku yang beradab, teratur serta berlandaskan akal dan budi lebih-lebih lagi dalam membentuk perilaku wanita. Berikut adalah tatacara sebagai perilaku wanita dan disertai contoh rangkap syair daripada teks tersebut :

Dayang wei apa marilah diri,
Mendapatkan putera muda bestari,
Kita perdayakan muda jauhari,
Bolehlah patung terbawa ke mari.

(Rangkap 116, hlm. 16. *Syair Puteri Akal*)

Puteri Akal menjawab kata,
Aku nan belum mengantuknya mata,
Ambillah nyiur kupaslah serta,
Bertanak minyak baiknya kita.

(Rangkap 298, hlm. 39. *Syair Puteri Akal*)

Biarlah beta gantikan tuan,
 Naik ke istana tulis berawan,
 Beradu d[a](e)ngan raja bangsawan,
 Supaya patung boleh tertawan.

(Rangkap 341, hlm. 45. *Syair Puteri Akal*)

Melalui rangkap syair yang pertama telah memperlihatkan pelanggaran tatacara apabila watak dayang mencadangkan perbuatan memperdaya putera muda demi mendapatkan patung. Ungkapan “*kita perdayakan muda jauhari*” jelas menunjukkan tindakan yang bercanggah dengan tatacara istana yang menuntut kejujuran, keadilan dan kesantunan dalam berurusan. Cadangan ini melanggar adab pergaulan dan etika sosial kerana menggunakan tipu daya sebagai strategi serta membuka ruang kepada kekacauan nilai moral. Melalui peristiwa ini, pengarang seolah-olah menampilkan contoh negatif sebagai peringatan terhadap kepentingan memelihara tatacara yang betul.

Sebaliknya, bagi rangkap seterusnya memaparkan tatacara yang beradab dan terpelihara lebih-lebih lagi dalam konteks pergaulan dan pengurusan situasi peribadi. Tindakan Puteri Akal mengarahkan Si Lamat mengupas nyiur dan bertanak minyak menunjukkan kebijaksanaan mengalihkan keadaan kepada pekerjaan yang berfaedah dan bersifat terbuka. Cara ini mencerminkan pematuhan kepada tatacara pergaulan Melayu yang menekankan batas, kesopanan dan penghindaran fitnah. Arahan tersebut disampaikan dengan bahasa yang lembut dan berhemah serta menzahirkan adab pertuturan yang tinggi.

Bagi rangkap syair yang terakhir pula menampilkan nilai tatacara dalam bentuk kesanggupan berkorban demi mematuhi aturan dan peranan sosial. Watak yang menawarkan diri menggantikan tuannya ke istana dan beradu dengan raja bangsawan melakukannya demi tujuan tertentu iaitu mendapatkan patung. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun tindakan ini melibatkan penyamaran, ia digambarkan sebagai usaha yang dirancang dengan penuh pertimbangan terhadap adat istiadat istana termasuk kehadiran di tempat yang sesuai dan pematuhan kepada struktur hierarki. Peristiwa ini menunjukkan bahawa tatacara bukan sekadar aturan luaran, tetapi juga kebolehan menyesuaikan diri dengan norma sosial tanpa mencetuskan kekacauan terbuka.

Ketiga-tiga rangkap ini memperlihatkan nilai tatacara sebagai asas kepada keharmonian sosial dan kelangsungan adat. *Syair Puteri Akal* memaparkan perbandingan antara tindakan yang melanggar tatacara dan tindakan yang mematuhi serta menegaskan kepentingan adab, kebijaksanaan dan kepekaan terhadap norma budaya. Nilai tatacara yang ditonjolkan ini selari dengan konsep budaya tinggi dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 yang menekankan pembentukan insan beradab, beretika dan berkeupayaan mengurus tingkah laku secara berhemah dalam masyarakat.

4.2.2.1 Adat Dan Budaya

Tatacara merupakan salah satu elemen utama dalam pembentukan nilai budaya tinggi yang menzahirkan kehalusan budi, kepatuhan terhadap adat serta keluhuran peribadi seseorang individu. Menurut Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 di bawah Teras 1: Budaya Nilai Tinggi, tatacara merujuk kepada amalan tingkah laku yang berteraskan adab, kesantunan dan norma budaya yang diwarisi secara turun-temurun bagi membentuk masyarakat yang berakhlak, berdisiplin dan beridentiti nasional yang kukuh. Kajian tentang adat dan budaya dalam kesusasteraan Melayu telah lama menjadi fokus sarjana kerana karya sastera tradisional dianggap sebagai wadah utama yang merakamkan sistem nilai, norma sosial dan falsafah hidup masyarakat Melayu. Menurut Hashim Awang (1987), karya sastera tradisional Melayu berfungsi sebagai hiburan dan berperanan sebagai medium pendidikan budaya yang menanamkan nilai adab, tatacara dan akhlak kepada masyarakat.

Menurut Mohd Taib Osman (1989), menegaskan bahawa adat dalam masyarakat Melayu berfungsi sebagai sistem kawalan sosial yang membimbing tingkah laku individu agar selaras dengan norma masyarakat. Dalam konteks sastera, adat digambarkan melalui kepatuhan watak terhadap hierarki sosial, hubungan kekeluargaan dan peraturan pergaulan. Hal ini menunjukkan bahawa sastera Melayu menjadi cerminan budaya yang memartabatkan tatacara sebagai asas keharmonian sosial. Dari sudut adat, *Syair Puteri Akal* memperlihatkan kepatuhan watak wanita terhadap aturan sosial dan budaya yang ditetapkan, sama ada dalam hubungan kekeluargaan, pergaulan masyarakat mahupun dalam membuat keputusan penting dalam kehidupan. Kepatuhan ini mencerminkan prinsip DAKEN 2021 yang menekankan kelestarian adat dan budaya tempatan sebagai teras pembinaan jati diri bangsa. Wanita dalam syair ini tidak digambarkan sebagai pasif, sebaliknya bertindak bijaksana dalam ruang adat yang ditentukan. Secara tidak langsung, ia menegaskan bahawa tatacara adalah peraturan sosial yang wahana pembentukan akhlak dan kebijaksanaan wanita.

Melalui kajian Norazit Selat (2012) pula, menekankan bahawa budaya Melayu sangat menitikberatkan kesantunan dalam tindakan dan pertuturan lebih-lebih lagi dalam kalangan wanita. Beliau menyatakan bahawa wanita Melayu sering dijadikan lambang penjaga adat dan maruah keluarga. Representasi ini jelas kelihatan dalam karya sastra tradisional seperti syair dan hikayat yang menggambarkan wanita sebagai individu berakhlak, beradab dan bijaksana dalam bertindak. Pandangan ini menyokong analisis terhadap *Syair Puteri Akal* yang memaparkan watak wanita sebagai pemelihara nilai budaya tinggi. Ini dapat dilihat melalui rangkap-rangkap syair di bawah :

Seketika duduk raja putera,
Putera pun menyembah Sultan Mengindera,
Patik bermohon berlayar segera,
Hendak meminang ke Belanta Dura.

(Rangkap 31, hlm. 5. *Syair Puteri Akal*)

Setelah putera mendengar sabda,
Lalulah menyembah paduka ayahanda,
Segeralah berjalan usul yang syahda,
Pergi mengadap paduka bonda.

(Rangkap 35, hlm. 6. *Syair Puteri Akal*)

Setelah did[a](e)ngar raja putera,
 Tidak bondanya permai(suri) mengindera,
 Putera pun menyembah d[a](e)ngannya
 segera,
 Patik bermohon ke Belanta Dura.

(Rangkap 38, hlm. 6. *Syair Puteri Akal*)

Setelah did[a](e)ngar permai(suri) mengindera,
 Sembahnya anakanda raja putera,
 Pergilah tuan d[a](e)ngannya segera,
 Janganlah lena di Belanta Dura.

(Rangkap 41, hlm 7. *Syair Puteri Akal*)

Mata-mata menyembah sambil berbisik,
 Ampun tuanku mahkota patik,
 Ini putera Sultan Damsyik,
 D[a](e)ngannya patik bersama naik.

(Rangkap 75, hlm 11, *Syair Puteri Akal*)

/Baginda bertitah manis bers[a](e)ri,
 Silakan anakku hampir ke mari,
 Apakah maksud datang ke mari,
 Maka anakku meninggalkan negeri.

(Rangkap 77, hlm 11, *Syair Puteri Akal*)

Akan sembahnya putera jauhari,
 Ampun tuanku mahkota negeri,
 Sebab pun patik menghadap ke mari,
 Niat nan hendak perhambakan diri.

(Rangkap 78, hlm. 11. *Syair Puteri Akal*)

Setelah sudah baginda berkata,
 Lalulah berangkat duli mahkota,
 Berjalan ke ma(h)ligai tatah permata,
 Mendapatkan anakanda mengerna danta.

(Rangkap 83, hlm. 12. *Syair Puteri Akal*)

Lalulah bertitah Yang Dipertuan,
 Wahai anakku emas tempawan,
 / Anak raja Damsyik berkehendakkan tuan,
 Adakah reda emas tempawan.

(Rangkap 86, hlm. 12. *Syair Puteri Akal*)

Setelah didengar tuan puteri,
 Titah ayahanda demikiannya p[a](e)ri,
 Puteri nan menyembah ayahanda sendiri,
 Tidaklah tuanku patik redai.

(Rangkap 87, hlm. 12. *Syair Puteri Akal*)

Setelah baginda mendengarkan p[a](e)ri,
 Berangkat turun sultan bestari,
 Bertitah kepada muda jauhari,
 Tidaklah reda anakanda puteri.

(Rangkap 88, hlm 13. *Syair Puteri Akal*)

Melalui rangkap syair yang pertama, kedua dan ketiga memaparkan tatacara menghadap raja yang menepati adat Melayu.

Perbuatan “*menyembah Sultan Mengindera*” dan “*menyembah paduka ayahanda*” menunjukkan pengiktirafan terhadap hierarki kekuasaan dan

penghormatan kepada raja sebagai ketua negara dan keluarga.

Permohonan untuk belayar dan meminang tidak dilakukan secara

sewenang-wenang, sebaliknya melalui restu dan perkenan sultan serta permaisuri, sejajar dengan adat Melayu yang menuntut keizinan orang tua dan pihak berkuasa sebelum melaksanakan hajat besar. Ini telah terbukti bahawa martabat wanita adalah tinggi, selaras dengan nilai budaya tinggi Melayu.

Bagi rangkap keempat iaitu peranan ibu bapa dalam urusan perkahwinan telah memperlihatkan peranan permaisuri sebagai ibu yang memberikan nasihat dan restu dengan penuh kasih sayang. Nasihat “*janganlah lena di Belanta Dura*” bukan sekadar peringatan fizikal tetapi mencerminkan kebijaksanaan ibu dalam menjaga keselamatan dan maruah anakanda. Hal ini menepati budaya Melayu yang mengangkat ciri keperibadian wanita sebagai penasihat utama dalam perjalanan hidup anak-anak.

Rangkap ke-lima, enam dan tujuh telah menggambarkan adat menerima tetamu diraja dan utusan luar dengan penuh tertib. Mata-mata memperkenalkan identiti putera secara beradab, diikuti titah sultan yang bersifat mesra dan berhemah. Frasa “*silakan anakku hampir ke mari*” mencerminkan budaya Melayu yang menggabungkan kehalusan budi bahasa dengan ketegasan kuasa. Pengakuan putera untuk “*perhambakan diri*” pula melambangkan kerendahan hati dan kepatuhan terhadap adat istiadat istana.

Justeru itu, rangkap seterusnya pula membawa maksud Musyawarah dan Restu Anakanda. Rangkap 86 hingga 88 jelas menunjukkan pematuhan kepada adat perkahwinan Melayu yang menitikberatkan persetujuan pihak wanita. Sultan tidak membuat keputusan secara sebelah pihak, sebaliknya bertanya kepada puteri tentang keredaan hatinya. Penolakan puteri yang disampaikan secara sopan melalui sembah memperlihatkan budaya Melayu yang menghormati suara wanita dalam bingkai adab dan kesantunan. Tindakan sultan menyampaikan keputusan puteri kepada putera jauhari membuktikan keadilan dan kebijaksanaan pemerintah.

Melalui ke semua rangkap syair di atas, jelas menekankan bahawa adat dan budaya adalah penting dalam kehidupan seseorang terutamanya dalam golongan wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap rangkap syair mempunyai nilai adat dan budaya terutamanya dari segi adat meminang seorang wanita, berkahwin dan lain-lain lagi. Melalui peristiwa dalam ke semua rangkap syait tersebut, jelas terpancar bahawa bukan mudah golongan lelaki ingin memiliki seorang wanita, terdapat banyak cara-cara, adat-adat yang perlu golongan lelaki patuhi. Oleh itu, jelas bahawa ciri keperibadian wanita mempunyai nilai budaya tinggi selaras dengan budaya Tinggi Melayu.

Tidak dinafikan, cara atau perilaku masyarakat Melayu sememangnya dipenuhi dengan adat. Jika tiadanya adat, maka kehidupan masyarakat tidak mempunyai etika. Setiap watak dalam syair, baik putera atau puteri mahupun sultan menunjukkan tingkah laku yang berlandaskan adat dan norma masyarakat Melayu. Syair ini juga menekankan bahawa penghormatan terhadap adat bukan sekadar ritual semata-mata tetapi menjadi asas dalam membina etika. Rangkap-rangkap ini sangat sesuai dengan adat dan budaya Melayu kerana menampilkan amalan seperti adab menyembah, hierarki kekeluargaan, peranan ibu bapa, diplomasi diraja serta musyawarah dalam urusan perkahwinan. *Syair Puteri Akal* berfungsi sebagai karya sastra dan sebagai wahana pendidikan budaya yang memperlihatkan nilai budaya tinggi, sejajar dengan prinsip Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 yang menekankan pemeliharaan adat, adab dan jati diri bangsa.

4.2.2.2 Pakaian Dan Penampilan

Tatacara dalam konteks pakaian dan penampilan merupakan manifestasi nilai budaya tinggi yang mencerminkan keperibadian wanita, maruah diri dan jati diri seseorang individu. Menurut Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 di bawah Teras 1: Budaya Nilai Tinggi, aspek penampilan bersifat luaran dan berfungsi sebagai simbol kepatuhan terhadap norma budaya, adab dan kesantunan yang membentuk identiti nasional. Pakaian yang sopan dan bersesuaian melambangkan kesedaran budaya serta disiplin diri dalam kalangan masyarakat.

Dalam *Syair Puteri Akal*, tatacara berpakaian dan penampilan wanita dapat ditafsirkan secara implisit melalui gambaran watak Puteri Akal yang sentiasa menjaga maruah diri dan kesantunan peribadi. Walaubagaimanapun, teks syair tidak menghuraikan pakaian secara deskriptif moden. Dalam teks syair tersebut menggambarkan wanita yang berakhlak, beradab dan dihormati serta menandakan pematuhan terhadap tatacara berpakaian yang selaras dengan nilai budaya Melayu tradisional. Dalam konteks masyarakat Melayu, penampilan wanita sering dikaitkan dengan sifat malu, sopan dan berhemah yang menjadi asas kepada pembentukan keperibadian unggul. Menurut Mohd Taib Osman (1989), dalam kajiannya pakaian tradisional Melayu berfungsi sebagai simbol budaya yang mencerminkan nilai kesopanan, hierarki

sosial dan identiti masyarakat. Pakaian yang menutup aurat dan bersifat sederhana menandakan kepatuhan individu terhadap adat dan norma budaya.

Pakaian wanita dalam kerangka budaya Melayu bukan sekadar berfungsi sebagai perlindungan tubuh tetapi sebagai lambang kehormatan diri dan keluarga. Menurut Siti Zainon Ismail (2006) pula menegaskan bahawa busana wanita Melayu tradisional seperti baju kurung bukan sahaja memiliki nilai estetika tetapi mengandungi falsafah budaya yang menekankan kesederhanaan, kesantunan dan keseimbangan antara keindahan dan adab. Menurut beliau, penampilan wanita Melayu dijadikan ukuran kepada keluhuran budi dan keperibadian seseorang, terutamanya dalam karya sastera dan teks tradisional. Puteri Akal sebagai watak wanita berakal dan bijaksana digambarkan memiliki keperibadian yang tertib dan mencerminkan penampilan yang terkawal dan tidak melanggar adat. Hal ini selari dengan prinsip DAKEN 2021 yang menekankan pembudayaan nilai kesopanan dan adab sebagai teras kepada pembangunan insan dan masyarakat berbudaya tinggi. Tatacara berpakaian dan penampilan ini dapat dilihat melalui rangkap syair di bawah :

Setelah sudah puteri berkata,
 Hari pun malam sudahlah nyata,
 Dayang dihiasi puteri yang pokta,
 Selengkap pakaian intan permata.

(Rangkap 121, hlm. 17. *Syair Puteri Akal*)

Sangatlah terkejut putera bestari,
 Tunduk diam fikir di jari,
 / Anak siapa gerangnya p[a](e)ri,
 Parasnya seperti para puteri.

(Rangkap 124, hlm. 17, *Syair Puteri Akal*)

Tiadalah hamba panjangkan kalam,
 Matahari pun masuk bulan pun kelam,
 Puteri pun meng(h)ias dayang semalam,
 Berkain songket selendang bersulam.

(Rangkap 146, hlm. 20. *Syair Puteri Akal*)

Berbaju kesumba pulak dib[a](e)ri,
 Bercincin intan selengkap jari,
 Lipat pandan disanggulan puteri,
 Bertambah elok wajahnya berseri.

(Rangkap 147, hlm. 20. *Syair Puteri Akal*)

Bergelang kaki memakai pendaka,
 Bertali leher buah rumbia,
 Berbaju susun urna cempaka,
 Berkancing intan yang mahal harga.

(Rangkap 221, hlm 30. *Syair Puteri Akal*)

Berpakan *l-u-m-n-d-y** lagi bersunting,
 Bersubang intan beranting-anting,
 Bersambutan rambut bekas gunting,

Parasnya laksana bidadari nanti.

(Rangkap 222, hlm. 30. *Syair Puteri Akal*)

Bagi rangkap syair yang pertama telah menunjukkan bahawa proses menghias diri dilakukan mengikut tertib dan kesesuaian masa iaitu pada waktu malam sebelum sesuatu peristiwa penting. Frasa “*dayang dihiasi puteri*” menandakan bahawa perhiasan bukan dilakukan secara sewenang-wenangnya, tetapi melalui peranan tertentu dan mengikut hierarki istana. Pemakaian “*selengkap pakaian intan permata*” pula mencerminkan kelaziman adat diraja yang menuntut kesempurnaan busana bagi golongan bangsawan serta memelihara imej dan kewibawaan istana.

Bagi maksud rangkap yang seterusnya telah memperlihatkan kesan penampilan yang terpelihara apabila putera terkejut melihat kejelitaan yang menyerupai puteri. Reaksi ini menunjukkan bahawa tatacara berpakaian yang betul berupaya menzahirkan keanggunan tanpa melanggar batas kesopanan kerana kecantikan yang ditampilkan masih berada dalam kerangka adat dan tidak bersifat keterlaluan atau menggoda secara berlebihan.

Melalui rangkap tiga dan empat pula menghuraikan secara terperinci keserasian busana, perhiasan dan dandanan rambut. Pemakaian kain songket, selendang bersulam, cincin intan serta sanggul yang kemas menepati adat Melayu yang mementingkan keharmonian warna, kesederhanaan susunan dan ketelitian dalam berhias. Frasa “*bertambah elok wajahnya berseri*” menegaskan bahawa keindahan tercapai melalui keseimbangan antara kesopanan dan kehalusan seni.

Tambahan pula, bagi rangkap lima dan enam telah melengkapkan gambaran tatacara penampilan wanita istana melalui perincian aksesori seperti gelang kaki, kalung, subang dan bersunting. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun perhiasan yang dikenakan banyak dan bernilai tinggi, gambaran yang diberikan masih menekankan keanggunan dan kehalusan bukan kemewahan yang melampaui batas. Perbandingan “*parasnya laksana bidadari*” bersifat metafora estetika yang menyanjung kecantikan dalam kerangka adat, bukannya eksploitasi fizikal.

Jelaslah terbukti bahawa tatacara pakaian dan penampilan juga turut memainkan peranan penting dalam pembinaan keperibadian wanita sebagaimana yang digagaskan dalam kerangka nilai budaya tinggi. Penggunaan busana seperti kain songket, selendang bersulam, baju kesumba serta perhiasan yang lengkap dan tertib memperlihatkan bahawa keindahan penampilan Puteri Akal diraikan dalam batas adab dan kesopanan. Pakaian tersebut merupakan elemen estetika yang berfungsi sebagai simbol kedudukan, kemuliaan dan maruah diri wanita bangsawan Melayu. Penampilan yang teratur dan berlapik ini menandakan kebijaksanaan Puteri Akal dalam menyesuaikan diri dengan adat istiadat serta norma sosial tanpa melampaui batas kesederhanaan.

4.2.2.3 Upacara Dan Protokol

Tatacara yang berkaitan dengan upacara dan protokol merupakan salah satu manifestasi nilai budaya tinggi yang menekankan kepatuhan kepada adat, susunan sosial dan etika pergaulan dalam masyarakat. Menurut Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021, Teras 1: Budaya Nilai Tinggi, upacara dan protokol adalah medium untuk melestarikan budaya tradisional, membentuk disiplin sosial dan memupuk rasa hormat terhadap norma dan hierarki masyarakat. Dalam *Syair Puteri Akal*, nilai tatacara ini dapat dianalisis melalui gambaran watak wanita yang mematuhi aturan-aturan sosial, menjaga maruah diri dan keluarga serta menghormati struktur adat dalam interaksi harian.

Syair ini berbentuk naratif dan simbolik tetapi upacara sosial seperti pertemuan dengan raja, majlis perkahwinan atau penyelesaian konflik ditonjolkan melalui penekanan kepada sikap sopan, penuh hormat dan beradab. Hal ini mencerminkan protokol sosial tradisional Melayu yang menekankan tertib, hierarki dan kesopanan nilai yang selari dengan aspirasi DAKEN 2021 untuk membudayakan nilai tinggi dalam masyarakat. Menurut Norazit Selat (2012) dalam kajiannya mengenai kesusasteraan Melayu menunjukkan bahawa syair dan hikayat tradisional memaparkan upacara dan protokol sebagai unsur penting dalam naratif. Watak wanita yang mematuhi aturan upacara sosial

dipaparkan sebagai lambang kelembutan, kebijaksanaan dan akhlak mulia.

Upacara dan protkol juga menegaskan peranan wanita sebagai penjaga kesantunan dan ketertiban sosial. Dalam syair, wanita yang berkeperibadian tinggi mengambil peranan secara aktif dalam mematuhi protokol, menunjukkan kebijaksanaan dan menyesuaikan diri dengan aturan adat tanpa menjejaskan maruah diri. Ini menggambarkan bahawa upacara dan protokol bukan sekadar ritual formal tetapi wahana pendidikan budaya untuk membentuk disiplin, adab dan kesedaran sosial dalam kalangan individu dan memberi tumpuan dalam kalangan wanita. Ini dapat lihat melalui rangkap syair di bawah :

Datanglah bini wazir yang petah,
Mengadap permai(suri) menjunjung titah,
Di dalam istana ia memerintah,
Seorang pun tidak berani membantah.

(Rangkap 181, hlm . 24. *Syair Puteri Akal*)

Sudah nikah usul yang syahda,
Khidmat menyembah paduka ayahanda,
Dengan hormatnya disambut baginda,
Terlalulah suka di dalamnya dada.

(Rangkap 211, hlm. 28. *Syair Puteri Akal*)

Baginda pun bangkit dengan segera,
 Sambill memimpin tangannya putera,
 Dinaikkan ke atas perarakan berjentera,
 Diiringkan jawatan sama setara.

(Rangkap 212, hlm. 28. *Syair Puteri Akal*)

Sudahlah hadir alat terkena,
 Nobat dipalu gemuruhlah bahana,
 Beraraklah konon muda teruna,
 Sertalah dengan zikir r[a](e)bana.

(Rangkap 213, hlm. 20, *Syair Puteri Akal*)

Berarak itu keliling kota,
 Joget dan tandak dibawa serta,
 Bahananya gemuruh gegak gempita,
 Suatu pun tiada ked[a](e)ngaran nyata.

(Rangkap 214, hlm. 29. *Syair Puteri Akal*)

Serta permainan berbagai urna,
 P[a](e)nuh sesak di dalam istana,
 Berhimpunlah sekaliam bini perdana,
 Terlalulah ramai orang di sana.

(Rangkap 216, hlm. 29. *Syair Puteri Akal*)

Lalulah dipakaikan puteri mengena,
 Kain berpakai emas kencana,
 Berendakan intan yang baik urna,
 Cahanya memancar ke mana-mana.

(Rangkap 218, hlm. 29. *Syair Puteri Akal*)

Melalui rangkap syair yang pertama bermaksud kehadiran tokoh dan penghormat telah menonjolkan kehadiran bini wazir yang berperanan memerintah istana dengan penuh wibawa. Frasa “*Seorang pun tidak berani membantah*” menekankan tatacara menghormati pihak yang diberi kuasa. Ini selaras dengan adat Melayu yang mementingkan hormat-menghormati serta kepatuhan terhadap protokol hierarki dalam urusan pentadbiran istana.

Tambahan pula, bagi rangkap dua dan tiga telah memperlihatkan protokol perkahwinan diraja termasuk khidmat menyembah ayahanda, penyambutan dengan hormat, serta perarakan putera dan puteri. Tindakan “*Dinaikkan ke atas perarakan berjentera, Diiringkan jawatan sama setara*” menekankan kepentingan susunan kedudukan dan penghormatan terhadap gelaran dan jawatan. Tatacara ini memastikan majlis dijalankan secara teratur dan penuh adab, menunjukkan kehalusan budaya istana.

Bagi rangkap empat dan lima pula menunjukkan penggunaan alatan upacara seperti nobat, zikir rebana, joget dan tandak. Bunyi yang gemuruh dan pengiringan konon muda teruna mencerminkan protokol muzik dan persembahan istana yang berfungsi menandakan majlis rasmi dan meriah. Semua elemen ini diatur dengan teliti, mengekalkan kesantunan dan ketertiban walaupun ramai tetamu hadir.

Justeru itu bagi rangkap syair enam dan tujuh pula menekankan susunan perhiasan dan pakaian puteri serta bini perdana. Pemakaian kain emas kencana, berendak intan serta kehadiran ramai wanita bangsawan menggambarkan protokol berpakaian dan estetika istana. Tatacara ini bukan sahaja menonjolkan keindahan visual tetapi memperlihatkan kewibawaan, kesopanan dan status sosial secara tersusun.

Secara keseluruhannya, rangkap-rangkap syair yang dianalisis menunjukkan bahawa upacara dan protokol dalam *Syair Puteri Akal* berfungsi sebagai wahana pendidikan budaya yang membentuk disiplin sosial. Penggambaran adat menghadap, pernikahan diraja, perarakan istana, iringan nobat serta protokol berpakaian wanita memperlihatkan bahawa setiap upacara dilaksanakan secara tertib, sopan dan berlandaskan aturan adat yang kukuh.

Kesepaduan antara unsur adat dan keagamaan yang dizahirkan melalui zikir dan istiadat, turut mencerminkan falsafah hidup Melayu yang mengimbangi tuntutan sosial dan nilai spiritual. Dalam konteks ini, wanita digambarkan memainkan peranan penting sebagai penjaga kesantunan dan ketertiban sosial sama ada melalui pematuhan terhadap protokol, kehalusan tingkah laku mahupun simbol kemuliaan diri yang dizahirkan melalui busana dan adab. Oleh itu, upacara dan protokol dalam *Syair Puteri Akal* adalah ritual formal dan menjadi instrumen

pembinaan keperibadian berbudaya dan nilai budaya tinggi, selaras dengan aspirasi Teras Budaya Nilai Tinggi dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3 NILAI BUDAYA TINGGI YANG TERKANDUNG DALAM SYAIR PUTERI AKAL SEJAJAR DENGAN PRINSIP-PRINSIP DASAR KEBUDAYAAN NEGARA (DAKEN) 2021.

Syair Puteri Akal sebagai karya sastra tradisional yang mengandungi pelbagai nilai budaya tinggi yang selari dengan prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021. Nilai-nilai ini menekankan pembentukan insan berbudaya tinggi, kesejahteraan masyarakat dan pemerkasaan identiti nasional. Sehubungan dengan itu, DAKEN 2021 menekankan sepuluh nilai bersama yang membentuk budaya tinggi: kerohanian, kebaikan, permuafakatan, kemuliaan, kesaksamaan, kesejahteraan, kesetiaan, kejujuran/keikhlasan, keindahan dan kebersihan. Nilai-nilai ini menjadi teras dalam membina masyarakat berbudaya tinggi dan berperadaban. Walaubagaimanapun, kajian khusus tentang *Syair Puteri Akal* iaitu analisis terhadap syair Melayu tradisional menunjukkan bahawa syair seperti ini lazimnya mengangkat nilai kerohanian, etika, kejujuran dan kebaikan yang juga merupakan prinsip utama DAKEN 2021. Nilai-nilai ini dizahirkan melalui watak, pengajaran moral dan naratif syair yang menekankan keindahan budi pekerti, kesetiaan serta penghormatan kepada Tuhan dan sesama manusia. Nilai budaya tinggi dalam *Syair Puteri Akal* sangat selari dengan prinsip-prinsip DAKEN 2021 yang menekankan pembentukan insan berakhlak mulia, beretika dan beridentiti nasional lebih-lebih lagi dalam kalangan wanita. Syair ini juga membantu dalam memperkukuhkan jati diri dan menyumbang kepada kelestarian budaya dan perpaduan masyarakat.

4.3.1 Nilai Kemuliaan Ilmu

Berdasarkan sepuluh (10) nilai bersama yang menjadi pendukung kepada Nilai Budaya Tinggi dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021, kemuliaan ilmu adalah salah satu nilai bersama dalam DAKEN. Kemuliaan ilmu merupakan sikap memandang tinggi kepada ilmu yang menjadi asas pembinaan peribadi dan masyarakat. Budaya akhlah adalah digalak, dibina dan dipupuk. Karya *Syair Puteri Akal* merupakan salah satu teks sastra yang sarat dengan nilai moral, falsafah dan pandangan hidup bangsa Melayu. Melalui watak Puteri Akal, penulis menggambarkan keperibadian wanita yang berilmu dan bijaksana serta berpegang teguh kepada nilai-nilai budaya tinggi yang menjadi tunjang kepada pembentukan jati diri bangsa.

Menurut al-Ghazali (2005), ilmu merupakan cahaya yang menerangi hati manusia dan menjadi jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah, justeru menuntut ilmu dianggap sebagai satu bentuk ibadah yang tinggi nilainya. Dalam erti kata lain, kemuliaan ilmu bermaksud kedudukan tinggi yang diberikan kepada ilmu pengetahuan sebagai asas kepada pembinaan akal, budi dan tamadun manusia. Dalam pandangan Islam, ilmu merupakan cahaya yang menerangi hati, membimbing manusia ke arah kebenaran dan mendekatkan mereka kepada Allah SWT. Oleh sebab itu, menuntut ilmu dianggap sebagai ibadah yang sangat mulia dan menjadi tanggungjawab setiap Muslim.

Dari perspektif ulama tempatan, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1979) melalui bukunya *The Concept of Education in Islam* menegaskan bahawa kemuliaan ilmu terletak pada hubungannya dengan adab. Beliau menyatakan ilmu yang benar bukan hanya untuk pengetahuan, tetapi untuk mendidik jiwa dan menanam adab iaitu mengenali tempat sesuatu perkara dalam konteks keadilan dan kebenaran. Dengan itu, kemuliaan ilmu melahirkan insan beradab yang tahu menggunakan pengetahuan dengan tanggungjawab dan hikmah. Dalam konteks budaya Melayu, kemuliaan ilmu juga diangkat sebagai lambang kecerdikan dan kebijaksanaan seseorang.

Tokoh pejuang pendidikan wanita Melayu, Ibu Zain (1948) dalam tulisannya *Wanita dan Pendidikan* menegaskan bahawa ilmu adalah senjata utama bagi wanita untuk membangunkan bangsa dan menegakkan maruah diri. Wanita berilmu ialah tiang kepada kemajuan dan kemuliaan bangsa. Pandangan Ibu Zain menunjukkan bahawa ilmu menjadi asas kepada pembinaan keperibadian dan jati diri wanita Melayu yang berperanan bukan sekadar dalam rumah tangga, tetapi juga dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Ciri keperibadian wanita dalam *Syair Puteri Akal* dapat dilihat melalui watak Puteri Akal sendiri yang di mana Puteri Akal adalah seorang wanita yang berilmu dan bijaksana. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan kisah dalam syair, kebijaksanaan Puteri Akal dalam syair ini sangat terserlah apabila Puteri Akal berpakat dengan dayang-dayangnya menggunakan kaedah penyamaran bagi memiliki patung Putera Raja Bangsawan dari Damsyik. Puteri Akal telah menitahkan Dayang Puspa Cendera untuk menyamar sebagai dirinya bertemu dan memikat hati Putera Raja Bangsawan sehingga berjaya. Ini dapat dilihat melalui rangkap syair di bawah :

Ramailah tertawa dayang mengindera,
Mendengarkan puteri berbuat cura,
Menyuruhkan dayang Puspa Cendera,
Mendayakan putera muda perwira.

(Rangkap 120, hlm. 13, *Syair Puteri Akal*)

Kerana puteri orang berilmu,
Raja bangsawan jadi ters[a](e)mu,
Keduanya itu sudahlah bertemu,
Kasih dan sayang tiadalah j[a](e)mu.

(Rangkap 360, hlm. 47. *Syair Puteri Akal*)

Melalui rangkap- rangkap syair ini mencerminkan nilai kesantunan, keceriaan dan kepimpinan lembut wanita Melayu dalam konteks budaya istana. Jelas dapat dilihat bahawa melalui watak Puteri Akal dapat digambarkan bahawa sebagai seorang wanita yang berpengetahuan dan mampu menilai sesuatu perkara dengan pertimbangan akal yang rasional. Hal ini dapat dilihat melalui teks syair yang menggambarkan kepetahan dan kebijaksanaannya dalam mengaturkan strategi. Nilai ini seiring dengan gagasan DAKEN 2021 yang menekankan kepentingan ilmu sebagai asas pembinaan tamadun bangsa dan pengukuhan keperibadian wanita. Dalam konteks budaya tinggi Melayu, wanita berilmu bukan sahaja dihormati kerana kebijaksanaannya, tetapi juga kerana kemampuannya menggunakan ilmu untuk membawa manfaat kepada masyarakat.

4.3.2 Nilai Kesetiaan

Menurut Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021, kesetiaan merujuk kepada sifat taat setia, teguh hati, amanah, dan patuh, tidak menyanggah atau melanggar arahan. Nilai ini bukan sahaja merangkumi setiakawan sesama insan, tetapi juga berbakti dan mencintai tanah air tanpa berbelah bagi. Kesetiaan membentuk keperibadian wanita melalui peranan sosial, emosi, dan budaya, walaupun tafsirannya berbeza mengikut konteks dan zaman. Dalam sastra dan budaya Asia Tenggara, wanita digambarkan setia kepada pemerintah, institusi, keluarga, dan pasangan, di mana ketidakpatuhan sering dikaitkan dengan ganjaran atau nasib malang. Dalam sastra Indonesia, penulis wanita menekankan bahawa cinta dan kesetiaan adalah asas utama perkahwinan, dan kehadiran wanita lain tidak semestinya dilihat negatif, sebaliknya melalui perspektif budi pekerti dan rasional tokoh utama wanita.

Secara umum, setia bermakna konsisten dalam komitmen, memegang janji, menjaga kepercayaan, dan tidak mengkhianati meskipun menghadapi godaan, serta meliputi sikap menghargai, menghormati, dan memberi sokongan tanpa syarat. Dalam bahasa Arab, konsep ini merujuk kepada al-wafa (kesetiaan dan pemenuhan janji) dan al-ikhlas (keikhlasan dan dedikasi tulus), yang menekankan inti kesetiaan iaitu komitmen, kejujuran, dan ketulusan. Menurut Darus (2020), perkahwinan digambarkan sebagai sebuah bahtera yang

memerlukan cinta dan kesetiaan kedua pasangan untuk mencapai kebahagiaan.

Menurut Bungalele, MS (2019) menekankan bahawa kesetiaan adalah tolok ukur keutuhan perkahwinan dan merupakan bentuk ketaatan serta keteguhan hati. Dalam *Syair Puteri Akal*, terdapat beberapa rangkap yang memaparkan nilai kesetiaan sejajar dengan prinsip-prinsip DAKEN 202 menunjukkan peranan wanita sebagai individu yang teguh dan amanah. Ini dapat dilihat melalui rangkap syair di bawah :

Puteri pun tahu akannya hati,
Akan kelakuan muda yang sakti,
Sungguh pun kasih dengan seperti,
Lain di mulut lain di hati,
(Rangkap 239, hlm. 32. *Syair Puteri Akal*)

Apa khabar engkau nan Lamat,
Adakah sudah beroleh nikmat,
/ Kasih dan sayang serta rahmat,
Dengan puteri putih yang lumat.
(Rangkap 323, hlm. 42. *Syair Puteri Akal*)

Sebab pun sudah menjadi hamba,
Terlanjuran kasih sudah berasa,
Meskipun disuruh membawak timba,
Sedikit tidak berhati hiba
(Rangkap 245, hlm. 33. *Syair Puteri Akal*)

Hatinya putera sangatlah murka,
Merah padam urnanya muka,
Segeralah pergi hai celaka,
Bencinya aku memandang muka.

(Rangkap 280, hlm 37. *Syair Puteri Akal*)

Melalui rangkap-rangkap syair di atas, telah menonjolkan nilai kesetiaan dan kebijaksanaan watak Puteri Akal sebagai isteri yang berpegang teguh pada prinsip moral dan maruah diri. Puteri Akal menyedari perubahan sikap serta niat sebenar suaminya dan menahan diri dari dihina oleh Putera Bangsawan. Puteri Akal tetap bersikap setia, berakal budi dan tidak bertindak melampaui batas. Kesetiaannya diuji melalui pengkhianatan dan ketidakadilan yang dilakukan oleh Putera Bangsawan. Namun begitu, Puteri Akal tetap mempertahankan amanah sebagai isteri. Gambaran ini selaras dengan prinsip Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN 2021) yang menekankan peranan wanita sebagai individu berkeperibadian unggul, teguh pendirian serta menjadi lambang kestabilan dan keutuhan institusi keluarga.

4.3.3 Nilai Keharmonian

Merujuk kepada bidang kesusasteraan, keharmonian bermaksud wujudnya keseimbangan antara manusia dengan empat dimensi utama: diri sendiri, masyarakat, alam dan Tuhan. Nilai ini menekankan kedamaian dan saling menghormati dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks *Syair Puteri Akal*, keharmonian tercermin melalui watak Puteri Akal yang bijaksana, penyabar dan berperibadi mulia. Hal ini dikatakan demikian kerana menunjukkan cara wanita menjaga keseimbangan dalam diri, keluarga dan masyarakat. Dari perspektif falsafah Melayu, nilai keharmonian berkait rapat dengan akal budi dan kesantunan di mana individu bertanggungjawab mengekalkan keseimbangan hubungan melalui sikap bertolak ansur dan menghormati orang lain dan mengelakkan konflik terbuka (Hashim Musa, 2008; Prof. Dr. Asmah Haji Omar, 1985).

Menurut Kamus Dewan yang terkini iaitu Edisi Ke- 4 (2015) menyatakan keharmonian sebagai keadaan aman, tenteram dan seimbang tanpa konflik, manakala DAKEN 2021 menekankan pengukuhan kerjasama antara pelbagai kaum dan budaya sebagai asas membentuk masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Nilai keharmonian dapat dikaitkan secara jelas berdasarkan beberapa peristiwa penting yang digambarkan dalam syair tersebut. Keharmonian bukan sahaja difahami sebagai ketiadaan konflik, tetapi sebagai usaha berterusan

untuk mengekalkan keseimbangan hubungan, emosi dan tatasusila dalam kehidupan bermasyarakat. Nilai keharmonian ini dapat dilihat melalui rangkap syair di bawah :

Baginda pun mendengar Si Lamat berperni,
Sangatlah suka putera bestari,
Ia tertawa dua laki isteri,
Sambil memandang kepadanya puteri.

(Rangkap 295, hlm. 39. *Syair Puteri Akal*)

Puteri Akal yang bijaksana,
Semuanya didengar madah rencana,
Tunduk diam laila mengerna,
Suatu pun tiada ia berbahana.

(Rangkap 296, hlm. 39. *Syair Puteri Akal*)

Raja bangsawan berkata pula,
Lemak manis seperti gula,
Tingginya hati batu kepala,
Ampunkan dosa kekanda segala.

(Rangkap 495, hlm. 64. *Syair Puteri Akal*)

Melalui rangkap-rangkap syair di atas, secara kolektif menekankan bahawa keharmonian terbina melalui gabungan kesabaran, kebijaksanaan dan permohonan maaf. Watak Puteri Akal, memilih untuk bersabar mengharungi cabaran dalam rumah tangga. Sebagai contoh dalam rangkap-rangkap syair tersebut Puteri Akal memilih untuk menjaga hubungan baik dan keadaan yang baik tanpa sebarang pergaduhan antara satu sama lain. Ini menunjukkan bahawa Puteri Akal

mementingkan nilai keharmonian diri dan hubungannya dengan orang lain termasuk suami sendiri iaitu Putera Raja. Dengan ini, watak Puteri Akal berperanan mengekalkan keharmonian hubungan. Bagi tindakan Putera Raja pula, meminta ampun kepada Puteri Akal dengan segala kesalahannya sepanjang perkahwinan telah menunjukkan penghargaan terhadap nilai wanita dan usaha memelihara kedamaian rumah tangga. Oleh itu, syair ini menonjolkan perpaduan antara ketabahan dan saling menghormati sebagai asas keharmonian sosial dan kekeluargaan, selaras dengan nilai budaya tinggi yang ditekankan dalam DAKEN 2021.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3.4. Kejujuran/Tulus Ikhlas

Nilai kejujuran dan ketulusan hati (tulus ikhlas) merupakan salah satu aspek utama nilai budaya tinggi yang membentuk keperibadian unggul wanita Melayu. Menurut DAKEN 2021, Teras 1: Budaya Nilai Tinggi, kejujuran dan ketulusan merupakan nilai moral yang perlu diterapkan dalam masyarakat sebagai asas pembentukan identiti individu yang berakhlak mulia, bertanggungjawab serta berdisiplin.

Selain daripada itu, dalam *Syair Puteri Akal*, watak Puteri Akal digambarkan sebagai seorang wanita yang bertindak berdasarkan prinsip kebenaran, menepati janji dan bersikap jujur dalam hubungan sosial. Tindakan watak ini mencerminkan sifat tulus ikhlas yang menekankan integriti peribadi dan memberi impak positif kepada masyarakat sekeliling. Menurut Siti Hawa Salleh (1998) pula, menekankan bahawa kejujuran dan ketulusan dalam tindakan dan pertuturan adalah asas kepada hubungan harmonis dalam masyarakat Melayu. Nilai ini ditonjolkan dalam karya sastra sebagai panduan moral yang mendidik pembaca tentang pentingnya integriti, amanah dan kesetiaan terhadap prinsip kebenaran.

Kejujuran dan ketulusan juga terlihat dalam keputusan dan tindakan watak yang tidak mengutamakan kepentingan diri semata-mata, sebaliknya mempertimbangkan kesejahteraan orang lain. Hal ini menegaskan bahawa nilai tulus ikhlas adalah asas kepada pembentukan karakter wanita yang unggul. Secara tidak langsung menzahirkan kepatuhan kepada norma budaya Melayu tradisional. Nilai ni dapat ditonjolkan melalui rangkap-rangkap syair di bawah:

Kerana puteri orang berakal,
Kepada Allah sifatlah tawakal,
Ilmu jauhari habislah pukal,
Bukannya memakai azimat dan tangkal.

(Rangkap 379, hlm. 49. *Syair Puteri Akal*)

/ Jikalau tuanku kurang percaya,
Puteri Akal panggilan dia,
Nescaya terbukalah segala rahsia,
Kebesaran Allah Tuhan yang sedia.

(Rangkap 437, hlm. 57. *Syair Puteri Akal*)

Kedua-dua rangkap menonjolkan nilai keikhlasan dan ketulusan kepada Allah dalam keperibadian Puteri Akal. Bagi rangkap syair yang ke 379, menekankan bahawa puteri mengutamakan ilmu dan usaha sendiri serta menolak kebergantungan kepada perkara ghaib seperti azimat atau tangkal. Ini menunjukkan ketulusan hati dalam setiap tindakan. Rangkap syair yang ke 437 pula, menekankan keberanian dan

kejujuran puteri dalam menyampaikan kebenaran dengan sepenuhnya menyerahkan keputusan kepada kebesaran Allah. Secara keseluruhan, kedua-dua rangkap mencerminkan watak wanita yang berakal, jujur, dan ikhlas dengan kebergantungan penuh kepada Allah sebagai panduan dalam kehidupan.

4.3.5 Nilai Budi

Nilai budi merujuk kepada kebaikan hati, kesopanan dan kebijaksanaan seseorang individu dalam berinteraksi dengan masyarakat. Menurut DAKEN 2021, Teras 1: Budaya Nilai Tinggi, nilai budi adalah salah satu teras utama dalam pembentukan keperibadian individu yang berakhlak mulia, berdisiplin dan berbudaya tinggi. Nilai ini meliputi kesopanan, tanggungjawab, hormat kepada orang lain serta kebijaksanaan dalam membuat keputusan.

Melalui *Syair Puteri Akal*, nilai budi dapat dilihat melalui perlakuan dan sikap watak Puteri Akal yang bijaksana, penuh sopan santun dan peka terhadap kesejahteraan orang lain. Watak wanita dalam syair ini sentiasa mengekalkan adab dan tatacara dalam setiap tindakan, termasuk dalam situasi yang mencabar atau konflik sosial. Tindakan ini menggambarkan budi pekerti yang luhur, selaras dengan prinsip DAKEN 2021 yang menekankan kepentingan pembudayaan nilai moral dan budaya sebagai asas pembentukan keperibadian unggul. Puteri Akal digambarkan membuat keputusan yang berlandaskan pertimbangan akal budi, mematuhi adat dan norma sosial serta mengekalkan kesopanan dalam tutur kata dan tindakan. Nilai Budi melalui watak Puteri Akal ini dapat dilihat dalam rangkap syair di bawah :

Putih kuning safa menger[a](e)na,
 Sifatnya lengkap tujuk laksana,
 Dipandang manis terlalu bina,
 Akalnya tajam amat sempurna.

(Rangkap 12, hlm. 3. *Syair Puteri Akal*)

Berbagailah kata muda jauhari,
 Hendak memujuk hatinya isteri,
 Tersenyum manis tuannya puteri,
 Seraya tunduk fikir dicari.

(Rangkap 253, hlm. 34. *Syair Puteri Akal*)

Secara keseluruhan bagi rangkap-rangkap syair ini, menekankan nilai budi pekerti dan kesopanan yang dimiliki oleh Puteri Akal. Rangkap syair yang ke 12 menonjolkan kehalusan sifat, kecerdikan dan akal yang sempurna. Hal ini mencerminkan nilai budaya tinggi dalam diri seorang wanita yang berpendidikan dan bijaksana. Rangkap syair yang ke 253 pula, menekankan sikap sopan santun dan lemah lembut dalam pertuturan serta kerendahan hati Puteri Akal dalam berinteraksi dengan orang lain. Oleh itu, kedua-dua rangkap ini menggambarkan watak wanita yang berakal, berbudi bahasa tinggi dan menjadi teladan dalam budaya dan pergaulan masyarakat.

4.3.6 Nilai Muafakat

Nilai muafakat merujuk kepada prinsip persetujuan bersama, kerjasama dan penyelesaian secara kolektif dalam mengambil keputusan atau menangani sesuatu isu. Dalam konteks budaya Melayu, muafakat adalah asas kepada keharmonian sosial dan pembentukan masyarakat yang berbudaya tinggi. Menurut Nik Abdul Aziz Nik Mat (2007), dalam konteks Islam pula muafakat adalah dilihat sebagai proses kolektif yang berpandukan ajaran Islam dan bukan hanya memenuhi keinginan orang ramai. Dalam *Syair Puteri Akal*, nilai muafakat dapat dianalisis melalui cara watak Puteri Akal menyelesaikan masalah atau konflik dengan mengutamakan perbincangan, kesefahaman dan pertimbangan bersama pihak lain. Watak wanita dalam syair ini menunjukkan sikap bijaksana, tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa mempertimbangkan kepentingan orang ramai. Pendekatan ini menunjukkan bahawa muafakat bukan sahaja menguatkan hubungan sosial, tetapi juga menzahirkan keperibadian wanita Melayu yang unggul seiring dengan prinsip DAKEN 2021. Nilai ini dapat dilihat melalui rangkap-rangkap di bawah :

/ Puteri nan belas seraya berkata,
Berhamburan d[a](e)ngan airnya mata,
Ayuhai bonda mohonlah beta,
Membawa segala hamba dan harta.

(Rangkap 266, hlm. 35. *Syair Puteri Akal*)

Tiadalah hamba panjangkan ceteranya,
Datanglah kepada esok harinya,
Puteri pun bermohon kepada bondanya,
Laki isteri samalah keduanya.

(Rangkap 268, hlm. 35. *Syair Puteri Akal*)

Jelaslah bahawa nilai muafakat, hormat kepada ibu bapa dan keharmonian keluarga merupakan aspek penting dalam budaya Melayu dan sejajar dengan prinsip DAKEN 2021. Puteri Akal tidak bertindak secara terburu-buru atau menurut kehendak sendiri, sebaliknya berbincang dan memohon persetujuan ibunya dengan penuh adab, menekankan nilai rundingan, kesopanan dan keikhlasan dalam membuat keputusan. Justeri itu, Puteri Akal menghormati keputusan kedua orang tua secara bersama telah mencerminkan kepatuhan, kesepakatan dan keharmonian dalam keluarga.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 PERANAN KEPERIBADIAN WANITA DALAM SYAIR PUTERI AKAL SEBAGAI CERMINAN KEKUATAN BANGSA

Dalam *Syair Puteri Akal*, peranan keperibadian wanita adalah penting untuk membina kekuatan bangsa yang berdasarkan nilai budaya, kebijaksanaan sosial dan akal budi. Watak Puteri Akal tidak digambarkan sebagai orang yang tidak bergerak atau terpinggir; sebaliknya dia digambarkan sebagai orang yang mempunyai kebijaksanaan intelektual, kebijaksanaan emosi dan keteguhan prinsip untuk menghadapi cabaran kehidupan. Keupayaan ini menjadikan wanita sebagai peranan penting dalam mengekalkan kestabilan sosial dan kesinambungan nilai budaya Melayu. Wanita yang berkeperibadian unggul memainkan peranan penting dalam pembinaan bangsa kerana mereka membentuk generasi yang bermoral, beradab dan mempunyai identiti yang kukuh.

Selain itu, *Syair Puteri Akal* menunjukkan bahawa kekuatan wanita tidak bergantung pada kekerasan fizikal sebaliknya ia bergantung pada kebijaksanaan dalam mengatur tindakan, mengawal emosi dan membuat keputusan yang berhemah. Puteri Akal digambarkan sebagai watak yang bijak, berfikir secara logik dan bertindak dengan cara yang teratur tanpa menyimpang daripada norma agama dan tradisi. Keupayaan ini menunjukkan kekuatan dalaman wanita yang berfungsi sebagai penghalang kepada keharmonian rumah tangga dan maruah diri. Kebijaksanaan wanita jenis ini berfungsi sebagai cara

untuk menyelesaikan perselisihan faham yang tidak menjejaskan struktur sosial dalam konteks bangsa.

Dalam konteks sosial yang lebih besar, watak Puteri Akal menunjukkan bahawa wanita juga boleh membantu mewujudkan keharmonian dan keseimbangan dalam masyarakat. Wanita mempunyai keupayaan untuk memainkan peranan strategik dalam ruang sosial yang kompleks kerana keupayaannya untuk menyesuaikan diri dengan struktur dan hierarki sosial yang biasa tanpa kehilangan suara dan kebijaksanaan diri. Peranan ini menegaskan bahawa kekuatan bangsa tidak hanya datang daripada kepimpinan politik atau kekuatan fizikal tetapi daripada peranan yang seimbang antara lelaki dan wanita berdasarkan nilai budaya tinggi.

Syair Puteri Akal meletakkan wanita sebagai tonggak kelestarian budaya dan identiti bangsa. Wanita menjadi medium pewarisan nilai kepada generasi seterusnya dengan menghayati nilai tatasusila, adat resam, adab dan iman. Wanita berfungsi sebagai agen kesinambungan budaya dalam peranan ini yang memastikan kekuatan bangsa terus terpelihara dalam arus perubahan zaman. Oleh itu, *Syair Puteri Akal* adalah teks budaya yang menegaskan bahawa keperibadian wanita memainkan peranan penting dalam membina, mengekalkan dan mengukuhkan kekuatan bangsa Melayu.

4.4.1 Wanita Sebagai Penjaga Nilai Budaya Dan Tradisi

Wanita memainkan peranan penting sebagai tunjang pemeliharaan nilai budaya dan tradisi dalam masyarakat Malaysia. Menurut kajian oleh Yuslinda Rejab (2003), pantang larang dalam kehidupan wanita Melayu menunjukkan amalan budaya yang berterusan dan perubahannya dalam konteks moden serta wanita terlibat dalam menjaga adat tradisi ini. Dalam konteks budaya Melayu, wanita digambarkan sebagai pendidik awal dalam institusi keluarga yang bertanggungjawab membentuk sahsiah, adab dan akhlak generasi muda. Menurut Syafiq Yap Chee Hoe Abdullah (2025), walaupun nilai budaya dan tradisi ini berkait rapat ia memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan identiti bangsa. Terdapat perbezaan yang jelas antara keduanya. Budaya merujuk kepada cara hidup yang lebih luas dan dinamik, manakala tradisi pula berkaitan dengan amalan atau dat yang di warisi secara turun-temurun dan lebih statik. Antara perbezaannya adalah budaya merupakan konsep yang luas dan mencakupi segala aspek kehidupan dalam sesebuah masyarakat.

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1977), beliau menghuraikan konsep kebudayaan sebagai hasil penghayatan akal budi dan adab manusia. Budaya tinggi menurut beliau berpaksikan ilmu, adab dan keseimbangan jasmani-rohani sebagai asas pembinaan tamadun Melayu Islam. Wanita juga memegang peranan sentral sebagai penjaga nilai budaya tinggi dan pelestarian tradisi yang berpaksikan adab dan ilmu. Dalam hal ini, wanita bertindak sebagai ejen utama dalam menyemai keseimbangan tersebut menerusi institusi keluarga di mana mereka menjadi guru pertama yang menerapkan laras bahasa yang santun serta nilai-nilai murni kepada generasi muda.

Pada era globalisasi ini, terdapat isu berkaitan dengan krisis identiti dan kemerosotan adab dalam kalangan generasi muda khususnya wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana pertembungan budaya popular iaitu *Pop Culture* dan globalisasi digital. Dunia tanpa sempadan menyebabkan wanita di Malaysia terdedah secara agresif kepada nilai-nilai Barat dan Asia Timur seperti *K-Pop* yang membawa ideologi liberalisme, materialisme dan hedonisme. Dalam arus ini, nilai tradisi seperti kesantunan berbicara, sifat malu yang bertempat dan adab berpakaian dilabel sebagai kolot atau konservatif. Akibatnya, ramai wanita lebih cenderung mengagungkan budaya luar yang dianggap lebih *vibrant* dan moden sehingga identiti asal yang berasaskan kehalusan budi pekerti semakin dipinggirkan.

Melalui *Syair Puteri Akal*, terdapat beberapa nilai yang dapat dijadikan contoh untuk generasi muda pada masa kini terutamanya dalam kalangan wanita muda. Berdasarkan isu semasa yang dikemukakan, nilai kesantunan dalam pertuturan daripada *Syair Puteri Akal* amat sesuai dijadikan contoh. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai ini menekankan bahawa wanita seharusnya berbicara dengan lemah lembut, penuh adab dan berlapik selaras dengan 10 nilai bersama yang dinyatakan dalam DAKEN 2021. Dalam konteks globalisasi dan pengaruh budaya popular seperti *K-Pop* dan media sosial, ramai wanita muda terdedah kepada gaya komunikasi yang kasar atau berlebihan sehingga menjejaskan adab dan identiti budaya. Melalui peristiwa dalam *Syair Puteri Akal*, nilai kesantunan yang ditonjolkan dalam watak Puteri Akal menunjukkan bahawa wanita pada masa kini harus mengekalkan jati diri dan kehalusan budi pekerti walaupun berhadapan dengan arus budaya moden.

Selain daripada itu, nilai kesantunan dalam pertuturan juga dapat digabungkan dengan amalan penghormatan terhadap orang tua dan guru yang turut ditekankan dalam *Syair Puteri Akal*. Watak Puteri Akal sentiasa mempamerkan sikap hormat-menghormati, mendengar nasihat orang lain dan bertimbang rasa terhadap orang sekeliling. Sikap yang ditonjolkan oleh watak Puteri Akal menunjukkan bahawa kesantunan tidak terhad kepada cara bercakap tetapi merangkumi tingkah laku harian. Nilai ini relevan untuk wanita muda pada masa kini kerana ia membantu mengekalkan keharmonian sosial, membentuk hubungan interpersonal yang sihat dan memastikan identiti budaya Melayu tidak hilang meskipun terdedah kepada pengaruh budaya luar. Dengan meneladani Puteri Akal, wanita muda dapat mempraktikkan komunikasi yang dengan baik dan sopan santun.

4.4.2 Wanita sebagai Pemimpin

Menurut Ariffin (1999), sejarah penyertaan politik wanita dalam pemerintahan demokrasi Malaysia telah wujud sebelum negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Sekiranya dilihat pada zaman globalisasi ini, kaum wanita semakin maju melibatkan diri dalam industri pekerjaan tidak lagi tertumpu kepada bidang-bidang tradisional sahaja sebaliknya kaum wanita kini mampu menembusi dominasi kaum lelaki dalam bidang-bidang kejuruteraan, kehakiman, ekonomi dan politik malah mereka turut memainkan peranan yang sangat baik dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan serta angka penglibatan wanita dalam bidang-bidang yang didominasi oleh lelaki juga semakin bertambah. Tidak dapat dinafikan, peningkatan kedudukan kaum wanita Melayu kini adalah hasil dari perjuangan awal tokoh-tokoh wanita yang berusaha mengangkat darjat dan memperbaiki corak hidup kaum wanita termasuklah mereka yang bergerak aktif melalui parti-parti politik.

Kepimpinan yang berwibawa merupakan elemen asas sebagai peneraju kecemerlangan sesebuah negara dan bangsa. Imej dan identiti negara mahupun bangsa boleh tergugat dek kerana rosak atau lemahnya kepimpinan. Fenomena penglibatan wanita dalam kegiatan seperti politik adalah salah satu daripada pengaruh budaya Barat. Menurut Mohd Roslan (2012), wanita Barat sebenarnya masih mengalami diskriminasi daripada pihak lelaki dalam masalah upah dan gaji pada masa itu. Maka, berlakulah satu gerakan yang menuntut perasamaan hak wanita seperti yang dinikmati oleh kaum lelaki. Menurut Zulkifli (2009), di Barat pemikiran dan gerakan feminisme ini telah membina sebuah keyakinan sehingga ia menjadi satu dogma bahawa tidak ada apa pun yang membezakan antara lelaki dengan wanita, sekalipun secara semula jadi. Akhirnya, wanita telah diberi kebebasan dalam pelbagai bidang agar setanding dengan golongan lelaki.

Penglibatan wanita dalam pelbagai bidang termasuk politik, ekonomi dan profesional menunjukkan bahawa kaum wanita kini mampu menguruskan tanggungjawab domestik, malah turut mengambil peranan sebagai pemimpin dalam masyarakat. Fenomena ini sejajar dengan nilai kepemimpinan, kebijaksanaan dan keteguhan prinsip yang ditonjolkan dalam *Syair Puteri Akal*. Watak Puteri Akal digambarkan sebagai seorang wanita yang bijaksana, berhati mulia dan mampu membuat keputusan tepat dalam situasi yang mencabar. Sebagai

contoh, dalam syair terdapat peristiwa di mana Puteri Akal memberi nasihat kepada bonda dan keluarga dalam urusan perkahwinan dan hal negara rangkap 12–15, di mana nasihatnya diterima dengan baik serta membawa keputusan yang bermanfaat dan harmoni. Peristiwa ini mencerminkan kemampuan wanita untuk memimpin secara intelektual dan moral selaras dengan konsep kepimpinan yang berwibawa.

Nilai ini juga relevan dengan isu semasa, di mana wanita Malaysia semakin berani menyertai bidang-bidang tradisional yang didominasi lelaki termasuk kejuruteraan, politik dan ekonomi. Melalui watak Puteri Akal, syair menekankan bahawa kepemimpinan wanita bukan sekadar kuasa atau jawatan tetapi berlandaskan kebijaksanaan dan pertimbangan rasional. Oleh itu, *Syair Puteri Akal* menjadi contoh sastera tradisional yang menonjolkan kepemimpinan wanita sebagai teladan untuk generasi masa kini di mana kebijaksanaan, akhlak mulia dan kemampuan membuat keputusan yang tepat menjadi asas kepada kepemimpinan yang berkesan.

4.4.3 Wanita Sebagai Teladan Akhlak dan Kesopanan

Menurut Kamus Dewan yang terkini Edisi Keempat (2017), akhlak adalah budi pekerti, kelakuan, tabiat atau tingkah laku manusia. Dalam perkongsian Ustaz Hasri Harun Pensyarah Kanan Universiti Selangor (UNISEL) (2025), menekankan bahawa dalam keghairahan untuk mengangkat martabat wanita nilai dan akhlak mesti terus dipelihara agar selari dengan tuntutan syariat Islam. Menurut beliau, kedudukan mereka dalam Islam adalah sangat tinggi, namun harus difahami bahawa keistimewaan ini datang dengan tanggungjawab untuk menjaga maruah, kehormatan dan kesopanan. Beliau turut mengingatkan bahawa Islam telah menetapkan garis panduan yang jelas bagi wanita dalam menjalani kehidupan mereka tanpa perlu mengorbankan identiti, kesucian dan nilai agama. Firman Allah :

Surah Al-A'raf, ayat 26:

“Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menyediakan pakaian untuk menutupi auratmu dan sebagai perhiasan bagimu. Tetapi pakaian takwa, itulah sebaik-baik pakaian. Demikianlah sebahagian tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka beringat.”

Keruntuhan akhlak dalam kalangan wanita di era globalisasi ini merupakan isu yang sangat kompleks. Remaja yang terlibat dengan permasalahan akhlak kebiasaannya mempunyai latar belakang keluarga yang tidak memberi didikan agama kepada mereka. Pendidikan agama dalam kehidupan seorang manusia tidak dapat dipisahkan. Kepentingan nilai agama ini boleh dikatakan sebagai pemandu kehidupan manusia ke arah kehidupan yang sejahtera. Tanpa pegangan agama, seorang akan hilang panduan dan jati diri dalam menempun kehidupan dunia yang mencabar. Pegangan agama yang goyah atau tidak menitikberatkan kehidupan beragama dari ibu bapa akan memberi impak kepada anak mereka terutamanya dari segi akhlak dan kesopanan. Hal ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Zulkiffly (2006) yang menyatakan wujudnya masyarakat hari ini yang kurang kesedaran terhadap kepentingan agama sama ada dalam kalangan ibu bapa atau masyarakat umum. Selain itu, kajian yang dibuat oleh Phares dan Compas (1992), mendapati bahawa, ibu bapa juga didapati banyak menyumbang kepada masalah tingkah laku anak-anak iaitu gagal menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak-anak mereka di samping mengabaikan ajaran agama.

Melalui *Syair Puteri Akal*, terdapat nilai budaya tinggi yang dapat dijadikan teladan untuk generasi muda pada masa kini terutamanya dalam kalangan wanita muda. *Syair Puteri Akal* memiliki nilai budaya tinggi yang relevan untuk generasi muda khususnya wanita. Watak Puteri Akal menampilkan budi pekerti yang mulia, kesantunan dalam pertuturan dan tingkah laku yang berhati-hati. Nilai-nilai ini dapat dijadikan panduan untuk mendidik generasi wanita muda agar terus memelihara akhlak, kesopanan dan maruah diri walaupun berhadapan dengan arus globalisasi dan pengaruh budaya luar. Kajian oleh Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2020) menyokong pandangan ini, menyatakan bahawa elemen keruntuhan akhlak yang diketengahkan dalam karya sastera seperti novel atau syair bertujuan mendidik masyarakat dan bukan untuk menjatuhkan kredibiliti penulis. Oleh itu, *Syair Puteri Akal* berfungsi sebagai teks sastera tradisional serta sebagai medium pendidikan moral dan akhlak yang mendorong wanita untuk menjadi teladan dalam masyarakat. Keperibadian Puteri Akal yang menekankan akhlak mulia, kesantunan dan kebijaksanaan menunjukkan bahawa wanita boleh menjadi cerminan kekuatan bangsa.

4.4.4 Wanita Sebagai Penyemai Kebijaksanaan

Penyemai adalah merujuk kepada individu yang berperanan menanam dan menyebarkan serta memupuk nilai. Dalam konteks wanita, peranan sebagai penyemai merujuk kepada keupayaan wanita mempengaruhi pembentukan pemikiran, sikap dan tingkah laku melalui pendidikan, asuhan, tutur kata serta contoh peribadi dalam kehidupan seharian. Menurut Kamus Dewan yang terkini iaitu Edisi Ke-4 (2017), kebijaksanaan pula merujuk kepada keupayaan seseorang individu menggunakan ilmu, pengalaman, pertimbangan akal dan nilai moral secara seimbang dalam membuat keputusan dan bertindak secara berhemah.

Dalam era globalisasi ini, terdapat pelbagai masalah rumah tangga tidak kira pangkat ataupun harta. Konflik rumah tangga merujuk kepada keadaan hubungan suami isteri yang berterusan berada dalam suasana tidak harmoni serta dipenuhi pertentangan yang sering memberi kesan lebih besar terhadap kesejahteraan dan kedudukan wanita dalam institusi perkahwinan. Walaubagaimanapun, wanita turut menjadi mangsa diskriminasi dalam pelbagai aspek kehidupan dan mereka tidak terlepas daripada di diskriminasi dari sudut kerjaya dan pekerjaan. Ini kerana mereka dikatakan lebih sesuai duduk di rumah dan menjalankan tugas sebagai isteri dan ibu dengan mengurus rumahtangga sepenuhnya. Menurut kajian oleh Natasha (2017), wanita Melayu turut menghadapi

permasalahan dalam rumah tangga seperti menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Menurut kajian oleh Hasanah & Salwa (2012) pula menyatakan bahawa mereka juga turut berdepan dengan isu perceraian, perebutan dan permasalahan harta sepencarian akibat daripada pelbagai faktor.

Melalui karya *Syair Puteri Akal*, watak Puteri Akal digambarkan sebagai wanita yang berperanan sebagai penyemai kebijaksanaan melalui tutur kata yang berhemah dan tindakan yang berpaksikan pertimbangan akal, kesabaran dan nilai moral yang tinggi. Kebijaksanaan Puteri Akal terserlah apabila beliau tidak bertindak secara emosional walaupun berdepan dengan tekanan, konflik dan cabaran dalam kehidupan rumah tangganya. Sikap ini memperlihatkan keupayaan wanita menggunakan kebijaksanaan sebagai alat kelangsungan diri dan pemelihara keharmonian institusi keluarga. Sebagai contoh, dalam beberapa peristiwa penting dalam *Syair Puteri Akal*, Puteri Akal tetap tenang dan memikirkan idea untuk tidak bertindak terburu-buru dalam mengatur strategi dalam konflik rumah tangganya dengan Putera Raja Bangsawan di mana beliau dikhianati direndahkan oleh suaminya sendiri. Puteri Akal bijak dalam mengatur strategi agar rumah tangganya kekal dalam keadaan baik walaupun beliau terpaksa menjalani liku-liku masalah dalam rumah tangga. Nilai kebijaksanaan Puteri Akal juga boleh dijadikan contoh dan panduan kepada wanita yang teraniaya pada masa kini, khususnya dalam

menghadapi perceraian, perebutan harta sepencarian dan penindasan sosial.

Jelaslah bahawa *Syair Puteri Akal* menampilkan Puteri Akal sebagai simbol wanita bijaksana yang mampu menyemai nilai kebijaksanaan dalam dirinya dan persekitaran sekeliling. Nilai ini relevan dalam konteks tradisional, dan kekal signifikan sebagai panduan kepada wanita masa kini untuk menghadapi cabaran hidup dengan penuh pertimbangan dan kesabaran. Kebijaksanaan yang dipaparkan dalam syair ini membuktikan bahawa wanita bukan sekadar mangsa keadaan tetapi agen penting dalam membentuk keharmonian keluarga dan kekuatan bangsa.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Pada bahagian Bab 5 ini, pengkaji akan merumuskan secara menyeluruh dapatan kajian yang telah dijalankan berkaitan *Nilai-nilai Keperibadian Wanita dalam Syair Puteri Akal sebagai Lambang Budaya Tinggi Berdasarkan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021*. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat yang terkini (2017), kesimpulan didefinisikan sebagai ringkasan dari apa yang telah dibincangkan atau dibicarakan. Seterusnya, perbincangan dalam bab ini bertujuan untuk menghimpunkan serta menilai semula hasil analisis yang telah dikemukakan dalam bab-bab sebelumnya bagi memperlihatkan gambaran keseluruhan tentang nilai keperibadian wanita yang ditonjolkan melalui karya siri warisan sastera klasik Melayu tersebut.

5.0 Rumusan Kajian

Bab ini turut memperincikan rumusan setiap aspek nilai keperibadian wanita yang dikenal pasti melalui *Syair Puteri Akal* berdasarkan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021. Terdapat tiga (3) elemen penting dalam teras satu (1) budaya nilai tinggi. Walaubagaimanapun, pengkaji memfokuskan perbincangan kepada dua (2) elemen sahaja sebagaimana yang digariskan dalam DAKEN 2021 iaitu tatasusila dan tatacara. Hal ini kerana kedua-dua elemen tersebut didapati lebih dominan dan relevan dalam menggambarkan nilai keperibadian wanita yang dipaparkan dalam *Syair Puteri Akal*. Nilai-nilai keperibadian wanita yang digambarkan telah mencerminkan kehalusan budi dan pemikiran masyarakat Melayu dan berfungsi sebagai peranan dalam cerminan kekuatan bangsa terutamanya dalam golongan wanita.

Analisis kajian ini dijalankan berlandaskan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 yang menekankan pemeliharaan dan penghayatan budaya tinggi sebagai teras pembentukan jati diri bangsa terutamanya dalam golongan wanita. Menurut Ismail Bakar (2010), penerapan jati diri ini adalah proses mengukuhkan keyakinan masyarakat terhadap sistem kepercayaan yang dianuti adalah penting. Ini kerana apabila setiap ahli masyarakat berpegang teguh pada ajaran agama, mereka akan cenderung untuk mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak baik. Penghayatan budaya tinggi dan pembentukan jati diri bangsa tidak seharusnya ditumpukan kepada satu golongan semata-mata, sebaliknya golongan wanita juga merupakan kelompok

penting yang perlu diberi penekanan dalam usaha memelihara dan memperkukuhkan identiti bangsa.

Melalui rumusan ini, pengkaji berusaha untuk menunjukkan bahawa *Syair Puteri Akal* adalah karya siri warisan sastera klasik yang bernilai estetika dan mempunyai peranan sebagai lambang budaya tinggi yang mengandungi pengajaran serta teladan berkaitan pembentukan tentang keperibadian wanita Melayu. Justeru itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan terhadap bidang kesusasteraan Melayu terutamanya dalam memperkukuhkan pemahaman tentang karya sastera siri warisan sastera klasik sebagai wahana pemeliharaan nilai budaya dan pembentukan sahsiah wanita.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2 Implikasi Kajian

Bahagian ini menegaskan implikasi kajian yang diperoleh hasil daripada penganalisan dapatan kajian yang telah dijalankan secara menyeluruh. Berdasarkan penelitian terhadap nilai-nilai keperibadian wanita yang digarap dalam *Syair Puteri Akal* serta hubungannya dengan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021, kajian ini membuktikan bahawa wujud kesepadanan nilai bersama yang diterapkan secara berkesan dalam teks syair tersebut. Nilai-nilai seperti kesantunan, kebijaksanaan, keteguhan jati diri dan tanggungjawab sosial yang diketengahkan untuk mencerminkan budaya tinggi bangsa Melayu dan berfungsi sebagai medium pendidikan budaya kepada pembaca. Secara tidak langsung, karya ini berpotensi membentuk kesedaran budaya terutamanya dalam kalangan wanita untuk meneladani dan mengaplikasikan nilai bersama tersebut dalam kehidupan seharian serta menyumbang kepada pembentukan peradaban yang unggul dan selari dengan aspirasi pembangunan kebudayaan negara.

Seterusnya, implikasi kajian ini dapat memberikan kesan kepada pengkaji. Pengkajian terhadap nilai bersama dalam DAKEN 2021 dapat membantu pengkaji dalam memahami bidang kesusasteraan Melayu terutamanya dalam puisi Melayu tradisional seperti syair. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji akan mencari pelbagai maklumat dan memperolehi pengetahuan tentang ciri keperibadian wanita berdasarkan nilai budaya tinggi Melayu, nilai budaya tinggi yang terkandung dalam *Syair Puteri Akal* sejajar

dengan prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Negara (Daken) 2021 dan peranan keperibadian wanita sebagai cerminan kekuatan bangsa. Secara tidak langsung, pengkaji dapat terus memahami syair melalui penyampaian setiap bait yang mengandungi nilai, nasihat dan pengajaran serta dapat mengangkat isu-isu semasa.

Selain itu, kajian ini dilaksanakan untuk membuka minda dan memberikan pendedahan kepada masyarakat terhadap nilai-nilai keperibadian wanita untuk dijadikan contoh kepada generasi masa kini. Hal ini dikatakan demikian kerana segelintir daripada golongan wanita pada masa kini tidak mengambil berat tentang penghayatan nilai budaya tinggi serta keperibadian unggul yang menjadi teras pembentukan jati diri wanita Melayu. Keadaan ini secara tidak langsung boleh membawa kepada penghakisan nilai sopan santun, kesantunan budi bahasa dan tanggungjawab sosial yang sebelum ini menjadi lambang kekuatan budaya bangsa. Oleh itu, melalui penelitian terhadap *Syair Puteri Akal* berlandaskan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 kajian ini diharapkan dapat mengembalikan kesedaran masyarakat tentang pentingnya penerapan nilai keperibadian wanita yang berteraskan budaya tinggi sebagai panduan dalam membentuk generasi yang berakhlak, berdaya tahan dan beridentiti kukuh.

Tambahan pula, kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini akan dijadikan sebagai rujukan. Kajian ini juga amat penting bagi diri pengkaji sendiri bagi menilai tahap kefahaman pengkaji terhadap nilai-nilai keperibadian wanita yang boleh dijadikan contoh dan teladan selaras dengan nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021. Hal ini dikatakan demikian kerana bidang kajian yang menumpukan aspek keperibadian wanita dalam teks sastra tradisional masih kurang diberi penekanan secara mendalam, sedangkan nilai-nilai tersebut berpotensi menjadi panduan dalam pembentukan sahsiah seorang wanita, pemerkasaan identiti budaya serta pemeliharaan warisan bangsa dalam konteks masyarakat kontemporari. Namun begitu, kajian ini jelas memfokuskan mengenai nilai - nilai keperibadian wanita dalam *Syair Puteri Akal* sebagai lambang budaya tinggi berdasarkan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021.

Akhir sekali, implikasi kajian ini juga dapat memberi kesedaran dan iktibar kepada golongan wanita pada masa kini. Seperti mana diketahui, golongan wanita merupakan tunjang penting dalam pembentukan keluarga, masyarakat dan negara. Oleh itu, penghayatan terhadap nilai-nilai keperibadian yang berteraskan budaya tinggi seperti kebijaksanaan, kesantunan, keteguhan prinsip dan tanggungjawab moral amat wajar diperkasakan dalam diri wanita masa kini. Melalui pendedahan terhadap nilai keperibadian wanita yang digambarkan dalam *Syair Puteri Akal* selaras dengan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021, kajian ini diharapkan dapat mendorong wanita untuk menilai semula peranan dan jati diri mereka agar terus menjadi ikon pembinaan bangsa yang berwibawa, berakhlak dan beridentiti kukuh dalam menghadapi cabaran zaman moden.

5.3 Cadangan Kajian

Dalam penghasilan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian dapat menjadi sumber dalam pembentukan akhlak. Kajian terhadap nilai-nilai keperibadian wanita dalam *Syair Puteri Akal* sebagai lambang budaya tinggi berdasarkan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 memperlihatkan keberkesanan untuk terus diterapkan kepada golongan wanita pada masa kini. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan agar dapat memelihara dan memperkukuhkan nilai budaya tinggi serta keperibadian unggul wanita Melayu dalam menghadapi cabaran masyarakat moden.

i. Cadangan daripada Hasil Kajian

Kajian terhadap nilai-nilai budaya tinggi keperibadian wanita melalui *Syair Puteri Akal* ini jelas memaparkan gambaran wanita Melayu sebagai individu yang memiliki kebijaksanaan akal, kehalusan budi, keteguhan prinsip serta kesantunan dalam bertindak. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar karya syair tradisional seperti *Syair Puteri Akal* dimanfaatkan secara lebih sistematik dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu terutamanya sebagai bahan rujukan yang mampu membentuk kefahaman golongan wanita pada masa kini terhadap nilai keperibadian wanita berteraskan budaya dan warisan bangsa. Selain itu, dapatan kajian ini juga wajar dijadikan panduan kepada golongan wanita masa kini dalam mengimbangi peranan diri sebagai individu, anggota keluarga dan masyarakat, selaras

dengan aspirasi Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 yang menekankan pembinaan jati diri, keluhuran nilai dan kelestarian budaya.

Pada masa yang sama, kajian lanjutan disarankan agar memperluaskan skop analisis terhadap genre sastra tradisional yang lain bagi memperkukuhkan pemahaman tentang peranan dan citra keperibadian wanita sebagai lambang budaya tinggi dalam konteks masyarakat Melayu kontemporari.

ii. Cadangan dari Perspektif Sosial dan Pembentukan Masyarakat

Daripada perspektif sosial, kajian ini mencadangkan agar nilai-nilai budaya tinggi keperibadian wanita yang diketengahkan dalam *Syair Puteri Akal* dijadikan asas dalam usaha membentuk kesedaran masyarakat terhadap peranan wanita sebagai ikon kestabilan sosial dan pembina keharmonian komuniti. Nilai kebijaksanaan, kesantunan berbahasa, keteguhan akhlak serta keupayaan wanita dalam membuat pertimbangan rasional yang dipaparkan dalam syair tersebut, wajar dijadikan rujukan dalam menangani cabaran sosial semasa seperti keruntuhan nilai moral, krisis identiti dan pergeseran hubungan kekeluargaan. Sehubungan itu, pengkaji mencadangkan agar pihak berkepentingan seperti institusi keluarga, badan bukan kerajaan dan agensi kebudayaan memanfaatkan khazanah sastra tradisional sebagai medium pemerikasaan wanita dan pembinaan masyarakat yang berteraskan nilai budaya tinggi, selaras dengan prinsip Dasar

Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 yang menekankan keharmonian, kesantunan dan kelestarian identiti bangsa.

iii. Cadangan dari Perspektif Pendidikan

Selain itu, pengkaji mencadangkan agar nilai-nilai keperibadian wanita yang terkandung dalam *Syair Puteri Akal* dijadikan modul atau bahan sokongan dalam kurikulum pendidikan formal dan program pembangunan diri. Nilai seperti kesantunan, kebijaksanaan, kejujuran dan ketabahan yang dipaparkan dalam syair ini boleh diterjemahkan ke dalam aktiviti pembelajaran bersepadu, bengkel kemahiran insaniah serta program kepimpinan dan mentor wanita. Pendekatan ini membantu pelajar dan generasi muda memahami dan menghayati budaya tinggi wanita Melayu dan menyokong objektif DAKEN 2021 dalam membentuk jati diri, disiplin nilai dan kesedaran budaya dalam kalangan rakyat serta menghasilkan individu yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga berakhlak mulia dan berdaya saing dalam masyarakat moden.

5.5 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, melalui kajian nilai-nilai keperibadian wanita dalam *Syair Puteri Akal* sebagai lambang budaya tinggi berdasarkan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021, dapat disimpulkan bahawa syair siri warisan sastra klasik ini memaparkan wanita Melayu sebagai individu yang memiliki kebijaksanaan akal, keteguhan prinsip, kesantunan budi dan semangat juang yang tinggi. Nilai-nilai tersebut mencerminkan ciri-ciri unggul keperibadian wanita dan menjadi panduan moral dan sosial yang relevan dalam kehidupan seharian masyarakat moden. Kajian ini menunjukkan bahawa sastra tradisional seperti *Syair Puteri Akal* boleh dijadikan medium pembelajaran, pemeliharaan warisan budaya dan pembangunan jati diri wanita selaras dengan aspirasi DAKEN 2021.

Akhir kata, dapatan kajian menekankan bahawa penghayatan dan penerapan nilai-nilai budaya tinggi ini mampu memperkukuhkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kesantunan, kebijaksanaan dan ketahanan diri wanita sebagai ikon pembina keluarga, masyarakat dan bangsa. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar karya syair tradisional terus dikaji, dipelihara dan diadaptasi dalam pelbagai bentuk pendidikan, sosial dan budaya agar nilai luhur keperibadian wanita ini kekal relevan dan memberi impak positif kepada generasi masa kini dan akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2004). *Puisi Melayu tradisional: Fungsi dan peranannya dalam masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, S. Y. C. (2025). *Nilai budaya dan tradisi dalam pembentukan identiti bangsa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Abu Seman, N., & Ariffin, S. R. (2020). *Imej wanita korporat dalam teks kesusasteraan Melayu moden Malaysia*. Jurnal Kesusasteraan Melayu Moden.
- Al-Attas, S. M. N. (1977). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- al-Ghazali, A. H. (2005). *Ihya' Ulum al-Din [The revival of the religious sciences]*. Kuala Lumpur: Pustaka Islam.
- Anwar, S. (2016). *Perhubungan gender dalam masyarakat tradisional berdasarkan Hikayat Patani*. Jurnal Kajian Gender dan Tradisi.
- Apandi, S. N. A. M. (2020). *Nilai moral dan akhlak dalam karya sastra Melayu: Satu analisis pendidikan*. Jurnal Sastra dan Pendidikan, 3(2), 45–58.
- Apriliandra, S., & Krisnani, H. (2020). *Budaya patriarki dan diskriminasi terhadap wanita di Indonesia*. Jurnal Kajian Gender dan Sosial.
- Ariffin, A. (1999). *Sejarah penyertaan politik wanita dalam pemerintahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Bahasa dan pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmarani. (2017). Perempuan dalam perspektif kebudayaan: *Perjuangan Raden Ajeng Kartini terhadap budaya patriarki Jawa*. Jurnal Budaya dan Masyarakat.
- Awang Sariyan. (2007). Santun berbahasa. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Yusoff (2017). Kajian novel Salina Yusoff, A. (2017). *Keperibadian wanita dalam novel Salina karya A. Samad Said: Kajian kualitatif*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bahagian Dasar Kebudayaan Negara (2021). Budaya Nilai Tinggi. Bogdan, R., & Taylor, S. J. (2004). *Introduction to qualitative research methods: A phenomenological approach to the social sciences*. John Wiley & Sons.
- Budiani, D. (2023). *Analisis puisi Langit Air Langit Basah dengan kaedah deskriptif kualitatif*. Jurnal Puisi dan Sastra.
- Deviana, E. E. (2012). *Aspek keperibadian tokoh Dila dalam novel "Surat Buat Themis" karya Mira W.: Tinjauan psikologi sastra* (Tesis Sarjana, Universiti Indonesia, Indonesia). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2024). Penerbitan karya sastra dan manuskrip Melayu. <https://www.dbp.gov.my>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2025, Januari 3). *Budaya dan tradisi dalam masyarakat Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ernawati, E., Mariati, M., & Maslikatin, M. (2017). *Analisis novel Air Mata Tuhan karya Aguk Irawan M.N. Menerusi pendekatan psikologi wanita*. Jurnal Psikologi Sastra.

- Fajriyah, K., Mulawarman, W. G., & Rokhmansyah, A. (2017). *Keperibadian tokoh utama wanita dalam novel Alisya karya Muhammad Makhdlori: Kajian psikologi sastra*. Jurnal Ilmiah Bahasa dan Sastra.
- Hamdan, R., & Sujud, A. (2021). *Syair dan realiti masyarakat Melayu tradisional dari perspektif kesedaran diri sastera*. Jurnal Sastera dan Masyarakat.
- Hasanah, A., & Salwa, R. (2012). *Isu perceraian dan perebutan harta sepencarian dalam kalangan wanita Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Hashim Awang. (1987). *Glosari istilah kesusasteraan*. Fajar Bakti.
- Hashim Awang. (1987). *Teori dan kritikan sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasindah, M. (2019). *Citra wanita tokoh utama dalam novel Cerita Tentang Rani karya Herry Santoso: Kajian kritik sastera feminis* (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Malaysia). <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2025/01/03/16883/>
- Ibrahim, R., Hanafiah, M. G., & Md. Radzi, S. B. (2021). *Kepengarangan dalam teks syair diraja kontemporari dari Perak dan Johor*. Jurnal Kesusasteraan Melayu.
- Ibu Zain. (1948). *Wanita dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Nasional.
- Ibu Zain. (2019). *Mengasuh peribadi*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). (2017). *Teladani keperibadian unggul wanita Muslim zaman silam*. <https://www.ikim.gov.my/teladani-keperibadian-unggul-wanita-muslim-zaman-silam/>
- Irfan, M. (2013). *Budaya dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian teori sastera budaya* (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia).

- Ismail Hussein. (1998). *Kesusasteraan Melayu tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, N. H., & Amanda, S. (2023). *Perbandingan kehidupan sosial perempuan Indonesia dan Malaysia dalam kumpulan cerpen Perempuan, Cinta dan Kehidupan*. Jurnal Studio Sosial.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2021). *Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DAKEN) 2021*. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. <https://www.jkkn.gov.my>
- Johari, N. L. B., & Yusoff, F. H. B. M. (2020). *Analisis watak wanita dalam novel Wajah Seorang Wanita oleh S. Othman Kelantan menggunakan pendekatan Sastera Profetik oleh Kuntowijoyo*. Jurnal Sastera dan Budaya.
- Kamus Dewan Edisi Ke-4. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. (2006). *Dasar Kebudayaan Kebangsaan: Pelaksanaan dan pencapaian*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pelancongan Seni & Budaya Malaysia.
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. (2021). *Dasar kebudayaan negara 2021*. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2012). *Dasar Wanita Negara*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

- Khairiah, M. Y. (2019). *Konsep keperibadian dan kesantunan wanita Melayu menurut perspektif Ibu Zain* (Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia, Malaysia).
- Lina, A. (2012). *Citra wanita dalam novel Surat Buat Themis karya Mira W: Tinjauan sastera feminis* (Tesis Sarjana, Universiti Indonesia, Indonesia).
- Mahmor, N. A., & Hashim, N. (2015). *Citra wanita Melayu dalam cerita animasi kanak-kanak Upin dan Ipin*. Jurnal Media dan Komunikasi.
- Mansor, F. N., Zakaria, R., & Wan Mohd Nor, W. H. (2018). *Tadabbur Surah An-Nisa': Suatu penghormatan terhadap wanita*. Dalam 4th International Conference on Islamiyyat Studies 2018 (IRSYAD 2018) E-Proceeding. Faculty of Islamic Civilisation Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohamed, O. (2001). *Penulisan tesis dalam sains sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Roslan, R. (2012). *Wanita dan diskriminasi dalam masyarakat Barat: Satu analisis sejarah dan sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Rosli Saludin. (2000). *Puisi Melayu: Tradisi dan perkembangan*.
- Mohd Taib Osman. (1989). *Bunga rampai kebudayaan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. (1989). *Malay folk beliefs: An integrated organization of worldview and ritual*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusoff, M. Y., Abdullah, A. H., & Sudiro, S. R. (2011). *Isu- isu wanita dalam Tafsir al-Azhar: Kajian terhadap Surah al-Nisa'*. Jurnal Pengajian Islam.
- Muharam, & Zubir, M. (2023). *Gaya bahasa dalam puisi Usman Awang menggunakan model gaya bahasa Tarigan*. Jurnal Linguistik dan Sastra.

- Natasha, A. (2017). *Keganasan rumah tangga dan kesannya terhadap wanita Melayu*. Jurnal Kesihatan dan Sosial, 5(1), 12–25.
- Nazri, N., & Zubir, M. (2013). *Gaya bahasa simile dalam Syair Siti Zubaidah menggunakan pendekatan semiotik*. Jurnal Semiotik.
- Norazit Selat. (2012). *Nilai dan budaya Melayu dalam sastera tradisional*. Penerbit Universiti Malaya.
- Nordin, N. S. A., & Che Abdullah, C. Y. (2018). *Watak wanita dalam Bidadari dari perspektif ginokitik: Penelitian psikologi dan budaya*. Jurnal Kajian Budaya.
- Noremy Md Akhir et al. (Eds.) (2021). *Buku psikologi wanita di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Penerbit Universiti Malaysia Kelantan. Penerbit UKM. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. (2024). Katalog perpustakaan digital. <https://umk.edu.my/perpustakaan>
- Persatuan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH). (2025, Februari 28). Kepentingan nilai dan akhlak dalam aspirasi wanita. <https://wadah.org.my/kepentingan-nilai-dan-akhlak-dalam-aspirasi-wanita/>
- Rajasegaran, N. D. a/p, & Md. Yusof, S. J. (2021). *Kedudukan watak-watak wanita dalam kumpulan cerpen Ammavuku oleh Saras: Analisis menggunakan teori subaltern*. Jurnal Sastera Minoriti Indonesia.
- Resmantia, M., & Wirajaya, A. Y. (2022). *Representasi perempuan dalam Syair Ardan: Kajian feminisme*. Jurnal Sastra dan Budaya.

- Rohmah, S. N. (2020). *Pemuliaan Islam terhadap kaum wanita dalam perspektif Alquran dan hukum positif*. *SALAM: Jurnal Sosial dan Budaya Syar-i*, 7(4), 311–324.
- Rosmah Abdul Rahman (2018). *Kajian novel Ranjau Sepanjang Jalan Rahman, R. A. . Keperibadian wanita dalam novel Ranjau Sepanjang Jalan karya Shahnnon Ahmad: Satu kajian watak Kak Yah*. *Jurnal Sastera Melayu Moden*.
- Siska, D., et al. (2023). *Gaya bahasa metafora dalam novel Konspirasi Alam Semesta*. *Jurnal Bahasa dan Sastra Indonesia*.
- Siti Aisah Murad (1996). *Konsep Nilai dalam Kesusasteraan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.